

DR.1.11.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 1 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan pusat haemodialysis akan ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 mengikut setiap negeri dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kadar penyakit buah pinggang dapat dikawal dan diturunkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan ada mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sepuluh buah pusat haemodialysis baru setiap tahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Cadangan ini masih dalam pertimbangan dan belum mendapat kelulusan. Penubuhan pusat-pusat haemodialysis ini mengikut negeri belum ditentukan pada masa ini. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha bagi memastikan kadar penyakit buah pinggang dapat dikawal dan diturunkan. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

Laporan 'Ronald Registry' tahun 1998 menyatakan bahawa 40% daripada pesakit kerosakan buah pinggang yang baru adalah akibat penyakit kencing manis dan sebilangan besar pula dipercayai disebabkan oleh penyakit teka nan darah tinggi.

Sehubungan ini, strategi pencegahan kedua-dua penyakit ini telah dimantapkan lagi. Saringan dan pemeriksaan kepada golongan berisiko akan diteruskan bagi memastikan mereka yang menghadapi penyakit-penyakit yang

membawa risiko penyakit kegagalan buah pinggang dapat dikesan dengan awal dan diberi rawatan yang berkesan bagi mengelakkan komplikasi penyakit-penyakit ini sehingga melarat menjadi penyakit kegagalan buah pinggang.

Aktiviti seperti Kempen Cara Hidup Sihat bagi menggalakkan orang ramai menjalankan pengawalan tabiat makanan yang seimbang, bersenam secara regular, menjaga berat badan unggul dan mengelakkan dari serangan penyakit.

Kedua, meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi untuk membolehkan pelaksanaan dan rawatan penyakit dengan awal serta dengan regular.

Ketiga, melaksanakan program kawalan diabetes dan tekanan darah tinggi secara menyeluruh meliputi aspek pencegahan, rawatan dan pemulihan.

Keempat, meningkatkan kualiti dan keberkesanan rawatan diabetes dan darah tinggi dengan membentuk *clinical practice guidelines* yang boleh digunakan oleh semua pengamal perubatan di sektor awam dan swasta.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Memandangkan penyakit buah pinggang ini semakin meruncing dan adakah kerajaan akan menggalakkan pembedahan menggantikan buah pinggang sebagai salah satu cara yang lebih efektif dan berapa ramai sekarang orang ramai yang sudah mendaftar untuk menderma buah pinggang? Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang penyakit ini semakin hari kita mendapat lebih banyak kes yang dirujuk ke hospital-hospital kerajaan dan juga swasta. Jadi, untuk meningkatkan program transplantation ataupun pemindahan buah pinggang, program pemindahan organ sedang giat diadakan dengan pembentukan Jawatankuasa Penyelaras Transplantation Kebangsaan semenjak tahun 1998.

Ini termasuk program pendidikan orang awam untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pendermaan organ, penubuhan Tissue and Organ Procurement Team di 16 buah hospital untuk meningkatkan pendermaan organ di kalangan pesakit-pesakit *brain dead* dan menyelaras langkah-langkah bagi pengambilan organ.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana kita sedia maklum, penyakit ini agak serius pada hari ini, banyak yang menghidap penyakit buah pinggang termasuk juga kakitangan kerajaan. Saya rasalah, sudah sampai masanya bagi pihak kerajaan supaya dapat memperuntukkan satu peruntukan khas dan kalau boleh diletakkan di jabatan-jabatan kerajaan. *[Disampuk]* Ini soalnya, minta pihak kerajaan memberikan satu peruntukan meletakkan haemodialysis ini ke jabatan-jabatan kerajaan kerana hari ini banyak kakitangan kerajaan yang menghidap penyakit, lepas itu mereka tuntutan dan kerajaan pun bayar. Ini mungkin akan memerlukan perbelanjaan yang besar, setuju atau tidak kerajaan meletakkan mesin di setiap jabatan kerajaan dan memberikan keringanan bebanan perbelanjaan yang ditanggung oleh kakitangan kerajaan terutama yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang telah saya katakan, bagi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kita hendak mengadakan sepuluh buah pusat setiap tahun mulai dari tahun 2000 ini rancangan Kementerian Kesihatan dari tahun 2001 hingga 2005 iaitu bukan mengikut jabatan tetapi mengikut lokasi. Iaitu kita ada dua model di mana di pusat baru di bandar-bandar kecil di mana lapan buah pusat akan disediakan setiap tahun dan dua buah pusat satelit di bandar-bandar besar. Itu di mana sedia ada, kita akan adakan lagi pusat satelit untuk menampung keperluan dan di bawah rancangan ini kita percaya, kita boleh mengadakan lebih kurang 840 mesin dan juga baru-baru ini kita telah melihat di dalam belanjawan yang dibentangkan, kerajaan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi tahun 2001 di mana untuk memberi subsidi bagi kos rawatan bagi pesakit-pesakit yang menggunakan pusat haemodialysis badan sukarela bukan kerajaan.

Dan di samping itu, kerajaan juga telah berjanji untuk memberi *matching grant* bagi badan-badan bukan kerajaan untuk menyediakan pusat-pusat haemodialysis iaitu RM1 kepada RM1. Terima kasih.

2. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani masalah-masalah permohonan hak milik strata, terutama kes-kes

permohonan hak milik strata bangunan flat swasta dan bangunan kompleks perniagaan yang telah dibina dan mempunyai C.F.O. lebih sepuluh tahun hingga menjejaskan penubuhan badan pengurusan bagi bangunan-bangunan tersebut.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang masih banyak bangunan flat swasta dan bangunan kompleks perniagaan yang telah dibina dan mempunyai CFO lebih sepuluh tahun, yang belum dikeluarkan hak milik strata.

Walaupun begitu, kerajaan dari masa ke semasa sentiasa membantu pemilik-pemilik ini untuk mendapatkan hak milik mereka. Bagi permohonan hak milik strata yang bermasalah, kes-kes ini akan diteliti untuk mengetahui masalah-masalah sebenarnya dan cadangan penyelesaian diberikan untuk mengatasinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah diambil iaitu:-

- (i) Melaksanakan pusat pemprosesan setempat, dengan izin, *one stop agency*, di mana permohonan akan dipanggil bagi membincangkan sebab-sebab permohonan mereka tidak dapat diluluskan supaya langkah sewajarnya dapat diambil selaras dengan kehendak-kehendak Akta Hakmilik Strata. Untuk itu, pusat tersebut juga akan membantu permohonan dalam menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi.
- (ii) Menganjurkan kursus dan juga seminar untuk pegawai dan kakitangan pentadbiran tanah dan pemaju-pemaju yang terlibat.
- (iii) Memberi khidmat nasihat kepada pemaju-pemaju berkaitan dengan permohonan hak milik strata.

Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri iaitu oleh kerana permohonan hak milik strata kepada bangunan flat dan bangunan kompleks perniagaan tidak dapat diluluskan kerana seperti yang saya teliti iaitu oleh kerana ada kerja tambahan dan ubahan kepada bangunan kompleks perniagaan itu atau bangunan flat dan ini adalah

salah satu masalah yang mana pihak Pejabat Tanah dan Galian tidak meluluskan permohonan hak milik strata.

Dan oleh kerana itu, saya harap bolehkah pihak kerajaan melalui Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan kerjasama dari pihak berkuasa tempatan dan pihak kerajaan negeri, supaya kita mengikuti pelan asal bangunan itu atau pelan ukur bangunan itu tidak ambil kira tambahan dan ubahan yang diadakan di bangunan flat atau kompleks perniagaan itu supaya permohonan hak milik strata ini boleh diluluskan dengan secepat mungkin supaya tidak akan menjejaskan kewujudan badan pengurusan bagi bangunan flat dan bangunan kompleks perniagaan seperti di Johor Bahru, Kompleks Holiday Plaza sudah lebih 16 tahun membuat permohonan hak milik strata kepada Jabatan Tanah dan Galian Negeri Johor tetapi masih belum dapat dan bangunan flat di bandar Desa Jaya dalam kawasan Parlimen Gelang Patah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: ... pun tidak dapat lulus. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memberitahu masalah itu supaya senang untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri faham masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Chang See Ten: Kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bila membuat jawapan, dia katakan oleh kerana ada masalah dengan bangunan itu, saya hendak memberitahu kerana kita ada pergi teliti hal ini, saya hendak memberitahu masalah adalah kerana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Chang See Ten: Kerana ada tambahan dan ubahan. Bolehkah kita buat penguatkuasaan undang-undang berasingan, ada berkenaan dengan tambahan dan ubahan, kita biarkan kepada pihak berkuasa tempatan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak soalan!

Tuan Chang See Ten: Kita jangan melibatkan hal ini dalam permohonan hak milik strata supaya tidak akan menjejaskan permohonan hak milik strata kepada

bangunan-bangunan ini. Saya harap pihak kementerian dapat menjawabnya dan saya hendak tambah, kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak, nanti susah hendak jawab. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Pihak kerajaan pun mesti mengakui kesalahan kerana pada masa dahulu pemaju cuma boleh pohon hak milik strata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan banyak. Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti susah hendak jawab.

Tuan Chang See Ten: Enam bulan selepas dapat CFO dan ini adalah satu masalah yang ada ditimbulkan tambahan dan ubahan. Ini adalah kesalahan yang wujud oleh kerana pada masa itu pihak kerajaan tidak peka dan teliti tentang hal ini. Saya harap pihak kementerian boleh jawab. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat dari Gelang Patah. Tentang perkara ini, kita sedar, kita tidak mencukupi kakitangan dan KPTG dan juga PTG minta kerjasama kerajaan setiap negeri membantu. Tentang kes Pulau Pinang, untuk penjelasan Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pinjam PTG

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang disebutkan itu Johor.

Dr. Tan Kee Kwong: Johor, saya tahu. Itu contoh sahajalah kerjasama dengan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Dan untuk soalan yang panjang tadi, setiap kes ada alasan-alasan berlainan, kita akui majoriti kes ini yang projek lama dan secara ringkas kepada Yang Berhormat Gelang Patah, jawapan ialah boleh, sebab kemungkinan kalau Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak buat, dengan izin, *special consideration*, projek-projek lama itu masalah tidak boleh selesai dan sekarang masalah tentang projek-projek lama ini sedang dibincangkan dan saya harap tidak lama lagi boleh keluar garis panduan awam untuk selesaikan perkara yang timbul, bukan sahaja di Johor, di lain tempat seperti Selangor, Wilayah Persekutuan dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Disebabkan masalah ini besar dan sudah lama bersama dengan kita di negara ini, adakah kementerian meneliti sistem strata title yang serupa di negara-negara yang

mempunyai sistem perundangan Komanwel seperti negara India, seperti Singapura, Australia dan juga England dan meneliti cara mana mereka mengatasi masalah strata title yang serupa ini. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enam bulan dahulu lepas nasihat Jemaah Menteri, kementerian saya sudah hantar satu rombongan ke negara jiran iaitu Singapura dan mencari dalaman bagaimana negara itu mengatasi masalah tersebut.

Sebab kriteria-kriteria yang digunakan di Singapura berlainan dan saya gembira dan kes kita tidak macam sangkut lama, mungkin dua bulan atau tiga bulan lewat kepada jiran Singapura tetapi kita sedar kita boleh bantu masalah-masalah di tempatan – sekarang masih kita bincang di Dewan ini, ada *high level* delegasi dari kementerian saya iaitu Ketua Pengarah PTG dan juga pegawai-pegawai kanan sekarang ada melawat kes-kes di Australia tentang *cluster housing*. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Perdana Menteri menyatakan perbezaan pendapatan (per kapita) antara kaum lelaki dan wanita di Malaysia dan antara wanita bandar dan luar bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jali I]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengiraan pendapatan per kapita purata penduduk Malaysia dibuat dengan membahagikan jumlah pendapatan negara iaitu Keluaran Negara Kasar (KNK) pada sesuatu tahun dengan jumlah penduduk pada tahun yang sama. Berasaskan formula ini pendapatan per kapita penduduk Malaysia pada tahun 1999 ialah RM12,300.

Walau bagaimanapun, pengiraan pendapatan per kapita purata mengikut jantina tidak dapat dibuat kerana data KNK tidak dapat diperolehi mengikut jantina. Usaha-usaha akan dibuat dalam masa terdekat supaya kumpulan data mengikut jantina dipertingkatkan.

Bagi melihat perbezaan pendapatan antara jantina dan mengikut kawasan bandar dan luar bandar, sebagai alternatif kita boleh menggunakan data pendapatan isi rumah. Berdasarkan penyiasatan pendapatan isi rumah 1999, pendapatan isi rumah antara jantina dan mengikut kawasan bandar, luar bandar adalah seperti berikut;

Kawasan bandar pada keseluruhannya RM3,103 sebulan. Lelaki RM3.238 sebulan dan untuk wanita RM2,358 sebulan. Untuk kawasan luar bandar, peringkat nasional RM1,718 sebulan, lelaki RM1,797 sebulan dan untuk wanita RM1,272 sebulan. Pada peringkat Malaysia, wanita RM1,870 sebulan, lelaki RM2,580 sebulan dan keseluruhannya RM2,472 sebulan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar. Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Batang Lupar yang soal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang lambat dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. [Disampuk]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ada soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah berhubung dengan wanita ini.

Negara Malaysia mempunyai 50% tenaga wanita. Jadi, pada masa sekarang kerajaan mewujudkan bermacam-macam tabung, beratus juta diwujudkan Tabung TEKUN, Tabung PINTAR, macam-macam nama tabung, beratus-ratus juta jumlah wang untuk tabung diwujudkan, tetapi kaedah untuk mengeluarkan tabung ini disamakan di antara wanita dan lelaki.

Adakah cadangan pihak kementerian supaya tabung-tabung ini dibahagi dua, sebahagian daripada tabung ini digunakan untuk wanita dan kriteria dan ciri-ciri yang dikenakan kepada wanita itu sendiri supaya mungkin keperluan untuk lelaki itu berlainan sedikit.

Begitu juga tabung-tabung lain di luar bandar dan di dalam bandar. Di luar bandar umpamanya ramai wanita ini tidak bekerja tetapi mereka memohon daripada tabung ini tidak mendapat layanan, mungkin tidak tahu. Apakah

Seorang Ahli: [Menyampuk] Soalan, soalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:soalan. [Ketawa] Apakah penerangan yang bakal dibuat oleh pihak kementerian ke luar bandar berhubung

dengan tabung yang akan diwujudkan, mungkin dibahagi dua TEKUN dan sebagainya ini ke luar bandar supaya ramai masyarakat wanita di luar bandar boleh mendapat kemudahan-kemudahan yang diluluskan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, jaguh perjuangan wanita Malaysia. *[Ketawa]*

Saya harap semua pemimpin terutama Menteri-menteri mendengar apa dia suara hati Ahli Yang Berhormat yang saya harap mewakili semua pemimpin kaum Adam yang ada di Dewan yang mulia ini. Setakat ini Yang Berhormat memang tidak ada, setahu kami ciri-ciri di mana wanita diberi kelebihan, itulah nasib wanita.

Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat kita rakan setia perkongsian bersama di dalam membangunkan negara tetapi saya mengucapkan terima kasih. Buat setakat ini memang tidak ada, cadangan itu begitu baik dan saya rasa bahawa semua Menteri di mana ada wujudnya tabung-tabung sebegini rupa akan mengambil perhatian dan memberi peluang kepada wanita supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka tiap-tiap bulan. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, dapat kita melihat bahawa jurang perbezaan pendapatan kaum wanita di luar bandar, di bandar ada sahaja.

Jadi, apakah salah satu puncanya mungkin kerana saranan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Nik Aziz agar wanita tidak diberi tempat untuk bekerja terutama sekali wanita cantik supaya tidak diberi peluang langsung kerana mereka mudah mencari suami dan sebagainya. Adakah ini salah satu puncanya perbezaan ini daripada saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan? *[Tepuk]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat ya. Kalau di Kelantan, kalau kita tidak jaga-jaga saya kluatir angka yang saya beri ini pada tahun-tahun akan datang akan merudum lagi sebab wanita kalau tidak beri peluang untuk bekerja, hendak kena

tunggu, tadah tangan kepada kaum bapa, saya rasa wanita yang mempunyai harga diri dia tidak mahu buat macam itu.

Saya setuju, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana membawa perkara dan saya minta kepada pemimpin-pemimpin daripada negeri-negeri tersebut supaya berjuang untuk wanita. Kami wanita sayang kaum bapa Ahli-ahli Yang Berhormat, maka mestilah kita bersama-sama mengangkat martabat kaum wanita.

[Ketawa] [Tepuk]

Kedua,

Tuan Mohamad bin Sabu: Juhi Chawla. Kami pun sayang kepada Juhi Chawla. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi, itulah terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi itu bukan hanya puncanya tetapi saya boleh nampak, kalau kita tidak jaga-jaga, negeri-negeri di mana pemimpin kaum Adam itu tidak beri peluang malah menyekat wanita-wanita akan dapat risiko itu, kalau tidak tahun ini, saya nampak mungkin bermula daripada tahun hadapan dan masa-masa yang akan datang.

Jadi, saya mintalah kepada pemimpin kaum Adam beri peluang kepada wanita, bukan wanita tidak mahu. Kadangkala kita ini disekat, wanita mempunyai ilmu, kepakaran, mereka boleh bekerja tetapi kadangkala tidak diberi peluang yang sewajarnya.

Jadi, saya nampak bahawa, insya-Allah, kalau ada di antara kita ini memperjuangkan hak-hak wanita, insya-Allah, bersama-sama kaum bapa kita membangunkan negara. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah kementerian membuat pemantauan dan tindakan segera kepada pelaksanaan projek-projek luar bandar sehingga ianya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk sentiasa memantau semua

projek yang dilaksanakan mengikut jadual seperti yang ditetapkan dalam Arahan No.1-1996 iaitu Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional oleh Jabatan Perdana Menteri.

Di bawah arahan ini Jawatankuasa Pembangunan diwujudkan di kementerian. Melalui Sistem Maklumat Bersepadu atau Siap Setia (SMBSS) semua maklumat berkaitan pelaksanaan dan perbelanjaan projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi-agensi dibawahnya diperoleh dan laporan disediakan setiap dua minggu sekali untuk dibincangkan di mesyuarat mesyuarat pengurusan atasan kementerian.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga melaporkan hasil pemantauan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek-projek yang dipengerusikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Selain dari itu, pihak pengurusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan agensi juga mengamalkan *hands on approach* di mana ke semua pengurusan atasan dan pegawai-pegawai dikehendaki memantau pelaksanaan projek-projek.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar pasti dengan wujudnya pemantauan seperti yang dihuraikan, semua projek yang dilaksanakan dapat dinikmati dengan sepenuhnya oleh rakyat desa. Terima kasih.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah kepada dua orang wanita daripada Barisan Nasional kerana dapat kesempatan menjawab pada hari ini, menunjukkan Barisan Nasional memberi kesempatan kepada kaum wanita [*Disampuk*]

Soalan saya, di Kelantan dan Terengganu ini sekarang diambil alih oleh pembangkang. Jadi, saya hendak tahulah keadaan projek-projek yang sedang dilaksanakan di sana, kedudukannya, selain daripada pemantauan yang telah disebutkan oleh wakil Menteri tadi. Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan semua projek di Terengganu dan Kelantan seperti biasa juga. Kita mengamalkan konsep begitu adil, kita tidak pilih asalkan projek itu telah diluluskan ianya akan dipantau seperti projek-projek lain juga. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada jawapan yang telah saya kemukakan tadi dan sebagai soalan tambahannya, saya dapati projek-projek kecil yang dibuat di negeri Kelantan dan khususnya di kawasan saya Pasir Mas, saya dapati walaupun peruntukan yang diturunkan begitu banyak tetapi masih didapati projek-projek itu tidak dilaksanakan dengan sebaik-baik sebagaimana peruntukan yang telah diturunkan.

Jadi, saya memohon daripada kementerian supaya ianya dibuat pemantauan dan sekali gus mengetahui, apakah sebab kerana politik Kelantan berbeza dengan Pusat dan sebagainya sebagaimana berlaku kepada negeri Terengganu. Sekian.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, itu juga satu sangkaan Yang Berhormat, sebab semua projek kita jalankan seperti biasa, bila sudah lulus akan berjalan atau dilaksanakan dan tiap-tiap projek memang ada masalah Yang Berhormat.

Jadi, di kementerian kita memantau dari segi bermacam-macam aspek termasuk status pelaksanaan projek, bukan hanya di Pasir Mas, bukan hanya di Kelantan, bukan hanya di Terengganu tetapi di seluruh negara.

Jadi, projek-projek ini status pelaksanaan yang dipantau termasuk projek yang dalam perancangan, projek yang belum mula, projek yang lewat jadual, projek yang ikut jadual, projek yang dahulu jadual, projek yang sudah siap. Jadi, semua ini dipantau. Jadi, memang ada bermacam-macam masalah dari segi pelaksanaan projek bukan sahaja di Pasir Mas tetapi di mana-mana.

Jadi, di antara daripada masalah-masalah yang selalu diutarakan di dalam mesyuarat ialah seperti kelemahan kontraktor, kita akui. Lepas itu kelewatan dalam proses pengambilan balik tanah. Itu memang satu daripada masalah besar. Lepas itu kelewatan mengurus tender, pertukaran skop, skop kerja, lokasi projek yang menyukarkan pelaksanaan dan termasuk juga masalah cuaca Yang Berhormat. Terima kasih.

5. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada untuk menyekat *award* mahkamah yang tinggi di dalam kes-kes fitnah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada, untuk menyekat *award* mahkamah yang tinggi dalam kes-kes fitnah.

Ganti rugi yang ditetapkan oleh mahkamah dalam kes-kes fitnah adalah berdasarkan prinsip undang-undang yang diterima pakai oleh mahkamah. Mahkamah tidak akan sewenang-wenang menetapkan jumlah ganti rugi dalam sesuatu kes fitnah tetapi jumlah ganti rugi akan ditetapkan dengan mengambil kira semua hal keadaan dalam satu-satu kes tertentu.

Dalam menentukan jumlah ganti rugi, mahkamah berhak mengambil kira dan menimbangkan:

- (i) kelakuan plaintif;
- (ii) taraf dan status plaintif;
- (iii) sifat kata-kata fitnah itu;
- (iv) cara dan takat fitnah itu disiarkan;
- (v) keengganan defendan menarik balik kata-kata fitnah itu atau meminta maaf; dan
- (vi) kelakuan defendan keseluruhannya.

Undang-undang mengiktiraf bahawa seseorang yang difitnah akan terjejas reputasinya dan dia akan dibenci, dihina dan dipersendakan. Oleh yang demikian, apabila reputasi seseorang tercemar, maka sekiranya tidak ada apa-apa hal keadaan yang khusus atau luar biasa dalam kes yang sepatutnya, wajar bagi mahkamah membuat keputusan supaya defendan membayar ganti rugi yang besar jumlahnya.

Ini tidak luar biasa kerana keaiban yang dialami oleh seseorang yang difitnah mungkin lebih buruk daripada bencana kepada dirinya. Jumlah ganti rugi yang tinggi yang ditetapkan oleh mahkamah di Malaysia adalah perlu dan wajar untuk memelihara reputasi dan nama baik seseorang.

Di samping itu juga keputusan yang sedemikian akan memastikan bahawa seseorang lebih bertanggungjawab dalam mengeluarkan kata dan tidak melampaui batas-batas kebebasan bersuara dan mengeluarkan fikiran seperti yang termaktub dalam Perkara 10 Fasal 1(a) Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya hendak tanya mengenai beberapa kes yang melibatkan *award* yang begitu tinggi, melibatkan kes-kes yang dibawa oleh peguam-peguam tertentu yang didapati bercuti bersama hakim-hakim tertentu.

Apakah apabila didapati kes-kes yang berlaku sedemikian, kerajaan akan mengkaji semula *award* yang diberikan daripada kes-kes yang dibawa oleh peguam-peguam yang sedemikian? Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, saya sudah nyatakan tadi kita tidak bercadang untuk meminda undang-undang untuk menyekat *award* tersebut.

Kalau soalan kes *award* yang paling tinggi, mengikut rekod *award* yang paling tinggi dalam kes fitnah adalah RM10 juta dalam kes Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur iaitu kes Tan Sri Datuk Vincent Tan Chin Yon melawan Haji Hassan bin Hamzah dan yang lain, 1995 I, MLJ 39. Keputusan mahkamah ini telah pun disahkan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Apabila satu-satu keputusan telah dibuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi, maka keputusan tersebut kerajaan tidak ada hak untuk meminda *award* yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan wujudnya perbezaan yang ketara di antara *award* dalam kes-kes kemalangan jalan raya dan kes-kes fitnah, adakah kementerian bercadang untuk samakan atau '*stream line award*' atau perbezaan di antara *award* kes-kes ini kerana kedua-duanya adalah berkaitan dengan kecederaan iaitu satu kecederaan kepada tubuh badan dan satu lagi kecederaan kepada reputasi. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kesan seperti yang dinyatakan tadi ialah kepada diri defendan, kalau fitnah menyebabkan dia malu, kalau kemalangan menyebabkan kecederaan diri. Tetapi ianya terletak di bawah akta yang berbeza dan ganti rugi yang ditetapkan mengikut *accident* sebagai contoh, ianya terpulang kepada tuntutan yang dibuat oleh pihak peguam plaintiff kerana daripada segi ganti rugi ini kalau *accident*, kalau kes sivil, apabila dituntut kes-kes mengenai kemalangan diri ianya selalunya dibayar oleh pihak insurans.

Sebab itu setiap pemandu kenderaan diwajibkan mengambil insurans, sedangkan kalau kes fitnah ini ialah kes *private*, yang mana kalau keputusan mahkamah itu dijatuhkan, maka mereka sendiri ertinya pihak yang membuat fitnah itu sendiri yang mesti membayar.

Jadi, saya lihat di sini dua kes yang berbeza dan sudah tentunya ianya tidak wajar kalau kita hendak samakan mengenai ganti rugi kepada dua kes yang berbeza ini. Terima kasih.

6. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah isi padu harian bagi sisa domestik, sisa perindustrian dan sisa toksik di Negeri Pulau Pinang. Apakah kaedah pelupusan yang akan dipraktikkan oleh kerajaan untuk menangani masalah sisa-sisa pembuangan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat anggaran jumlah pengeluaran harian sisa domestik dan komersial di Pulau Pinang adalah sebanyak 1,100 tan sehari. Bagi sisa-sisa toksik di Pulau Pinang maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar melaporkan lebih kurang 315 tan sisa toksik dihasilkan dalam masa sehari.

Dari segi pelupusan sisa toksik, pihak kilang yang terlibat akan mengurus sendiri dari segi pengangkutan, rawatan dan pelupusan dengan Syarikat Kualiti Alam Sdn. Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak pelupusan adalah satu-satunya cara pelupusan yang dipraktikkan oleh kerajaan bagi melupuskan sisa pepejal domestik dan komersial bukan toksik. Kerajaan memang menggalakkan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu iaitu merangkumi aktiviti kitar semula, pelupusan dengan sistem pengkomposan, *incinerator* dan tapak pelupusan *sanitary*. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nibong Tebal.

Tuan Goh Kheng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa perancangan awal untuk mengatasi sisa dibuat terlalu lewat dan adakah Menteri sedar sisa ini telah dibuang ke merata tempat tanpa kawalan iaitu tapak pelupusan sampah haram. Dan, adakah

Menteri sedar di Pulau Pinang iaitu di kawasan saya, terdapat satu tempat pembuangan sampah haram [*Disorak*] selain Pulau Burung. Ada kawasan seluas 30 ekar yang menerima pembuangan sisa toksik [*Disorak*]....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, satu, dua cukuplah. [*Disampuk*]

Tuan Goh Kheng Huat: Ini satu soalan sahaja. [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat sudah keluarkan dua soalan. [*Disampuk*]

Tuan Goh Kheng Huat: Ada kawasan seluas 30 ekar yang menerima pembuangan sisa toksik yang beroperasi haram tidak kurang 5 tahun dengan kadar bayaran RM5 untuk satu pembuangan dan di kelilingi hampir 10,000 penduduk setempat. Sekian. [*Disampuk*]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, jawapan saya senang sahaja. Kalau Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat tersebut silalah hantarkan maklumat tersebut kepada saya, janganlah simpan sendiri dan akhirnya utarakan di sini. Cubalah melalui *internet*, serahkan maklumat ini kepada kementerian untuk diambil tindakan, okay?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Beberapa tahun yang lepas sisa toksik dari negeri Pulau Pinang dibuang di Pulau Pangkor. [*Ketawa*] Jadi, adakah itu satu kaedah pelupusan yang dipraktikkan oleh Kerajaan Pulau Pinang? [*Tepuk*] [*Disampuk*]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, ini satu berita kepada saya. [*Disampuk*] Sama ada Kerajaan Pulau Pinang mempraktikkan cara pelupusan ini, kita akan siasatlah. [*Disorak*]

7. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan yang akan dilaksanakan untuk menolong pelajar-pelajar meningkatkan pengetahuan IT supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam industri IT terutamanya Multimedia Super Corridor (MSC) pada masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang

Berhormat bagi Sandakan untuk mengemukakan soalan ini dan sekali gus ini sebagai satu maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai dengan IT di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat di kalangan pelajar. Pada masa ini kementerian sedang menyediakan kemudahan komputer multimedia kepada sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah di kawasan luar bandar melalui Projek Penyediaan Infrastruktur dan Teknologi Maklumat Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah. Dalam hubungan ini, sekolah-sekolah akan disediakan dengan makmal komputer yang lengkap dengan komputer dan kemudahan internet. Memandangkan penyediaan menyeluruh perlu dibuat, pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga semua sekolah dibekalkan dengan kemudahan TM. Program Perluasan Pengkomputeran ini dilaksanakan pada tahun 2000 dengan melibatkan sebanyak 2,200 buah sekolah rendah dan menengah.

Selain itu Kementerian Pendidikan telah merancang program-program untuk memperkenalkan TM dan meningkatkan celik TM di semua peringkat persekolahan. Antaranya pelaksanaan mata pelajaran Teknologi Maklumat peringkat SPM. Satu lagi program yang telah diperkenalkan ialah Projek Antara Muka Berkomputer dalam mata pelajaran Sains. Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah menggunakan peralatan komputer bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran mata pelajaran tersebut di samping meningkatkan literasi komputer di kalangan guru dan pelajar. Program-program yang lain dijalankan ialah Program Literasi Komputer mata pelajaran pengkomputeran di peringkat tingkatan 6 dan juga Program Rangkaian Munshi.

Di samping itu pelaksanaan Sekolah Bestari yang telah dijalankan di 86 buah sekolah daripada 90 buah rintis Bestari akan diperluaskan secara berperingkat. Dari segi latihan guru pula, maktab-maktab perguruan telah menawarkan Kursus Teknologi Maklumat dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM); Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK); dan kursus 14 minggu. Dari masa ke semasa, maktab-maktab perguruan juga menawarkan pelbagai jenis kursus dalam perkhidmatan dalam bidang teknologi maklumat.

Tadi telah disebutkan mengenai dengan pembinaan 1,500 makmal komputer bagi fasa 1 melibatkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Projek ini dijangka bermula pada awal November 2000. Projek Rintis dilaksanakan di 18 buah sekolah iaitu 3 makmal di setiap daerah.

- (i) Kubang Pasu, Kedah;
- (ii) Kepala Batas, Pulau Pinang;
- (iii) Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- (iv) Parit Buntar, Perak - saya ulangi - Parit Buntar, Perak;
- (v) Temerloh, Pahang;
- (vi) Batu Pahat, Johor.

Bagi fasa 2, Kementerian Pendidikan telah meluluskan pembinaan sebanyak 700 makmal, melibatkan negeri-negeri Pahang, Sabah dan Sarawak. Projek ini dalam peringkat mengeluarkan surat niat kepada kontraktor.

Sekolah Rintis mata pelajaran Teknologi Maklumat. Pelaksanaan mata pelajaran Teknologi Maklumat peringkat SPM telah diperkenalkan di 15 buah sekolah Rintis yang ada kemudahan asas seperti perkakasan komputer dan guru-guru yang berkelayakan pada tahun 1999.

Sekolah-sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Sheikh Ahmad, Arau, Perlis; Sekolah Menengah Kebangsaan Baling, Baling, Kedah – saya ulangi - Sekolah Menengah Kebangsaan Baling, Baling, Kedah – sebab nanti kata pula PAS, kita tidak bawa ke kawasan PAS; Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yusuf, Batu Gajah, Perak – Batu Gajah pun kita bagi; Sekolah Menengah Kebangsaan Gombak Setia, Selangor; Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Saujana, Si Rusa, Negeri Sembilan; Sekolah Menengah Tun Habab, Kota Tinggi, Johor; Sekolah Menengah Ismail Petra, Kota Bahru, Kelantan – ulangi - Sekolah Menengah Ismail Petra, Kota Bahru, Kelantan; [Tepuk]; Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mertajam, Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang – Bukit Mertajam, Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang; Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Melaka, Melaka; - Melaka pun kita bagi; Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam, Kuala Terengganu - saya ulangi -

Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam, Kuala Terengganu, Terengganu; Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Jengka, Maran, Pahang; Maktab Sabah, Kota Kinabalu, Sabah; Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Abang Haji Openg, Petrajaya Sarawak; Sekolah Menengah Teknik Butterworth, Seberang Prai, Pulau Pinang.

Program tersebut juga telah diperluaskan kepada 12 buah sekolah bukan percubaan yang telah diberi kelulusan oleh Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Taman Bukit Maluri, Kepong, Kuala Lumpur; *[Disampuk]* Sekolah Menengah Dinding, Lumut, Perak; Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak; Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kampar, Kampar, Perak; Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh, Pasir Puteh, Kelantan; Sekolah Menengah Agama Nur-I'tifa, Kuala Besut, Trengganu; *[Disampuk]* Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah? *[Disampuk]* Kalau banyak lagi, saya ingat jawab bertulislah. *[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak sebut, hendak habis sudah, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak sebelah sana dapat maklumat yang tepat. Sebab ada yang bangkit mengenai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, kalau perlu boleh teruskan. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ha, terima kasih. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa, Kuala Pilah, Negeri Sembilan; Sekolah Menengah Kebangsaan Buluh Kasap Segamat, Johor; Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng, Yong Peng, Johor; Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Onn Jaafar, Batu Pahat; Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Sekolah Kebangsaan Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Sebanyak 19 modul pembelajaran yang berpandukan SP teknologi maklumat juga telah dibangunkan dan ia boleh diakses oleh guru dan pelajar di laman web <http://kdp.ppk.kpm.my>. Tuan Yang di-Pertua, bahasa komputer ini berasal dari Kedah. *[Ketawa]*

Projek Antara Muka yang saya telah sebut tadi, berkomputer dan mata pelajaran sains telah kita laksanakan pada tahun 1998 di 11 buah sekolah menengah Rintis, di sekitar Lembah Klang. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Maxwell, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Ampang, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Datuk Harun, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Keramat, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekolah Menengah Kebangsaan Selayang Baru, Kuala Lumpur; Sekolah Menengah Kebangsaan Pandamaran Jaya, Klang; Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Medan, Kuala Lumpur.

Kaedah P&P projek ini adalah menggunakan peralatan komputer bagi meningkatkan lebih keberkesanan serta mutu P&P, dengan izin. Mata pelajaran Sains membantu pelajar sederhana dan lembap, lemah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat ringkaskan *[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Program Rangkaian Munshi - Program ini Hai, pihak pembangkang tidak sabar, bila kita beri maklumat yang baik. *[Disampuk]* Sebab kita bercakap sekarang ini mengenai dengan *Information and Communication Technology (ICT)*. *[Tepuk]* Program Rangkaian Munshi.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Parlimen Peranciskah? *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Hai, Pokok Sena pun sudah mula tidak sabar sudah. Ini kita bagi *information*. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat teruskan kalau perlu. Tidak payah layanlah, teruskan. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Program ini telah dikelolakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan. Program-program tersebut telah juga dilengkapi dengan segala kemudahan ICT yang mencukupi. Akhirnya, pada tahun 2000 sebanyak 30 buah sekolah menengah lagi akan

menawarkan mata pelajaran TM ini bersama-sama dengan 18 buah sekolah menengah lain yang bukan dalam *sample* percubaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Nampaknya pelajar-pelajar kita lambat lagilah, terutamanya di luar-luar bandar untuk mendapatkan kemudahan ataupun teknologi ICT ini, lebih-lebih lagi negeri Pantai Timur. Kalau sekadar sebut 1, 2 buah sekolah, saya rasa tidak mencukupi.

Persoalan saya ialah, apakah cadangan kerajaan memandangkan kita melihat bahawa *silicon valley* sekarang ini tertumpu kepada Bangalore di India. Ada atau tidak cadangan kerajaan, kalau selama ini kita ada Pandang ke Barat, Pandang ke Timur, sekarang kita Pandang ke Tengah, Pandang ke India – untuk kita menghantar pelajar-pelajar kita supaya cepat menguasai teknologi ICT ini dan kita dapati MSC kita jadi gajah putih, kalau tidak. Terima kasih. [*Disampuk*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada dua bahagian di situ. Pertama ialah mengenai dengan projek-projek sekolah berkomputer. Saya terus beri jaminan walaupun saya bagi contoh – itu baru contoh, sebab itu Yang Berhormat harus ingat, kita akan lakukan ini berperingkat-peringkat. Telah saya sebut tadi fasa 1, fasa 2 dan harapan kita ialah dalam setahun dua ini boleh dikatakan semua sekolah kita akan adakan makmal komputer.

Untuk soalan yang kedua, saya rasa itu tidak bersangkutan apa yang kita hendak bincang pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sandakan.

Datuk Lau Ngan Siew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan sebelum memberi bantuan kepada pelajar-pelajar di luar bandar seperti komputer-komputer dan alat-alat lain di sekolah-sekolah yang masih belum mendapat bekalan elektrik. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Usaha kita telah lakukan iaitu kita akan hubungi pihak agensi yang lain seperti pihak Tenaga supaya mempercepatkan lagi kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat bekalan elektrik. Walau bagaimanapun,

sekarang bukan sahaja komputer boleh hanya menggunakan dengan ada kuasa elektrik, kita juga bercakap mengenai *wireless computer* pun sudah diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya sampai juga daripada Pendidikan. Soalan No.8.

8. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) adakah negara kita mempunyai 'Dasar Belia Negara', jika ada, bagaimanakah pelaksanaannya, jika tidak, mengapa dan bila dasar tersebut akan digubal; dan
- (b) adakah Malaysia turut serta dalam persidangan Pertama Menteri mengenai Belia di Lisbon pada tahun 1998. Jika ya, apakah saranan diterima dan kejayaan pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Belia Negara telah digubal pada tahun 1985. Dasar ini telah dikaji semula pada tahun 1997 dan dilancarkan semula secara rasmi pada 8 Disember 1997 dengan dinamakan sebagai Dasar Pembangunan Belia Negara. Dasar baru ini memberi penekanan kepada pembangunan belia dalam bidang keilmuan, kepimpinan, pembentukan sikap, kemahiran, keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, kemudahan interaksi sosial dan hubungan antarabangsa.

Dengan penggubalan semula Dasar Belia Negara ini pelaksanaan program-program pembangunan belia untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, patriotik, penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa dan negara dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Sebagai dokumen rujukan, matlamat, strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam Dasar Pembangunan Belia Negara boleh dijadikan panduan untuk semua pihak seperti pertubuhan-pertubuhan belia, agensi kerajaan dan sektor korporat dalam merancang dan melaksanakan program untuk memperkasa pembangunan belia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak menghadiri persidangan Pertama Menteri mengenai Belia di Lisbon, Portugal pada tahun 1998 kerana di dapati agenda persidangan yang berkenaan tidak memberi apa-apa faedah kepada negara, lebih-lebih lagi pada tempoh tersebut kerajaan tidak menggalakkan pemergian menteri dan pegawai-pegawainya keluar negara pada waktu negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniahlah kepada pihak kementerian kerana pada 8 Disember 1997 telah mengubah Dasar Pembangunan Belia Negara. Saya rasa dasar ini tidak akan berjaya jika tidak adanya penglibatan ataupun peranan yang dimainkan oleh pihak swasta ataupun masyarakat. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulaskan sedikit tentang peranan dan juga penglibatan pihak swasta dan juga pihak NGO dalam usaha untuk menjayakan dasar ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kluang tadi. Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak swasta tetap memainkan peranan yang penting dalam usaha menjayakan Dasar Pembangunan Belia Negara. Tetapi pada tanggapan umum selama ini, pihak swasta hanyalah memainkan peranan sebagai penaja dalam program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang tertentu sahaja. Itu tidak memadai sebab pada hakikatnya pihak swasta juga turut memainkan peranan yang penting dalam penganjuran program-program yang serasi dengan Dasar Pembangunan Belia Negara. Umpamanya, pengilang-pengilang ataupun pihak swasta yang berkenaan dapat menganjurkan program belia untuk kakitangannya sendiri dan juga kaum keluarga kakitangannya. Ini satu contoh sahaja.

Beralih kepada NGO pula. Selama ini NGO memainkan peranan sebagai penggerak dalam menjayakan Dasar Pembangunan Belia Negara. Merekalah orangnya yang perlu mencetuskan idea-idea dan juga cadangan dan pandangan yang bernas untuk menganjurkan program-program untuk pembangunan belia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucap tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan sebab semasa persidangan di Warsaw pada bulan Ogos lepas, bahkan William Angel, iaitu Pengarah

dari United Nations Youth Section juga mengucapkan tahniah kepada Malaysia kerana bantuan kepada gerakan belia. Tetapi apa yang berkurangan dilihat dari segi bantuan kewangan kepada pergerakan-pergerakan belia, umpamanya kalau kita lihat di Hungary memberi 1% daripada cukai strategik diberi kepada badan-badan belia atau NGO membangun belia selaras dengan dasar belia negara tersebut, dan di Amerika badan-badan belia ini dianakangkatkan oleh syarikat-syarikat yang besar dan macam manakah cara pendekatan di Malaysia sekarang ini yang mana tertumpu kepada pihak kerajaan sahaja, adakah perubahan akan disarankan. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soal peruntukan sering kali dibangkitkan, saya mengalu-alukan sebarang cadangan atau pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Yang Berhormat bagi Batang Lutar dalam perbincangan Belanjawan ini supaya kementerian saya akan dapat diberi peruntukan yang lebih lumayan lagi pada masa yang akan datang.

Beralih kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lutar, skim anak angkat yang disebutkan itu sebenarnya juga dituruti dan dilaksanakan dalam konteks kita di Malaysia. Umpamanya, program Rakan Muda, Imej Baru Rakan Muda yang telah pun dilancarkan pada 14 Oktober 2000 baru-baru ini. Penekanan juga diberi kepada pihak-pihak swasta yang sanggup tampil ke depan untuk memberi bantuan, untuk memberi penajaan demi menjayakan program-program Rakan Muda, dan mereka ini bolehlah dirangkumi sebagai volunteers ataupun rakan setia kepada program Rakan Muda. Inilah satu-satunya yang saya anggap agak mirip kepada apa yang disebutkan tadi walaupun tidak semestinya kita pakai istilah 'anak angkat'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Wan Nik bin Wan Yussof.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, dapat masa ihsan daripada Tuan Yang di-Pertua. Soalan No. 9.

9. **Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jumlah sekolah (mengikut negeri) di seluruh negara yang telah menjayakan "projek Sekolah Online" (SOL); dan
- (b) sejauh manakah penglibatan Telekom Malaysia Berhad dalam menjayakan projek SOL tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini jawapan 'ihсан' atau jawapan 'royalti'? [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan -

- (a) 'Projek Sekolah Online' (SOL) merupakan projek kerjasama antara majlis guru besar dengan beberapa buah syarikat swasta. Kementerian Pendidikan difahamkan bahawa pada masa ini projek tersebut masih lagi di peringkat permulaan dan 37 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai sekolah-sekolah *pilot project*, dengan izin.
- (b) Penglibatan Telekom Malaysia Berhad dalam projek ini adalah sebagai penyumbang akaun TMnet secara percuma kepada sekolah, guru dan pelajar. Bagi *pilot project*, dengan izin, ini pihak Telekom telah memperuntukkan sebanyak RM20,000 akaun TMnet.

Bilangan sekolah yang terlibat projek Sekolah Online mengikut negeri ialah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan.

Projek Online adalah projek kerjasama antara Telekom yang telah saya sebutkan, gabungan majlis guru besar, Microsoft Malaysia, UBM Trend Consultancy dan Malaysian Information Technology Berhad.

Kedua, Majlis menandatangani perjanjian kerjasama pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan pada 28 Ogos 2000. Kita buat kerja, bukan kita keluar kempen-kempen macam parti PAS.

Ketiga, objektif projek persediaan awal kepada guru, pelajar sekolah dan masyarakat untuk menuju ke arah sekolah bestari;

Keempat, menampung keperluan dalam melancarkan proses transformasi sistem pengajaran dan pembelajaran;

Kelima, membantu keberkesanan pelaksanaan di sekolah bestari;

Keenam, sebagai medium perubahan sistem pembelajaran yang sedia ada kepada sistem pembelajaran yang akan digunakan pada sekolah bestari.

Ketujuh, aktiviti yang telah dilaksanakan setakat ini ialah mengenal pasti sekolah untuk melaksanakan projek ini, kedua, sedang memproses pendaftaran akaun TMnet.

Akhir kata, saya beri jaminan bahawa menurut Budget yang kita akan kemukakan ini saya rasa mintalah pihak kita semua beri satu persetujuan yang besar supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: *[Bangun] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 23 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis;

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." [31 Oktober 2000]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jelutong.

11.06 pagi.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya satu peluang untuk berucap dalam perbahasan Belanjawan 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah mencapai kemerdekaan selama 43 tahun. Kalau 43 tahun itu disamakan dengan usia seorang manusia, maka Malaysia sebagai seorang manusia sedang berada pada tahap perdananya, iaitu *at its prime*. Malaysia sudah cukup matang dalam segala segi. Dari sepak terajang politik antarabangsa sehinggalah kepada menangani politik perkauman di Kampung Rawa Pulau Pinang beberapa tahun yang lalu.

Pada usia sedewasa 43 tahun ini adalah agak malang sekiranya masih ada pihak yang cuba mengambil peluang untuk melumpuhkan negara dengan menimbulkan isu perkauman dan keagamaan. Lebih malang lagi dalam usaha kita untuk menyatupadukan rakyat negara ini untuk meletakkan kepentingan negara Malaysia mengatasi perbezaan yang ada, namun masih ada pihak yang cuba untuk memporak-perandakan masyarakat dengan fahaman politik picisan mereka.

Kita ingin melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang walaupun kaya dengan budaya dan peradaban asal turun-temurun dengan keunikan tersendiri di mana biar sekalipun asalnya kita Melayu, Cina, India, Sikh, Serani, Kadazan, Iban dan lain-lain, namun kita semua tahu untuk meletakkan Malaysia di atas segala perbezaan kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membincangkan masalah integrasi kaum di negara ini secara terbuka dan mengambil pengalaman peribadi saya sendiri. Saya berkesempatan mendapat latihan dari sebuah sekolah yang pada saya memainkan peranan paling penting dalam menjadikan saya seorang warganegara yang bertanggungjawab. Lebih penting lagi sekolah ini mendidik saya supaya menjadi seorang manusia yang meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan individu atau kaum-kaum tertentu.

Bagi kebanyakan orang, Maktab Tentera Diraja atau lebih dikenali dengan singkatan RMC mungkin hanya sebuah lagi sekolah berasrama penuh di negara kita. Mungkin ada ibu bapa yang bercita-cita untuk menghantar anak mereka belajar di RMC disebabkan disiplin ketenteraannya. Tidak kurang juga yang ingin agar anak mereka cemerlang dalam bidang pelajaran dan kemungkinan juga yang ingin anak mereka berjaya dalam hidup. Apa pun alasannya RMC adalah sebuah institusi berprestij dan elit. Elitnya RMC bukan kerana golongan aristokrat atau bersandarkan kepada beberapa golongan yang terpilih, tetapi disebabkan tradisi dan budayanya yang tersendiri yang dibentuk sejak penubuhannya hampir 50 tahun lalu.

Keunikan RMC terletak kepada kepelbagaian anak-anak Malaysia yang terpilih.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jelutong, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jelutong, saya tertarik dengan wakil Jelutong pada sesi Parlimen ini. Jelutong sekarang lebih positif daripada Jelutong dahulu. Jelutong dahulu merapu sahaja datang, Jelutong sekarang sekurang-kurangnya ada idea yang baik. *[Ketawa]* Betul. Saya ucap syabas kepada Jelutong bahawa penting kita ada satu generasi warisan warga Malaysia yang baru, ini yang muda ada disiplin, tidak terbawa pada unsur-unsur yang negatif seperti kita dengar sekarang. Adakah caranya sekadar hanya kita mungkin hendak mengukuhkan lagi RMC ataupun Yang Berhormat lebih terbuka dengan cadangan mengapa tidak kita minta kerajaan timbang adakan national service seperti kita dengar di negara-negara lain.

Mungkin kita tidak boleh tumpu kepada semua anak-anak muda kerana kosnya lebih tinggi. Tetapi kita boleh tumpukan kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang penting. Katakanlah yang masuk ke universiti sahajakah. Apakah pandangan Yang Berhormat? Jeli tak tahulah sebab dia duduk dalam hutan kerana dia surveyor, dia tak tahu cara dalam bandar. Yang dalam hutan ini dia kena disiplin. Jeli saya tak bimbang, disiplin Jeli alhamdulillah, yang lain-lain saya belum tahu di sebelah sana. Saya hendak minta pandangan Jelutong tentang perkara ini.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Saya memang menyokong idea national service ini sebab saya berasa ini adalah satu cadangan yang sangat baik untuk menyatupadukan rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, keunikan RMC terletak kepada kepelbagaian anak-anak Malaysia yang dipilih untuk bergelar putera. Tidak kira warna kulit atau perbezaan agama, semuanya dilatih dan dicanai dalam satu acuan. Semuanya bersandarkan kepada satu ideologi dan aspirasi untuk melihat terlahirnya lebih ramai anak muda Malaysia yang bukan sahaja mampu mentadbir dan memimpin negara tetapi juga berani menggadai nyawa untuk mempertahankan bumi tercinta. Setelah sekian lama RMC bukan sahaja telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan bangsa Malaysia tetapi juga telah menyentuh hati ribuan bekas puteranya sendiri yang saya pasti rata-rata akan bersetuju bahawa RMC bertanggungjawab atas kejayaan mereka pada hari ini.

Jaringan meluas antara bekas putera yang terdiri dari menteri dan ahli pembangkang, tokoh-tokoh sukan dan pemimpin-pemimpin di bidang lain turut membantu meningkatkan imej RMC. Kalau dilihat dalam bidang ketenteraan pula, hampir semua panglima tertinggi Angkatan Tentera Malaysia adalah dari kalangan bekas putera. Kita juga dimaklumkan bahawa selain jawatan Ketua Setiausaha Negara terdapat lapan lagi bekas putera RMC yang pada waktu ini menjawat jawatan Ketua Setiausaha di beberapa kementerian. Namun demikian, kecemerlangan RMC tidak boleh hanya tertumpu kepada kejayaan yang ditempa oleh individu-individu ini malah harus dilihat dari perspektif dan relevannya RMC pada alaf baru ini.

Persoalannya bukanlah kepada berapa ramai menteri atau berapa ramai KSU dan berapa ramai panglima tentera yang telah dihasilkan oleh RMC, tetapi yang lebih

penting yang perlu difikirkan adalah apakah RMC pada waktu ini mampu untuk terus melahirkan para pemimpin di kalangan masyarakat yang tidak memilih bangsa atau warna kulit dalam menjalankan tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketengahkan adalah satu hasrat untuk menyediakan sebuah kilang bagi melahirkan satu bangsa yang kental daya tahannya serta berbudaya tinggi. Apa yang sedang hangat diperdebatkan pada masa ini terutamanya dalam konteks sekolah wawasan sebenarnya telah lama wujud di RMC. Semangat setia kawan yang dipupuk melalui latihan dan disiplin ketenteraan mengatasi dan melampaui sebarang perbezaan warna kulit dan latar belakang. Inilah latihan pembinaan character kemanusiaan yang jarang-jarang kita lihat dilakukan di sekolah-sekolah biasa. Semangat yang sebegini amat perlu untuk menentukan keharmonian dan kemakmuran yang berterusan dalam negara seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, konsep sekolah wawasan adalah baik, tetapi ianya akan turut gagal mencapai matlamat integrasi kaum jikalau masalah pokok polisi pendidikan kita tidak berubah. Masalah pokok yang saya katakan adalah peruntukan dan bantuan kerajaan yang tidak mencukupi kepada sekolah-sekolah bantuan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan missionary mengikut perkauman. Jikalau kita akui sekolah-sekolah bantuan ini telah memainkan peranan mendidik anak-anak Malaysia kita dengan *cost effective*, jika kita mempunyai 60,000 pelajar bukan keturunan Cina belajar di sekolah-sekolah Cina, mengapa kita masih enggan memberi peruntukan atau bantuan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah ini.

Alasan-alasan bahawa sekolah-sekolah ini masih mengekalkan lembaga pengarah mereka sebagai sebab sekolah-sekolah ini diasingkan tidak lojik sama sekali kerana tanah atau bangunan sekolah bukan boleh dilarikan oleh lembaga pengarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, kawan baik saya dari Jelutong. Di kawasan saya boleh dikatakan 90% sekolah rendah bantuan aliran bahasa Cina. Murid-muridnya yang majoritinya datang dari bukan kaum Cina tetapi kaum Iban. Jadi, ahli lembaga sekolah juga terdiri daripada orang yang bukan dari keturunan Cina tetapi juga dari

keturunan Iban. Di luar bandar mereka ini tidak ada sumber kewangan. Jadi, macam mana kalau kita minta kerajaan tidak mengenakan *matching grant* dengan izin, tetapi memberi bantuan yang penuh untuk membuat bangunan dan infrastruktur dan alat-alat bantuan mengajar untuk sekolah yang seperti ini.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya memang bersetuju dan menyokong cadangan itu. Sebab tanah dan bangunan sekolah tetap akan kekal untuk mendidik anak-anak Malaysia kita. Tolonglah sekolah-sekolah bantuan ini untuk menolong negara kita dalam proses integrasi perkauman terutamanya pada masa anak-anak kita masih muda lagi.

Sementara kita berusaha mencapai integrasi kaum melalui konsep sekolah wawasan, saya juga berharap kita jangan terlepas pandang atau overlook alternatif-alternatif lain untuk mencapai matlamat ini. Di antara alternatif-alternatif yang lain adalah menyalurkan bantuan dan peruntukan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah bantuan Tamil, Cina dan missionary supaya lebih ramai murid-murid dari berbilang kaum dapat menyertai sekolah-sekolah ini.

Dalam mencari jalan untuk mencapai integrasi kaum di negara kita cara memaksa atau ugutan bukanlah cara yang baik. Kita bukan sahaja terpaksa mencari satu penyelesaian (solution) yang betul tetapi juga satu penyelesaian yang boleh berjaya untuk membawa integrasi kaum dengan mengambil kira faktor kemanusiaan (human factor) yang terlibat.

Resepi RMC mungkin akan hanya berjaya kalau dilaksanakan tanpa motif politik. Ianya harus dilakukan dengan menentukan komposisi kaum yang menggambarkan realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Ini amat penting dalam melahirkan satu bangsa yang benar-benar melambangkan konsep perpaduan yang selama ini kita hanya ucapkan dalam majlis-majlis politik sahaja. Konsep muhibah yang ramai dari kita laungkan harus diberi definisi yang sebenar mengikut konteks negara kita pada masa ini.

Adalah menyedihkan kalau kita terus-terusan berucap di khalayak ramai bahawa rakyat negara kita hidup bersatu padu, aman damai dengan keadaan yang penuh muhibah tetapi pada masa yang sama seramai 90% mahasiswa Universiti Malaya membantah sistem integrasi sebilik dengan bangsa-bangsa lain.

Mengenai topik ini saya menerima sepucuk surat pada September lalu dari seorang mahasiswa Melayu Universiti Malaya. Petikan dari surat tersebut adalah seperti berikut dan dengan izin, ia adalah dalam Bahasa Inggeris ,

“I once thought, upon hearing from my uncles and aunties that UM is the only varsity in Malaysia where you feel comfortable mixing with all sorts of people from various races. However, after four years here, I felt that the only way I can survive is to mind my own business and clique with people who share the same feeling as I am.

The main problem as I can see, that curtails such interracial mixing is the language factor. There are so many students coming from Chinese schools, Tamil schools and agama schools, that I think they had no chance to mix or experience talking to other races prior to entering varsity. They would see other races as aliens or foreigners that can never be trusted. There are in the Malaysia IPTs now six groups of cliques i.e, the Chinese educated, Tamil educated, Malay educated from outskirts, Sabah, Sarawak students, Kelantan, Terengganu students and the agama school students who see others as infidels. Hence, interracial mixing in residential colleges is impossible unless the government plans to change the education policy which I doubt.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita semua dapat membuktikan kepada pelajar ini bahawa pandangan beliau adalah salah. Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum tidak bermula di kampus kita. Polarisasi kaum di antara pelajar-pelajar kita bermula dari sekolah rendah dan menengah kerana mereka tidak mempunyai peluang untuk integrasi pada awal-awal lagi. Itulah mengapa saya mengatakan mengapa kementerian berkenaan patut menolong sepenuh sekolah-sekolah bantuan dan menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar berbilang kaum belajar di sekolah-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, integrasi kaum kena bermula pada awal lagi. Dalam masa yang sama kita juga harus bertanya kepada rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa sekolah seperti RMC dapat diwujudkan dengan segera di negara kita. Apakah langkah-langkah kerajaan dalam memastikan elemen-elemen

penting atau resipi kecemerlangan RMC dalam mengintegrasikan kaum dapat dipindahkan kepada sekolah-sekolah yang sedia wujud supaya kecemerlangan dapat dicapai bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga yang lebih penting dalam pembinaan karakter kemanusiaan yang bakal mampu memupuk perpaduan dalam negara yang kita semua cintai ini.

Kesemua persoalan ini dapat membantu negara melihat sumbangan sekolah-sekolah berasrama penuh di negara kita secara menyeluruh. Satu usaha untuk menjurutera semula sekolah-sekolah berasrama penuh yang lebih condong kepada satu-satu bangsa sahaja untuk bersikap lebih terbuka seperti konsep RMC perlu dilaksanakan segera. Sekiranya kita benar-benar serius dalam memupuk perpaduan kaum di negara ini kita harus dengan segera mengambil inisiatif bagi mempertingkatkan usaha ke arah menyatupadukan kaum di negara ini. Masanya untuk menjadi wira dan jaguh bagi satu-satu kaum sahaja sudah tamat. Kita tidak boleh terus-terusan hanya melaung konsep muhibah tetapi pada masa yang sama ketika kita pulang ke kawasan kita kitalah orang yang paling lantang bercakap untuk mempertahankan hak kaum kita.

Politik murahan untuk memancing sokongan dari satu-satu kaum sahaja sudah lama ketinggalan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum. Kita harus berpijak di bumi yang nyata bahawa untuk melihat Malaysia terus makmur kita tidak boleh lagi ragu-ragu dan was-was serta menyimpan syak wasangka yang buruk terhadap kaum-kaum yang lain di negara kita hanya kerana mereka berlainan warna kulit atau pegangan agama.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Boleh tak Yang Berhormat menghuraikan sama ada ia ada berfaedah sebagai seorang Perdana Menteri dalam ucapan kemerdekaan negara kita ini. Suqiu iaitu petition pilihan raya, tindak tanduk mereka sebagai komunis dan juga Al-Ma'unah. Dalam satu hari yang bersejarah ini beliau mengeluarkan perkataan sebegitu, sama ada ini ada mempunyai faedah kepada perpaduan negara.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Permintaan Suqiu ini kita sudah ada banyak perbincangan dan saya harap kita dapat consider cadangan-cadangan ini untuk kebaikan semua. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan, terima kasih Yang Berhormat bagi Jelutong. Selepas mendengar ucapan Yang Berhormat saya masih tidak pasti apakah pendirian Yang Berhormat mengenai sekolah wawasan yang dihujahkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini dengan jelas apakah pendirian Yang Berhormat sendiri tentang sekolah wawasan ini.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Pendirian saya berkaitan dengan sekolah wawasan adalah saya mengalu-alukan konsep ini tetapi kita mesti juga meneliti apakah dan bagaimana kita dapat menjalankan konsep ini, juga kita tidak boleh *overlook* alternatif-alternatif lain. Seperti saya katakan bahawa kita menyalurkan sumbangan atau peruntukan yang secukupnya kepada sekolah-sekolah bantuan yang kita ada supaya kita boleh memberi peluang kepada anak-anak dari berbilang kaum untuk menyertai sekolah-sekolah ini. Ini adalah juga satu cara bagaimana kita dapat mencapai konsep yang dikatakan dalam sekolah wawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sama-sama memikul tanggungjawab untuk menentukan Malaysia terus menimba kejayaan dalam menangani kemelut globalisasi. Masalah dunia yang berada di hadapan kita semakin rumit dan lebih kompleks. Dalam proses globalisasi ini, cabaran kita bukan lagi persaingan di antara Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban tetapi di antara kita semua anak-anak Malaysia dengan seluruh dunia. Dalam perkara ini kita tidak boleh hanya meletakkan tanggungjawab untuk mempertingkatkan tahap perpaduan rakyat kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara sahaja.

Usaha menyatupadukan rakyat harus dilakukan oleh semua pihak. Setelah 43 tahun negara kita menikmati kemerdekaan, adalah tidak mencukupi kepada kita semua sekiranya kita hanya dipertontonkan iklan menyambut hari kemerdekaan yang menggambarkan ada orang Cina yang mampu menyanyi lagu Tamil atau ada orang Sikh yang mampu berbahasa Mandarin. Perpaduan kaum adalah satu perkara yang lebih penting dari hanya memahami bahasa. Perpaduan kaum harus dicapai

dengan melahirkan satu bangsa yang dicanai dan diuli di dalam acuan yang dikenali sebagai bangsa Malaysia.

Dalam isu globalisasi dan persaingan di antara kita anak-anak Malaysia dengan seluruh dunia saya mengalu-alukan komen Menteri Kewangan supaya kita sebagai sebuah negara jangan terlepas pandang atau overlook kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan bahasa penghantaran teknologi maklumat dan komunikasi. Saya harap kementerian berkenaan dapat mengambil tindakan segera untuk menghentikan kemerosotan standard Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita. Saya juga berharap sentimen bangsa atau kaum atau agama tidak dijadikan halangan bagi pelajar-pelajar untuk mencapai standard Bahasa Inggeris yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2001 kita telah memperuntukkan sebanyak RM13.637 bilion iaitu 21.9% daripada keseluruhan jumlah anggaran perbelanjaan mengurus untuk tujuan mendidik generasi muda kita, bukan sahaja melengkapkan mereka menghadapi cabaran globalisasi dalam alaf baru ini, tetapi juga mewujudkan satu generasi anak Malaysia yang memperjuangkan aspirasi Malaysia yang sejati. Dalam Belanjawan 2001 ini juga sejumlah RM136.6 juta akan diperuntukkan untuk pembukaan 167 buah sekolah rendah dan 120 buah sekolah menengah. Di samping kita membina sekolah-sekolah baru ini saya harap kementerian berkenaan dapat mengambil RMC sebagai satu model sekolah-sekolah baru ini.

Selain daripada Kementerian Pendidikan, kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Belia dan Sukan juga mesti memainkan peranan mereka masing-masing dalam isu integrasi perkauman. Tidak perlulah kita membuang masa untuk mencari jawapan untuk mencapai integrasi perkauman di Malaysia kerana modelnya sudah 50 tahun berada di negara kita dalam bentuk RMC. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Jelutong, saya agak tertarik dengan ucapan tentang

pembinaan bangsa Malaysia yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa faktor-faktor yang menyebabkan masih kelompok-kelompok masyarakat berinteraksi di kalangan kelompok masyarakat-masyarakat mereka disebabkan oleh parti-parti politik yang ditubuhkan berdasarkan kepada ras bangsa dan bukannya kepada campuran bangsa-bangsa dalam parti tersebut. Sekian, terima kasih

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Komposisi politik pada masa ini adalah melalui sejarah negara kita. Ini adalah satu keunikan negara kita dan kita tidak boleh menafikan apa yang kita ada tetapi apa yang kita hendak adalah kita mesti mempunyai satu hasrat untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kita harap dapat membawa negara kita ke alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan dan perancang-perancang polisi angkatan tentera kita atas sumbangan mereka terhadap integrasi perkauman negara kita selama 50 tahun yang lepas, kerana menyokong dan mengekalkan Maktab Tentera Diraja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bandau.

11.34 tgh.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada pihak kita untuk memberi sumbangan dan buah fikiran dan komen ucapan belanjawan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Belanjawan 2001 amatlah menarik kerana ia adalah belanjawan yang ulung alaf baru ini. Ia juga adalah Belanjawan pertama bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan yang malangnya tidak banyak di sentuh dalam ucapan belanjawan tersebut. Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2001 adalah berjumlah RM91.046 bilion dan daripada ini sebanyak RM62.20 bilion ataupun 68.3% adalah untuk perbelanjaan mengurus dan lebihannya RM28.836 bilion atau 31.7% untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, lima strategi utama yang digariskan dalam belanjawan tersebut adalah relevan kepada keadaan ekonomi semasa dan perkembangan ekonomi serantau. Kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun yang dijangka ini dijangka mencapai 7.5% berbanding dengan 5.8% yang diramalkan pada mulanya dan dijangka bertumbuh sejumlah 7.0% bagi tahun 2001 dan semuanya ini adalah menggalakkan dari segi jumlah angka-angka tersebut. Namun demikian, masih banyak masalah pokok yang terus menyekat pertumbuhan ekonomi negara. Antaranya ialah tekanan inflasi yang wujud daripada kenaikan harga di pasaran domestik khususnya kenaikan baru-baru ini harga petrol dan diesel. Juga faktor bayaran kenaikan semakan gaji walaupun dilakukan bagi tahun ini bagi kakitangan awam tetapi impaknya kepada suasana ekonomi khususnya di pasaran permintaan masih lagi belum dirasai setakat ini. Tetapi akan mempunyai akibat dari segi kenaikan inflasi. Juga permintaan yang melebihi pengeluaran di beberapa subsektor pertanian walaupun ini akan dibendung melalui kawalan harga barangan yang akan dilakukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemerosotan Foreign Direct Investment (FDI) khususnya di sektor pasaran modal negara adalah satu masalah yang harus dipandang serius. Memandangkan FDI diperlukan untuk mempertingkatkan stok modal negara atau meningkatkan daya saing negara langkah-langkah khusus harus diambil untuk mengatasi constrains FDI termasuk imej negara sebagai sebuah pusat pelaburan modal di rantau ini. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah confidence itu di kalangan para pelabur asing perlu diberi tumpuan untuk mengatasinya. Walaupun dikatakan ini timbul daripada propaganda luar negara adalah segi politik kepada pimpinan negara kita tetapi kita harus meninjau dari segi pokoknya kenapa pandangan itu terus berterusan dalam hampir tiga tahun ini Tuan Yang di-Pertua.

Perkembangan serta penggabungan institusi-institusi kewangan insurance, security, badan-badan security yang belum selesai serta dasar pengurusan dana dan modal yang lebih kemas dan transparent adalah faktor utama dalam menjadikan aktiviti pelaburan rakyat asing di sektor pasaran modal begitu lembap pada masa kini. Dalam hal ini pelan induk pasaran modal yang disentuh dan dikatakan dalam proses penggubalan amatlah dinanti-nantikan oleh pihak pelabur khasnya rakyat asing.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kepada pentingnya k-ekonomi dalam Belanjawan 2001 adalah dialu-alukan. Harapan semua pihak ialah ekonomi baru yang berasas dan dipandu oleh ilmu pengetahuan ataupun knowledge dengan izin, akan membawa kepada produktiviti yang meningkat, pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti hidup yang lebih baik. Bagi negara Malaysia melangkah maju ke dalam k-ekonomi, kemahiran baru dan penerapan budaya teknologi tinggi amatlah kritikal.

Dalam soal ini pendidikan yang mengutamakan information and communication technology dengan izin, ICT di semua peringkat persekolahan serta penggunaan teknologi tersebut di kalangan masyarakat umum khasnya dalam sektor ekonomi amatlah penting.

Usaha negara mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan berilmu dengan memulakan di bangku sekolah adalah tepat pada sasaran. Projek perintis yang disebut tadi lagi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan mengatakan 90 buah sekolah yang dijangka siap sepenuhnya bagi tahun hadapan serta pembinaan 2,200 buah makmal komputer di seluruh negara, semuanya ini adalah usaha yang murni sebagai langkah permulaan menghasilkan masyarakat pelajar yang celik komputer. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus sedar dan peka dari awal bahawa k-ekonomi mempunyai potensi besar untuk mewujudkan jurang ketidakseimbangan dan dengan itu dengan izin, digital divide di kalangan rakyat Malaysia sendiri khususnya di antara masyarakat bandar dan desa serta masyarakat khusus di Wilayah Timur Sabah dan Sarawak dan Wilayah Barat iaitu Semenanjung. Disebabkan fakta bahawa pendidikan ICT dan penerapan pengetahuan teknologi memerlukan prasarana asas seperti bekalan elektrik, alat komputer, makmal komputer, guru komputer bahkan otak komputer di kalangan pelajar yang dididik dalam ilmu IT. Seperti mana pihak umum sedia maklum antara masalah-masalah pokok sekolah-sekolah di luar bandar ialah kekurangan infrastruktur asas khususnya ketiadaan bekalan elektrik, kekurangan guru terlatih, kekurangan bangunan sekolah, kekurangan makmal dan senarai berterusan.

Peruntukan tahunan bagi pembinaan infrastruktur asas diberi melalui Dewan yang mulia ini tetapi kelihatan jelas tidak mencukupi, tidak digunakan sepenuhnya dan sering kali dipindah penggunaannya kepada sekolah lain atau pembiayaan alat

lain. Ini saya baca dari laporan Ketua Audit Negara dalam beberapa tinjauan yang lalu.

Dalam perkara ini saya ingin merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya menyatakan daripada jumlah sekolah rendah dan menengah di luar bandar di seluruh negara berapakah jumlah sekolah yang mendapat bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional, daripada SESB bagi Sabah dan daripada SESCO dari Sarawak. Dan daripada jumlah yang tidak menerima bekalan elektrik daripada ketiga-tiga badan pembekal tenaga ini berapa jumlah sekolah yang telah dibekal dengan generator oleh pihak Kementerian Pendidikan. Dan daripada jumlah sekolah yang tidak mempunyai generator berapa jumlah yang akan dibekal dengan generator pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat ini sangat penting untuk memberi gambaran sejauh mana usaha kerajaan untuk mewujudkan pendidikan celik komputer di peringkat sekolah. Jika sekolah-sekolah yang dibekal dengan alat-alat dan makmal komputer ialah hanya sekolah yang tidak mempunyai infrastruktur yang sudah mempunyai infrastruktur yang asas seperti bekalan elektrik dan guru komputer maka sudah tetap...

Datuk Yong Teck Lee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: ..sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai infrastruktur asas akan ketinggalan, tercicir dan dengan izin, become victim of the digital divide.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat daripada Gaya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pendeklah.

Datuk Yong Teck Lee: Ya, memang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan ada juga sekolah-sekolah di luar bandar yang dibekalkan bekalan elektrik melalui solar power dengan izin di Sabah selepas Barisan Nasional memerintah di Sabah. Bolehkah maklumat yang diminta itu termasuk juga bekalan elektrik bukan sahaja generator tetapi juga termasuk bekalan elektrik solar power. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Gaya. Ya, saya sedia maklum itu bahkan Yang Berhormat dulu sebagai Timbalan Ketua Menteri dalam kerajaan PBS Tuan Yang di-Pertua, telah membekalkan solar-solar menyokong dasar itu di luar bandar. Dan syukurlah pihak Barisan Nasional telah meneruskan di beberapa tempat. Tetapi pada pokoknya tidak mencukupi dan kadang-kadang bekalan elektrik yang ada itu sekadar boleh menghidupkan beberapa lampu sahaja dan tidak boleh mengangkat bekalan untuk menghidupkan komputer kecuali dengan izin, inverter itu dipasang dan panel itu tidak kurang sepuluh dan begitu baru boleh. Tetapi saya sokong agar pihak kementerian membekal maklumat itu supaya kita boleh tahu juga potensi untuk membekal bekalan elektrik ini melalui bekalan solar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi, maka sudah tetap sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai infrastruktur asas akan ketinggalan, tercicir dengan izin become victim of the digital divide. Apa yang diperlukan ialah usaha khusus untuk merapatkan sekolah-sekolah di luar bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan bandar dari segi prasarana dengan pengagihan peruntukan yang lebih besar dan pelaksanaan program pembangunan yang berkesan. K-ekonomi tidak boleh dibiarkan hanya menjadi milik hanya bagi masyarakat bandar sekali gus mewujudkan jurang ketidakseimbangan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan wujud jikalau tidak ada dengan izin, satu purpose full policy intervention untuk melabur wang negara dalam sektor sekolah di luar bandar lalu tidak Tuan Yang di-Pertua, ini akan berterusan hanya sekadar satu dengan izin, *lassie- faire condition* dan akibat digital divide bagi masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus juga terus meningkatkan kualiti pendidikan di luar bandar dengan membekal guru-guru yang mencukupi dan terlatih khususnya di peringkat sekolah rendah. Laporan-laporan mengenai masalah guru ponteng yang pernah saya sentuh di Dewan yang mulia ini di sekolah-sekolah bandar harus diberi perhatian oleh pihak Jabatan Pendidikan demi memastikan pelaksanaan tanggungjawab yang betul oleh pihak guru, menjaga imej pendidik dan meningkatkan kualiti pendidikan di luar bandar. Saya katakan ini kerana ia masih berterusan. Aku

terima dua telefon minggu ini Tuan Yang di-Pertua, dari kawasan Nabawan minta supaya kita sentuh perkara ini kerana beberapa sekolah seperti biasa guru datang untuk dua minggu tiga minggu dan lepas itu hilang kononnya mesyuarat di pekan, ambil bekalan untuk sekolah. Tetapi kalau guru besarnya sekadar satu minggu bertugas, aik! hilang orang Kadazandusun bilang 'langu' ini teruk. Maka kalau tidak ada tindakan disiplin kalau tidak ada tindakan yang tegas untuk membentuk imej pendidik yang baik dan juga memberi tindakan kepada mereka yang tidak bertugas maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita punya matlamat menjadikan Malaysia pusat pendidikan cemerlang adalah sekadar lip service dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan disiplin saya katakan harus diambil ke atas mereka yang terlibat. Dan misalnya juga saya terima satu aduan misalnya pada bulan September yang lalu di mana lapan guru mengugut di satu sekolah SK Terengai Darat di kawasan Matunggong kawasan Parlimen Bandau minta pindah sekali gus ke sekolah lain kononnya kerana orang kampung kompelin tentang prestasi mereka. Sebenarnya tidak ada kompelin yang tidak berasas. Dalam perbincangan PTA dengan izin, mereka telah menyuarakan kenapa guru-guru kadang-kadang ponteng dan hilang daripada sekolah. Jadi ini diterima sebagai satu aduan, satu sikap tidak bekerjasama dan seterusnya. Dan guru-guru menandatangani satu surat kepada Pengarah Pendidikan Sabah mahu minta pindah. Lapan mereka sekali gus kepada sekolah lain. Tindakan-tindakan seperti ini mengugut saya rasa ketinggalan zaman daripada sikap pendidikan cemerlang yang kita amalkan. Saya minta pihak kementerian menyiasat perkara ini dan menasihati dan mengambil tindakan kepada guru-guru tersebut supaya tidak membuat sikap seperti ini mengugut rakyat melarikan diri dari tanggungjawab dan akhirnya mengabaikan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan luar bandar sememangnya matlamat Belanjawan 2001 untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang adalah dialu-alukan. Tujuan ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat khas di luar bandar sejajar dengan pembangunan negara melalui pembangunan prasarana dan program pembangunan masyarakat dan keluarga serta pembasmian kemiskinan. Dan bagi tahun 2001 sejumlah RM182 juta diperuntukkan di bawah program pembangunan rakyat termiskin atau PPRT untuk melaksanakan projek-projek pemulihan rumah,

peningkatan taraf kesihatan, pemberian mikro kredit, pembangunan ekonomi kampung dan bantuan pertanian. Pihak kami menyokong penuh cadangan peruntukan tersebut dengan syarat wang diperuntukkan benar-benar disalurkan kepada si keluarga miskin digunakan dengan betul dan kumpulan sasaran adalah terpilih dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum, kepercayaan dan fahaman politik. Syarat ini adalah seperti yang digariskan dalam Majlis Pembangunan Negara yang bermesyuarat pada tahun 1997 yang memutuskan supaya program PPRT harus diperluaskan lagi untuk memanfaatkan lebih banyak keluarga termiskin.

Teguran-teguran oleh pihak kami dan pihak umum supaya peruntukan permohonan luar bandar dan khasnya PPRT hendaklah dikawal dan diawasi dengan teliti oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari segi pelaksanaan dan pengagihan program dan bantuan-bantuan PPRT telah disampaikan di Dewan ini dan di tempat-tempat melalui surat dan aduan beberapa kali. Sering kali pihak kementerian minta laporan dan bukti tetapi pembetulan dan tindakan susulan tidak dilakukan dengan berkesan.

Baru-baru ini seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Lahad Datu di negeri Sabah secara terbuka mengkritik pengagihan bantuan PPRT di kawasan tersebut di mana mengikut beliau mereka yang tidak layak dan sebenarnya kaya mendapat bantuan PPRT. Mereka ini mempunyai kereta mewah katanya dan memakai bush jacket yang mahal telah menerima PPRT seperti skim ASB dan perumahan. Fakta dan bukti ini amatlah serius dan mengesahkan laporan-laporan lain yang dibuat oleh pihak kita di kawasan Bandau, di kawasan Keningau, di kawasan Marudu dan seterusnya. Saya minta pihak kementerian supaya mengambil perkara ini dengan lebih serius. Masalah pokok ialah pihak kementerian tidak mempunyai kakitangan di peringkat daerah untuk meneliti, mengenal pasti dan menyelaras bantuan-bantuan PPRT. Ia bersandar kepada pejabat pegawai daerah untuk melaksanakan pengagihan bantuan.

Senarai penerima yang dikemukakan kepada kementerian di Kuala Lumpur, kemungkinan bukan senarai yang digunakan sebenarnya di peringkat kawasan. Ini Laporan Audit tahun 1999 bagi negeri Sabah ada menyentuh perkara ini. Senarai tidak diselidiki dengan rapi untuk mengenal pasti mereka adalah benar-benar dari

golongan miskin atau termiskin. Tambahan pula faktor politik dicampur aduk kerana yang menyenaraikan nama-nama ialah pemimpin-pemimpin politik kerajaan. Pegawai Daerah dan kakitangannya hanya mengemas kini dan memajukan senarai tersebut kepada pihak atasan. Akibatnya semua ini ialah bantuan PPRT tidak sampai kepada sasaran sebenar iaitu mereka yang benar-benar miskin tetapi digunakan pula oleh pihak lain yang tidak layak menerimanya.

Semua ini merugikan kerajaan, boros dan menyingkirkan golongan termiskin kepada tahap yang lebih teruk. Pihak kita mencadangkan supaya senarai penerima bantuan PPRT hendaklah telus, terbuka dan dibuat melalui proses pendaftaran terbuka, bukan sulit-sulit dan diteliti dengan rapi oleh pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kerajaan Pusat sendiri atau agensi yang diwakilinya di peringkat negeri, misalnya negeri Sabah. Hanya dengan cara ini, peruntukan PPRT berjumlah RM180 juta bagi tahun 2001 akan digunakan dengan betul dan berkesan. Program PPRT juga harus tidak terlalu luas dalam bentuk *hands out* tetapi dalam bentuk membantu golongan miskin, membantu diri sendiri ke arah jaya diri.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perkara alam sekitar, saya melihat bahawa Belanjawan tahun 2001 memberi tekanan yang cukup tegas mengenai pentingnya alam sekitar. Dan dalam soal ini, saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan kepada pihak kementerian yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar, khususnya peranan Environmental Quality Act, dengan izin Akta Kualiti Alam Sekitar berbanding dengan kuasa alam sekitar ataupun Akta Alam Sekitar Negeri di mana kedua-dua ini, negeri Sabah dan negeri Sarawak mempunyai akta masing-masing. Dan kita sedia maklum dalam mana-mana undang-undang dalam *concurrency list*, dengan izin, sememangnya akta persekutuan itu adalah *overriding*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya sentuh satu projek – projek kilang papan dan penanaman kayu antara ‘Innovest’ Corporation Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat penuh Yayasan Sabah dan dengan usaha sama Kerajaan China, di mana 230,000 hektar telah pun diluluskan oleh pihak Yayasan Sabah dalam soal projek usaha sama ini. Setakat ini, 3,000 hektar sedang dibersihkan dengan botak oleh pihak ICSB. Dalam soal ini, kita sedia maklum bahawa pihak ICSB tidak mempunyai apa-

apa kelulusan AIA daripada pihak Kerajaan Pusat, kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab. Ini telah pun kita sedia maklum.

Namun demikian, pihak ICSB dan Kerajaan Negeri mengatakan bahawa ini boleh dikecualikan daripada kuasa AIA, oleh kerana pada masa kup untuk membalak, mengambil kayu dan membersihkan kawasan itu diberi, akta itu belum lagi diberi kuasa ke atas pelaksanaannya di peringkat negeri Sabah. Kita mengatakan ini tidak betul dan saya minta pihak kementerian untuk memberi Dewan yang mulia ini, maklumat yang sebenar. Saya petik daripada ucapan Belanjawan, dikatakan oleh Menteri Kewangan, dikatakan di sini, “Justeru selain daripada pentingnya pendidikan dalam penjagaan alam sekitar, tindakan tegas perlu diambil terhadap individu atau syarikat yang tidak mengendahkan isu penjagaan alam sekitar. Pemaju hartanah yang degil dan tidak mematuhi peraturan alam sekitar seharusnya dikenakan hukuman berat di bawah akta berkaitan serta disenaraihitamkan”.

Dalam perkara ini, jika satu syarikat milik Kerajaan Negeri tidak mahu patuh kepada undang-undang tanpa pengecualian pun, jadi bagaimana *double standard*, dengan izin, ini berterusan. Saya minta supaya kenyataan Menteri Kewangan ini dipraktikkan dan mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat, bahkan Kerajaan Negeri yang tidak mampu menjadi contoh baik, *good citizenship*, dengan izin, kepada rakyat biasa dan syarikat-syarikat biasa. Saya minta pihak kementerian memberi penjelasan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, topik terakhir saya ingin sentuh di sini ada kaitan dengan soal keselamatan negara seperti mana yang disentuhkan dan peruntukan yang begitu besar diberi khusus untuk Kementerian Pertahanan. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak larilah kita sentiasa mengingatkan Dewan yang mulia ini pentingnya negara kita mengambil kira dan sentiasa menjaga keselamatan negara daripada ancaman-ancaman luar, mahupun pelarian, mahu pun pendatang asing, mahu pun penculik dan seterusnya.

Dalam masalah pendatang asing ini, saya melihat kenyataan akhbar pada hari ini, di mana sejumlah 726,199 pekerja asing wujud di negara kita. Daripada ini, 84,176 adalah pendatang haram, mengikut kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri. Dan dikatakan di sini, 76,171 telah dihantar pulang

dalam Januari sampai ke bulan September tahun ini. Pihak kita ingin bertanya, melalui *detail* maklumat ini, bilakah mereka dihantar? Melalui pusat-pusat mana mereka dihantar? Dan adakah pihak kementerian telah menjaga balik sempadan dan tempat-tempat mereka itu dihantar supaya mereka ini tidak kembali ke negara kita, kerana saya pernah ceritakan di Dewan yang mulia ini, seorang pekerja di ladang, dia punya majikan kata kan kepada dia, setelah diberitahu, dia kena tangkap oleh pihak polis dan dihantar pulang. Tiga hari kemudian, jumpa dia lagi di ladang. Dia bilang, “Eh, saya ingat awak kena tangkap dan dihantar balik.” “Ya, saya balik lebih cepat daripada polis punya perahu”.

Jadi, kata-kata seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, melihatkan bahawa menghantar mereka ini tidak semestinya selesai masalah. Dalam satu minggu, kalau Sipadan tidak dijaga, mereka tahu semua selok-belok dan cara-cara untuk kembali. Itu lah dahulu dia gunting rambut, Tuan Yang di-Pertua, supaya kalau rambut itu pendek, dia boleh tahu – baru kena hantar dan sudah balik begitu cepat kerana rambutnya belum lagi tumbuh, dia sudah balik. [*Ketawa*] Kerana potongan yang dibuat oleh pihak keselamatan adalah satu potongan rambut yang memang mereka kenal. Tetapi selepas itu, ada hal negara asing mengatakan, “Kamu ini tidak menghormati kebebasan dan seterusnya”. Jadi, saya melihat potong rambut itu tidak lagi dilakukan sebagai satu tanda tetapi barangkali satu-satu cop yang *permanent* di dalam tangan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, dikatakan baru-baru ini, bahawa pada masa penculikan kedua itu terjadi dan saya menegur Setiausaha Parlimen. Dalam kenyataan akhbar kelmarin, sekali lagi mengatakan, “Sukar untuk menjaga sempadan kita. Sukar untuk mengelakkan pendatang asing masuk”. Dengan izin, “*Malaysia is a long coast line, it is difficult to stop illegal to come to our line*”. Apabila kita mengatakan ini, sebenarnya kita memberi gambaran kepada orang asing, begitu senang masuk negara kita kerana kami tidak boleh pelihara kami punya negara. Kami tidak boleh pelihara kami punya sempadan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya merayulah supaya pihak pemimpin negara lebih positif Kasi takut negara asing supaya tidak mencerobohi negara kita. Kasi tahu, kami cukup tentera menjaga satu kaki pun kami boleh jaga *coast line* kita, begitulah? Bukan katakan, “Hei besar! Jadi, orang bilang, “Eh geng, senang masuk bah, itu polis di sana sahaja, marin begini-begini sahaja”. Jadi, *how can we defend the country*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, baru-baru pada masa penculikan kedua itu terjadi dan itu pun saya mintalah pihak kementerian, pihak pemimpin negeri dan negara, pada waktu selepas sahaja dikeluarkan 21 orang yang telah ditawan itu dan balik ke negeri Sabah yang lain, Semenanjung yang lain dan negara asing yang lain, Ketua Menteri Besar mengatakan, “*No way*,” dengan izin, “*They can come back to Sabah again*”. Selepas itu dia katakan, “*Impossible!*”. Perkataan yang dia gunakan, mereka akan boleh masuk negeri kita.. Lapan hari kemudian, kena culik lagi dari Pulau Pandanan. So, kata-kata begini jangan keterlaluan. Dengan izin, *if we know the situation, tell the fact*, supaya minta tolong rakyat bantu jaga kita punya *coast line*. Jangan bilang *impossible*. Semua releks, kena tangkap lagi, kena culik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya perkara-perkara ini kita ambil perhatian yang lebih serius oleh pihak keselamatan negara dan semua agensi-agensi dan kementerian yang terlibat yang melindungi negara kita. Dalam soal perkataan “pelarian” dan “pendatang asing” juga, Tuan Yang di-Pertua, sangat penting. Apa itu pelarian? Sebenarnya, di Sabah tidak ada pelarian lagi kerana pada peperangan di *Southern Philippine*, dahulu di bawah koordinasi UNCR, kira-kira 40 hingga 50 ribu sahaja pelarian diberi status. Itu pun selepas peperangan UNCR sudah tutup *office* pun masih diberi status *refugees*. Harus sudah dikembalikan. Bahkan mereka beranak di negara kita, tambah banyak di sini dan masih lagi diberikan kampung-kampung masing-masing. Jadi, baru-baru ini dikatakan kalau ada apabila tentera Filipina mencari penculik, menghentam, banyak yang mahu lari ke negara kita.

Jadi, pada waktu itu dikatakan bahawa, *we treat them as refugees*, dengan izin, kita anggap mereka ini adalah pelarian. Mana boleh! Mana boleh kita anggap mereka pelarian. Ini penculik yang dikejar oleh tentera Filipina. Mana kita boleh kasi status. Dia pendatang asing ataupun kita beri status mereka, pelarian. Mereka ini

adalah rata-rata pendatang tanpa izin. Harus ditangkap dan dihantar balik ke kampung mereka sendiri. Jangan datang mencero boh negara kita dan makan bersama dengan kita, walhal nasi yang kita makan itu pun tidak mencukupi untuk rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kenyataan yang dikeluarkan daripada Kementerian Pertahanan di mana di sana dikatakan bahawa kemungkinan para nelayan kita, rakyat Malaysia di Sabah yang tinggal di pulau-pulau akan dipindahkan ke kawasan darat kerana mengatakan sukar untuk dilindungi dan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pulau-pulau yang sudah dicerobohi oleh pendatang asing, tidak payah jaga. “Aduh!” Saya bilang ini sudah serah diri kepada anasir-anasir luar negara. Ini saya rasa adalah satu pengakuan kalah dan satu tindakan yang memalukan negara kita kerana seolah-olah kita tidak boleh mempertahankan sempadan kita dan menyerah pulau-pulau kepada rakyat asing. Mereka harus dilawan oleh para tentera kita – dilawan, ditangkap, dihantar dan bersihkan pulau-pulau di sana itu daripada anasir-anasir luar.

Barulah orang menghormati negara kita. Barulah orang asing menghormati sempadan kita. Barulah mereka mengatakan bahawa Malaysia ini boleh Tetapi kalau kita lari dari pulau, menyerah kepada anasir dan penculik-penculik, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu anak-anak kita ke mana mahu pergi satu hari nanti. Lari dari pulau ke darat, lepas itu takut di tepi pantai, masuk ke darat, naik Gunung Kinabalu lah satu hari, lari daripada anasir-anasir. Kalau ini terjadi, kita bukan sahaja tidak menghormati perjanjian Malaysia yang menjamin negeri Sabah dan Sarawak demi keselamatan, melindungi dengan *exchange* dalam perhubungan begitu, minyak misalnya, menjadi milik negara kita. 5% kepada negeri tetapi keselamatan, *public order, international relation* jadi tanggungjawab Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sembarangan sahaja. Saya memohon supaya ini tidak terjadi yang soal memindahkan orang kita dari pulau-pulau. Saya minta supaya tidak terjadi di mana kita kasi tinggal pulau-pulau di tangan lanun dan penculik-penculik, bahkan saya memohon dari pihak Dewan dan masyarakat kita seluruh negara dan rakyat kita di Bandau, supaya Kerajaan Pusat memperkukuh dan menambah tenaga di pesisiran dan jadikan sistem yang ada ini satu sistem yang

permanent, dengan izin, untuk melindungi pantai-pantai kita. Membersihkan negeri Sabah dan negeri-negeri lain daripada anasir dan daripada pendatang asing yang membawa masalah besar dan menggugat ekonomi dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah berkaitan dengan perkara pendidikan. Dalam konteks yang berkaitan dengan pendidikan, saya ingin menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah *mission* ataupun bantuan yang berjumlah kira-kira lebih RM700 di seluruh negara iaitu hampir 100 di Sabah dan 70 di Sarawak dan yang lain di Semenanjung telah disentuh oleh Yang Berhormat daripada pihak Gerakan tadi. Semenjak pelaksanaan Laporan Razak pada awal tahun 70-an, sekolah-sekolah bantuan, *mission* ini mulai ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan, perihal guru, pelajar, pentadbiran dan penyelenggaraan bangunan adalah tanggungjawab jabatan. Manakala soal hartanah dan bangunan serta pembangunan adalah tanggungjawab pihak Lembaga Sekolah.

Masalah masa kini ialah kebanyakan sekolah-sekolah ini dalam keadaan usang, tua dan tidak disenggarakan. Bangunan-bangunan tua tidak dicat, parit rosak dan lain-lain. Sementara itu, pandangan pihak Lembaga Sekolah untuk mencadangkan perlantikan Pengetua, pegawai kanan sekolah dan seterusnya yang seharusnya dilakukan oleh konsep *maximum consultation*, dengan izin, semakin dipinggirkan. Pada masa yang sama, komposisi pelajar dalam sekolah-sekolah tersebut, khususnya di Wilayah Persekutuan dan Klang Valley, misalnya di Methodist Girl School dan V.I semakin hari memihak kepada kaum tertentu di mana pelajar bukan bumiputera amat sukar mendapat tempat persekolahan.

Pihak kerajaan haruslah mengambil perkara ini dengan serius, menyelenggarakan sekolah-sekolah tersebut dan memastikan supaya komposisi pelajar ialah berbilang kaum dan mencerminkan semangat dan matlamat integrasi nasional. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pendidikan harus memandang sekolah-sekolah ini dengan secara positif bahawa sekolah-sekolah ini yang mempunyai *track record* dari segi keputusan peperiksaan dan disiplin pelajar dan seterusnya sumbangan mereka pada masa-masa lampau yang begitu besar, maka harus dipandang dengan positif. Dan dengan itu menjadikan ia satu sekolah contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sekolah contoh di mana masyarakat kita berbilang kaum, bangsa dan agama boleh belajar bersama. *Why do we have to*, dengan izin, *start the new*, tubuhkan Sekolah Wawasan dan lainnya. Ada institusi yang sedia ada, bentuk itu, tolong itu, perkukuhkan semangat yang sedia ada, baharui bangunan di sana. Dengar nasihat dan pandangan Lembaga Sekolah dan saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, *the infrastructure is already there, why you have to start intelligent school?* Bentuk sekolah yang ada dan bantu kerana semangat yang ada dalam sekolah-sekolah bantuan, khususnya masalah sekolah-sekolah misi ini adalah teruji sebagai penyumbang besar kepada perpaduan dan pertumbuhan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang kami ingin sentuh. Memandangkan masa yang singkat, maka saya ucapkan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beluran, ya.

12.05 tgh.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk sama-sama membahas Belanjawan Tahun 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah membawa negara kita ini keluar daripada belunggu kegawatan ekonomi yang telah melanda rantau ini. Kerajaan telah mencapai KDNK sebanyak 7.5% seperti yang dijangkakan tahun ini merupakan satu kejayaan yang harus dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Kerajaan kita keluar daripada krisis kewangan tanpa terpaksa bergantung kepada Tabung Kewangan Antarabangsa seperti apa yang berlaku kepada beberapa negara jiran menunjukkan kemampuan pemimpin-pemimpin negara dalam menangani krisis dengan matang. Yang penting apa jua yang telah kita lakukan adalah mengikut acuan dan pendekatan negara kita dan telah terbukti kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pengetahuan ICT di kalangan rakyat umum. Penekanan ini tentulah lahir atas kesedaran bahawa suasana ekonomi dunia telah berubah bukan sekadar globalisasi dan liberalisasi tetapi juga persaingan dalam gelombang digital. Peter Druncker dalam tulisannya *The Age of Social Transformation* mengakui bahawa pengetahuan merupakan sumber utama ekonomi masa hadapan dan bukan lagi buruh, bahan mentah dan modal. Malaysia tidak mampu untuk ketinggalan dan terus bersaing, penguasaan ICT harus dinobatkan dalam kuasa ekonomi.

Sejak beberapa tahun yang lalu, kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris telah menjadi satu *prerequisite* yang kritikal dalam kejayaan perdagangan antarabangsa. Beberapa negara yang menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar utama berpeluang untuk menjalankan perniagaan e-ekonomi adalah begitu memberangsangkan. Sebagai contoh, industri perindustrian merupakan kebanggaan negara India dan Ireland pula dikenali sebagai ‘*hub*’ kepada pasaran Eropah. Jika kita bandingkan kejayaan negara-negara ini dengan kejayaan Australia dan Canada dalam industri ICT, Australia dan Canada kurang menonjol walaupun bahasa penghantar kedua negara ini adalah Bahasa Inggeris. Hakikatnya, penguasaan Bahasa Inggeris masih mempunyai *advantage* dan *footing* yang lebih kukuh dalam ICT jika dibandingkan dengan negara yang kurang mengutamakan. Negara Jepun sebagai contoh mengakui bahawa penduduknya yang seramai 130 juta orang berbahasa Jepun setiap hari menguasai 15% daripada ekonomi dunia hanya menyumbang sekadar 1% sahaja dalam penggunaan teks dan imej berasaskan bahasa Jepun di layar Internet pada tahun 1998. Hakikatnya ialah 70% daripada maklumat dalam Internet dan 80% daripada komunikasi Internet dilakukan dalam Bahasa Inggeris.

Ini menunjukkan bahawa terdapat satu jalinan antara Bahasa Inggeris dan inovasi dalam teknologi ICT. Persoalannya sekarang di mana kita hendak dibawa dalam dunia ICT ini lebih-lebih lagi dalam memperkatakan tentang k-ekonomi berdasarkan kepada penguasaan Bahasa Inggeris pada semua lapisan masyarakat Malaysia hari ini. Ini adalah kerana Bahasa Inggeris adalah merupakan bahasa k-ekonomi, bahasa teknologi maklumat dan komunikasi ICT, tanpa penguasaan bahasa ini kita akan ketinggalan.

Bagaimana cara untuk kita menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan generasi muda atau yang lebih penting apakah kita sudah bersedia untuk menerima realiti dan hakikat bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi utama di dunia sejajar dengan kepentingan e-ekonomi.

Saya tertarik dengan sebuah buku berjudul, *‘The Invisible Continent’* yang ditulis oleh Kenichi Ohmae yang menyamakan negara-negara yang tidak mengamalkan bahasa Inggeris sebagai mempunyai kedudukan yang sama dengan negara Jepun sebelum pemuliharaan Maharaja Meiji tahun 1868. Menurut penulis ini, lebih daripada 200 tahun yang lalu, pemerintahan Tokugawa Shogunatomit ‘a’ yang mengamalkan sistem feodal telah memencilkan Jepun daripada dunia luar yang menurut seakan-akan Myanmar hari ini dalam konteks pengaruh global dan perhubungan antarabangsa.

Setelah Maharaja Meiji memerintah dan membuka negaranya kepada Barat, perindustrian, telegraf, kerajaan berperlembagaan, pemilihan secara demokrasi dan sistem perbankan diwujudkan. Menurut penulis ini, anjakan ini mencemaskan ramai orang dan terdapat pula penekanan daripada rakyat negara itu sendiri. Namun anjakan itu akhirnya telah dapat dilakukan dengan fleksibiliti yang pragmatik. Ini adalah kerana perubahan dan anjakan sesebuah negara tidak bererti Jepun terpaksa meninggalkan budayanya itu. Di sebaliknya ianya lebih membawa makna bahawa budaya Jepun berubah dan lebih cenderung kepada penghayatan bahasa dan budaya Barat hingga ke hari ini.

Ohmae merumus untuk bersaing dalam teknologi siber, setiap negara harus berubah dan menerima Bahasa Inggeris sebagai *platform* Internet. Persoalannya, sejauh mana kita kearah ini? Apakah sistem pendidikan kita yang kurang menekankan penggunaan bahasa Inggeris mampu membuat kita bersaing dalam teknologi siber ini. Saya akui telah banyak yang dilakukan oleh kerajaan dalam perkara ini. Namun saya yakin sesungguhnya masih banyak yang boleh dilakukan lagi dan untuk menjadikan negara kita berada dalam ICT dan keekonomi, langkah-langkah berikut haruslah diambil perhatian.

Yang pertama, penekanan semula bahasa Inggeris dalam kurikulum pendidikan. Bahasa Inggeris tidak harus diajar semata-mata sebagai sebuah subjek

bahasa tetapi harus dididik sebagai sebuah subjek teknikal. Ianya harus dibezakan dengan subjek bahasa Cina, bahasa Mandarin, Tamil, Kadazandusun, Iban dan lain-lain. Penekanan ini harus disesuaikan kerana peri pentingnya bahasa ini sebagai bahasa penghantar siber. Pendekatan ini tidak harus dilihat sebagai tidak memartabatkan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan minggu lalu telah menekankan aspirasi kerajaan untuk membawa kita menjadi warga keekonomi. Apakah pendekatan kita yang lebih berkesan terhadap ini? Tidak dinafikan pencapaian Bahasa Inggeris dalam peperiksaan PMR dan SPM terutama murid-murid luar bandar mengecewakan sejak sekian lama. Adakah isu ini telah diambil perhatian oleh kementerian?

Tuan Moktar bin Radin: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Moktar bin Radin: Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Beluran, bagaimanakah caranya kerajaan dan negara kita dari pandangan Yang Berhormat merencanakan keekonomi secara berkesan memandangkan banyak ancaman daripada dalam negara kita terutama sekali daripada pemimpin-pemimpin pembangkang untuk memburuk-burukkan imej negara kita sehingga menggunakan ejen-ejen asing untuk menakut-nakutkan mereka melabur di negara kita. Adakah pandangan Yang Berhormat, keekonomi ini akan dapat kita jayakan dengan perilaku pemimpin-pemimpin pembangkang seperti KeADILan, PAS dan sebagainya?

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya *for once* memang tidak bersetuju bahawa pemimpin negara kita dikecam di luar negara kerana akhirnya bukan pemimpin negara yang akan kecewa daripada semua ini tetapi rakyat itu sendiri dari aspek pembangunan, pelaburan daripada negara asing. Saya yakin bahawa pihak pembangkang juga setuju bahawa keekonomi, ICT harus ditekankan di negara ini.

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Ronald Kiandee: Saya tidak beri jalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Ronald Kiandee: Terlalu banyak yang hendak dihabiskan. Terima kasih.

Yang kedua, pengurangan jurang digital. MSC merupakan manifestasi kita terhadap kepentingan ICT untuk semua rakyat mampu bersaing dalam k-ekonomi. MSC harus dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. Hakikatnya, sama ada kita mahu mengakui atau tidak terdapat jurang digital yang amat ketara di kalangan kita. Orde Sosial yang berasaskan pengetahuan yang tidak sama merupakan cabaran yang harus diselesaikan.

Penumpuan sekolah-sekolah bestari di kalangan murid-murid bandar menyebabkan mereka yang berada di luar bandar menjadi tersisih. Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk mewujudkan makmal komputer dan membekal sehingga 40 buah komputer untuk semua sekolah di negara ini. Tetapi bagaimanakah sekolah-sekolah luar bandar yang tidak mempunyai kemudahan elektrik dapat memanfaatkan komputer-komputer ini. Hasrat kerajaan untuk membudayakan perolehan pengetahuan dan memastikan setiap murid sekolah celik komputer harus disusuli dengan program bersepadu dan teratur sama ada melalui Kementerian Pendidikan atau Kementerian Luar Bandar.

Bercakap tentang murid-murid luar bandar, yang lebih menghiris hati mereka ini hampir ke semuanya adalah anak-anak bumiputera. Di mana masa hadapan mereka untuk bersaing dalam keekonomi ini? Pengalaman kita yang lampau tentang jurang ekonomi dan tentang pengwujudan dasar ekonomi baru haruslah dijadikan pengajaran agar masalah jurang digital ini ditangani dengan sebaik-baiknya.

Yang ketiga,

Tuan Saupi bin Daud: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Minta maaf, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Ronald Kiandee: Perkhidmatan *cyber cafe*. *Cyber cafe* merupakan sebahagian daripada kejayaan ICT. Kita akui bahawa keputusan kerajaan dalam membenarkan *cyber cafe* ini adalah untuk membantu mereka yang kurang mampu memiliki komputer untuk sama-sama berpeluang dan merasai era Internet. Sehaluan dengan ini, saya menyeru agar perkhidmatan *cyber cafe* ini dapat diperluaskan di kawasan-kawasan luar bandar yang akan merangsang penggunaan Internet di kawasan pedalaman dan secara tidak langsung pendekatan ini akan menarik lebih ramai lagi penduduk luar bandar agar sama-sama menikmati perkembangan positif ICT ini. Keperluan *cyber cafe* ini lebih ketara lagi dengan perkembangan pendidikan masa kini yang boleh dilakukan secara maya. Penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi boleh dipermudahkan dengan adanya pendidikan maya ini.

Yang keempat, mengindustrikan pendidikan. Sehaluan dengan perkembangan ICT yang pesat di negara ini, saya menyeru agar Kementerian Pendidikan mengambil langkah positif untuk mengindustrikan pendidikan itu sekali gus. Saya yakin dengan langkah ini Malaysia akan menjadi *education hub* dengan izin, di rantau ini. Pendekatan yang berdaya saing seperti penawaran pendidikan secara maya harus diberi penekanan sepenuhnya. Apa yang berlaku ketika ini adalah sebilangan kecil pusat pengajian tinggi sama ada awam atau swasta yang menawarkan kursus maya ini, namun aplikasinya tidak menyeluruh dan masih banyak yang perlu diperbaiki.

UNITAR umpamanya ada menawarkan kursus secara ini tetapi kursus yang ditawarkan disekat oleh syarat-syarat kementerian yang mewajibkan adanya prasyarat secara bersemuka. Syarat-syarat ini sesungguhnya menyekat perluasan industri pendidikan secara maya bukan hanya kepada penuntut luar kawasan di universiti itu sendiri tetapi juga menyekat penyertaan penuntut di luar negara. Apakah kementerian bersedia untuk mengambil langkah positif untuk mengindustrikan pendidikan secara maya ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita dalam MSC dan penghayatan kita dalam ICT dan ekonomi dalam menghadapi ekonomi dunia yang tidak bersempadan ini merupakan kejayaan yang harus diikuti dengan penerapan nilai-nilai baik di kalangan masyarakat yang ada. Agenda kerajaan dalam membentuk sebuah masyarakat

penyayang harus mendapat sokongan yang padu. Keseriusan kerajaan untuk menangani masalah ini nampak jelas apabila kerajaan menyediakan peruntukan sejumlah RM185 juta untuk membela kebajikan golongan kurang berupaya, warga tua, anak-anak yatim dan fakir.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengejar kepesatan dan pembangunan ekonomi, kita tidak dapat lari daripada masalah sosial seperti masalah tekanan jiwa dan penyakit mental. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, Akta Mental 1952 telah ketinggalan zaman dan ianya perlu perubahan seiring dengan kepesatan pembangunan negara ini.

Saya menyokong seruan beberapa pihak agar Akta Mental ini mesti digubal agar ianya lebih selari dengan kehendak masa kini terutama untuk menangani dan merawat kes kutu rayau dan kes yang membabitkan individu yang mudah terpengaruh dengan aktiviti ajaran sesat kerana insiden-insiden amuk dan kecederaan yang diakibatkan olehnya semakin meningkat berkemungkinan akibat daripada psikosis, kemurungan, kebimbangan dan kumpulan yang terdiri daripada penagih dadah, ketagihan alkohol dan masalah-masalah sosial.

Saya membaca satu makalah di mana tahun 1998, insiden-insiden seperti ini berlaku tiga kali. Pada tahun 1999, tiga insiden juga berlaku tetapi pada tahun 2000 ini terdapat 13 insiden serupa telah berlaku di negara kita. Dari pengamatan dan pengkajian saya, negara amat berkurangan tenaga kerja bagi menangani dan mengendalikan program berkaitan penyakit mental di negara ini.

Sehingga tahun 1999, hanya terdapat 2,090 orang anggota kesihatan terlatih dalam bidang penjagaan kesihatan mental dan saya sangat terkejut apabila mendapati hanya 60 orang pakar psikiatri yang berkhidmat di seluruh negara. Jumlah ini kalau kita kaji adalah tidak langsung seimbang dengan bilangan pesakit mental yang semakin memuncak.

Sebagai contoh, bilangan kemasukan pesakit mental paling kronik telah meningkat kepada 1,197 orang dalam tahun 1999 dan saya ingin tahu apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh kementerian terhadap perkara ini? Adakah kerajaan bersedia untuk memberi insentif bagi menggalakkan pelaburan lebih ramai anak-anak muda kita ke bidang ini? Saya juga ingin tahu apakah pihak kementerian

bercadang untuk mewajibkan pemeriksaan mental kepada setiap yang baru mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Tuan Yang diPertua, beberapa orang Ahli Parlimen telah membahaskan isu pergantungan kita terhadap pengimportan makanan daripada luar terutama beras. Ini menunjukkan bahawa satu langkah yang menyeluruh dan tindakan yang berkesan perlu diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini. Dengan pengeluaran padi sebanyak 1 juta metrik tan pada tahun 1997, 1.5 juta metrik tan 1998 dan 1.6 juta metrik tan pada tahun 1999. Negara cuma mampu mencapai 65% tahap SSL ataupun Self Sufficiency Level, dengan izin. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan tahap SSL ini di masa akan datang. Saya melihat bahawa negara jiran seperti Thailand, Burma, Indonesia dan juga Philippines mampu mengeluarkan jumlah padi yang begitu besar dengan harga yang lebih kompetitif. Saya ingin membuat perbandingan sebagai contoh, harga pengeluaran padi satu tan metrik adalah sebanyak RM450 di Indonesia ataupun melebihi 45 sen sekilogram. Sebanyak RM350 di Vietnam dan RM450 di Thailand sedangkan pengeluaran padi negara kita pada metrik tan yang sama adalah sebanyak RM650 ataupun 65 sen sekilo.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa kos pengeluaran padi kita adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara jiran dan jika kita mengambil kira subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada petani, harga pengeluaran padi di Malaysia boleh mencecah kepada 95 sen sekilogram. Keadaan sedia ada ini menyebabkan beras kita kurang kompetitif dan secara tidak langsung menggalakkan pergantungan kita kepada pengimportan beras daripada negara-negara jiran. Apakah kerajaan sedar akan hakikat ini dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengimbangi keadaan yang sedia ada?

Saya ingin mencadangkan agar langkah-langkah berikut diambil perhatian oleh kerajaan:

- meningkatkan usaha R&D bagi tujuan meningkatkan penghasilan beras dan produktiviti ladang;
- meningkatkan pengeluaran beras wangi special dan beras berkualiti tinggi dalam meningkatkan pendapatan petani dan persediaan kita untuk bersaing menghadapi WTO dan AFTA;

- meningkatkan kecekapan dalam penggunaan jentera di ladang-ladang;
- mengawal ketat kawalan ke atas setiap aktiviti penyeludupan beras ; dan
- menggalakkan aktiviti ladang berskala besar di bawah satu pengurusan melalui kontrak farming, dengan izin, kerana dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran. Langkah ini akan dapat mengurangkan pergantungan petani kepada subsidi serta terus daripada kerajaan.

Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan Akta Biji Benih bagi melindungi keturunan hasil variety padi yang baru. Apa yang merisaukan saya adalah apakah industri padi ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa apabila AFTA dan WTO diperkenalkan dan akhirnya membuka kepada persaingan industri padi dan beras ini kepada persaingan global. Saya kluatir dengan keadaan yang sekarang ini di mana kos pengeluaran beras kita adalah amat tinggi berbanding dengan kos pengeluaran negara-negara jiran dan pergantungan kita yang amat tinggi kepada subsidi, industri ini akan menuju masa depan yang tidak cerah apabila AFTA dan WTO diaplikasikan di negara ini.

Jika dibandingkan dengan Indonesia, Vietnam dan Thailand, Malaysia satu-satunya negara yang masih memberi subsidi daripada kerajaan kepada para petani. Jumlah subsidi yang meningkat iaitu daripada RM420 juta pada tahun 1997, RM380 juta pada tahun 1998 dan RM404 juta dalam tahun 1999 menunjukkan terdapatnya kenaikan dalam jumlah subsidi tetapi ianya tidak seimbang dan memberi impak positif terhadap pengeluaran padi itu sendiri.

Apakah perancangan masa depan kerajaan terhadap pengeluaran subsidi ini? Apakah tidak ada perancangan untuk menggunakan jumlah wang yang sebesar itu untuk dijadikan sebagai insentif untuk menggalakkan padi diindustrikan dalam konteks mengusahakannya dalam skala yang besar. Pendekatan yang diamalkan oleh kerajaan ketika ini di mana subsidi hanya diberi kepada petani perseorangan yang mengusahakan tanah tidak lebih daripada 6 ekar belum mampu untuk memberangsangkan pertumbuhan industri ini secara mapan. Dalam aspek ini, saya menyokong usaha yang diambil oleh Bernas yang bertindak bukan sahaja sebagai gatekeeper tetapi mengkonsolidasikan pengeluaran dan pengilang padi kerana saya

yakin langkah ini akan membawa industri ini bersaing selepas era AFTA. Peranan gatekeeper dalam industri beras bukannya tidak pernah berlaku. Sebagai contoh di Indonesia, terdapat ‘buloj’ – b-u-l-o-j, sementara di Filipina dijalankan melalui NFA. Apakah langkah Bernas ini mendapat sambutan yang positif daripada pengusaha padi kecil-kecilan yang sentiasa dihasut oleh pembangkang yang menangguk di air keroh dengan mempolitikkan isu subsidi ini. Apakah langkah di pihak kerajaan untuk memanjangkan atau memberi insentif kepada pengusaha padi berskala besar di negara ini.

Saya yakin pendekatan untuk mengindustrikan padi akan memberi manfaat yang lebih besar kepada industri ini keseluruhannya kerana matlamat kita adalah untuk meningkatkan taraf hidup petani kecil-kecilan dan menjadikan pengeluaran beras kita berkualiti antarabangsa. Pada pengamatan saya, di peringkat pemasaran, industri ini diselubungi oleh masalah lapisan pemasaran yang bertindih yang banyak dipengaruhi oleh orang-orang tengah. Apakah langkah kerajaan untuk menangani masalah ini agar beras yang sampai kepada pengguna setimpal dengan harga dan kualiti yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian penculikan 21 rakyat Malaysia dan asing daripada pulau peranginan Pulau Sipadan di Pantai Timur Sabah oleh kumpulan pemisah Abu Sayyaf daripada Selatan Filipina pada 23 April yang lalu telah menggemparkan masyarakat terutama rakyat Malaysia di negeri Sabah. Kejadian tersebut benar-benar mengejutkan terutama keluarga mangsa kerana umum mengetahui bahawa kumpulan tersebut terkenal dengan sikap ganas mereka. Menyedari keselamatan mangsa culik itu lebih penting daripada serangan yang mungkin berlaku yang akan turut mengancam keselamatan para perunding termasuk dari Malaysia sama ada yang ditaja oleh kerajaan atau secara peribadi. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh masyarakat antarabangsa dan kerajaan negara-negara asing di mana rakyat mereka turut menjadi mangsa penculikan dan akhirnya usaha yang berterusan dari pelbagai pihak, kesemua mangsa termasuk rakyat negara ini telah dibebaskan oleh kumpulan penculik tersebut.

Banyak pihak mendakwa bagaimana sebahagian besar sama ada sebahagian besar wang telah dibayar oleh kumpulan ini termasuk daripada kerajaan asing kepada

kumpulan Abu Sayyaf bagi pembebasan mangsa-mangsa culik tersebut. Dalam perkara ini, saya ingin tahu apakah kerajaan terlibat secara langsung atau tidak dalam perkara ini. Kejadian penculikan ini telah meletakkan Malaysia dan rakyat asing di Sabah merasa bimbang dan takut mengenai keselamatan mereka. Kejadian penculikan juga telah mengundang persoalan sama ada keselamatan negara benar-benar terjamin atau di ambang ancaman oleh pihak luar. Justeru itu, langkah kerajaan untuk menghantar keselamatan untuk mengawal pulau-pulau peranginan di perairan negeri Sabah telah membantu memantau sebarang ancaman oleh warga asing terutama daripada kumpulan pengganas yang disebutkan.

Setelah pihak keselamatan memberi jaminan bahawa perairan Sabah telah selamat daripada pencerobohan dari mana-mana pihak, penculikan kali kedua pula telah berlaku. Kali ini melibatkan tiga orang rakyat negara ini di Pulau Pandanan, Semporna pada 10 September yang lalu. Penculikan kali kedua ini bukan sahaja menjijikkan malah telah mencabar kewibawaan negara dari aspek keselamatan dan pengawalan sempadan negara. Ada setengah pihak mendakwa bahawa kumpulan Abu Sayyaf ini terdorong melakukan penculikan kali kedua ini kerana wang yang banyak telah diberikan untuk membebaskan mereka mangsa-mangsa yang terdahulu. Apakah tuduhan ini berasas atau dilemparkan oleh pihak yang bertanggungjawab?

Insiden-insiden penculikan di Sipadan dan Pandanan ini membawa banyak persoalan yang harus dijawab oleh kerajaan. Pertama, sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh pendatang Filipina di Sabah dalam kedua-dua penculikan ini.

Kedua, apakah pendekatan baru yang akan diambil oleh kerajaan terhadap kehadiran seramai 600,000 orang rakyat Filipina di Sabah.

Ketiga, adakah kerajaan sedar bahawa kaedah menghantar pendatang pulang Filipina tidak lagi berkesan untuk menghalang mereka masuk ke negara ini semula seperti Yang Berhormat Bandau mengatakan tadi, mereka kembali ke Sabah lebih cepat daripada bot yang menghantar mereka ke sempadan perairan negara asing.

Keempat, bagaimanakah kedudukan pelarian Filipina ini yang berada di Sabah ketika ini yang datang pada tahun 1975 dan awal tahun 1975 yang telah dikelaskan sebagai pelarian perang di bawah UNHCR sedangkan mereka tidak lagi berperang di kawasan di negara mereka ketika ini.

Kelima, adakah kerajaan bercadang untuk menimbang memberhentikan perkhidmatan feri Zamboanga-Sandakan yang tidak memberi manfaat ekonomi kepada Sabah sebaliknya dijadikan sebagai kemudahan untuk rakyat Filipina masuk ke Sabah dan duduk secara haram selepas tempoh tamat visa mereka.

Keenam, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan entry point bagi rakyat Filipina masuk ke Sabah kerana keadaan entry point yang begitu banyak di Sabah ketika ini memberikan perjalanan masuk yang lebih mudah kepada rakyat Filipina ini.

Ketujuh, adakah kerajaan ingin meneruskan niat untuk menempatkan pelarian baru ke Filipina ke satu pulau yang akan dikenalpasti kelak.

Kelapan, adakah kerajaan akan meneruskan niat untuk menempatkan semula, resettle penduduk pulau-pulau terpencil di Sabah kerana aspek keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, telah tiba masanya untuk kerajaan mengambil satu pendekatan yang drastik untuk membendung kehadiran pendatang Filipina ini di negeri Sabah. Insiden penculikan yang berlaku bukan sahaja telah mencabar imej kita dari sudut keselamatan malah telah merugikan Sabah dari segi aspek ekonomi. Kenyataan bahawa ketua kumpulan Abu Sayyaf ini memiliki pasport antarabangsa Malaysia harus disiasat secara rapi oleh pihak yang berkuasa kerana saya khuatir kenyataan ini bukan sahaja merupakan satu kes yang isolated tetapi telah ramai di kalangan pelarian Filipina ini memiliki kad rasmi kerajaan seperti kad pengenalan yang dimiliki secara tidak legal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana diberi peruntukan yang begitu banyak sekali pada Belanjawan kali ini. Saya yakin dengan peruntukan yang begini banyak, kementerian akan mampu memberikan pendidikan yang sama di antara penuntut-penuntut di bandar dan juga di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, P.159 Beluran, terdapat beberapa buah sekolah menengah yang telah beroperasi tetapi masih tidak mempunyai bangunan sekolah menengah itu sendiri. Di Sekolah Menengah Paitan umpamanya, sekolah menengah ini menumpang bangunan kecil sekolah rendah SK Paitan, Simpangan Paitan. Di Sekolah Menengah Bahpan Jaya, sekolah ini menumpang sekolah SK

Balapan Jaya yang cuma boleh menampung tidak ramai penuntut. Begitu juga sebuah sekolah menengah yang dijangkakan telah dibina pada tahun lalu masih belum nampak sebarang bentuk pembangunan yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin peruntukan yang begitu besar yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, masalah sekolah-sekolah luar bandar, masalah-masalah sekolah menengah yang tidak bersekolah, tidak mempunyai bangunan sendiri dapat ditangani oleh kementerian. Begitu juga masalah kekurangan guru, masalah kerosakan bangunan, masalah kekurangan bangku sekolah yang begitu ketara sekali di kawasan P.159 akan mendapat perhatian yang jelas daripada kementerian. Saya yakin bahawa pihak perancang kementerian mengetahui perkara ini dan saya yakin bahawa satu tindakan positif akan diberikan, akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah disebutkan di kawasan P.159. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Lanang dulu, Lanang.

12.35 tgh.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya berkenaan Belanjawan 2001.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan padu saya kepada Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2000 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kandungan keseluruhan Belanjawan 2001, ia sememangnya merupakan satu belanjawan mesra rakyat, yang mengutamakan kebajikan rakyat dan penuh bermakna untuk memacukan negara mencapai Wawasan 2020 dan era ekonomi baru. Cukai pendapatan perseorangan, cukai syarikat dan cukai import telah membuat penyelarasan. Malah kadar rebat cukai pendapatan yang ditingkatkan bagi golongan yang berpendapatan RM35,000 ke bawah telah memanfaatkan golongan berpendapatan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini mencerminkan dua sifat yang utama, iaitu, yang pertama, menggalakkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Ekonomi

berasaskan pengetahuan mempunyai potensi dan ruang pembangunan yang luas. Bagi mencapai matlamat pembangunan ekonomi pengetahuan, lebih ramai pakar dalam bidang teknologi maklumat perlu dididik. Sebagai galakan untuk pembangunan teknologi maklumat, cukai dikecualikan bagi pemberian komputer syarikat kepada pekerja dan potongan cukai pendapatan dibenarkan bagi pembelian komputer oleh syarikat. Berharap kerajaan dapat memberi bantuan dan galakan kepada institusi swasta atau universiti sebagai dorongan untuk menjana pembangunan dan penyelidikan teknologi maklumat.

Kedua, belanjawan penyayang yang prihatin kebajikan orang kurang upaya dan warga tua. Ini memandangkan orang kurang upaya dikecualikan sepenuhnya rawatan perubatan di hospital kerajaan dan bayaran dokumen perjalanan. Orang kurang upaya juga dikecualikan cukai eksais sebanyak 50% atas pembelian kereta dan motosikal nasional, selain pengecualian cukai import peralatan orang kurang upaya. Saya menyokong sepenuhnya peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang kenaikan harga minyak kebelakangan ini. Harga minyak dinaikkan sebanyak 10% berikutan daripada harga minyak asli antarabangsa yang dinaikkan seganda. Kenaikan harga minyak ini adalah munasabah. Setelah kenaikan harga minyak, industri pemprosesan yang menggunakan tenaga minyak secara besar-besaran mengalami tambahan kos yang paling mendadak. Ini mengurangkan daya saing di persaingan global akibat harga yang meningkat. Negara kita adalah salah satu negara pengeluar minyak dan gas asli, selain membekalkan kegunaan sendiri, yang berlebihan telah dieksport. Kerajaan harus menyedari situasi yang dihadapi oleh industri pemprosesan dan berusaha meringankan beban mereka. Sekiranya harga minyak asli menurun pada masa depan, berharap kerajaan dapat menurunkan harga minyak kegunaan komersial seperti petrol, diesel dan minyak pelincir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang penambahan elaun doktor sektor awam sebanyak 50% iaitu tambahan elaun sebanyak antara RM110 sehingga RM500 sebulan. Tambahan elaun ini tentu memberi satu kepastian kepada tahap perkhidmatan doktor. Negara kita mengalami kekurangan pakar perubatan dan terpaksa menggaji ramai pakar perubatan negara asing untuk

berkhidmat di negara kita. Pakar perubatan asing berpendapatan lebih tinggi daripada pakar perubatan tempatan. Bagi kelulusan yang sama, pendapatan pakar perubatan tempatan juga lebih rendah berbanding dengan pakar perubatan di negara jiran. Pendapatan rendah menyebabkan negara kita kekurangan pakar-pakar perubatan kerana mereka enggan kembali ke tanah air setelah tamat pengajian. Pakar-pakar perubatan yang berkhidmat di negara lain merugikan negara kita. Secara umum, penuntut yang diterima masuk ke Fakulti Perubatan adalah penuntut yang paling cemerlang, maka layanan yang istimewa boleh dipertimbangkan supaya mereka boleh berkhidmat lama dalam negara. Berharap kerajaan dapat menilai semula pendapatan, elaun dan kebajikan yang disediakan untuk pakar perubatan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan RM5.76 bilion bagi pembinaan hospital baru, serta 452 buah klinik baru, sama ada di kawasan bandar dan kawasan luar bandar di seluruh negara. Saya telah menyentuh beberapa kali tentang pembinaan poliklinik di Sibu Jaya. Sibu Jaya terletak 27 kilometer dari bandar Sibu, atau mengambil masa kira-kira 30 minit perjalanan. Lebih 1,000 keluarga telah menetap di sini. Sebanyak 7,000 buah keluarga lagi akan meretap di kawasan perumahan ini pada masa depan. Hospital Sibu yang berjarak 20 kilometer dari Sibu Jaya, telah menyusahkan penduduk untuk mendapat rawatan perubatan. Saya berharap kerajaan dapat memperuntukkan sebahagian daripada peruntukan tersebut untuk membina klinik di Sibu Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, 2 hospital psikiatri akan dibina bawah Belanjawan ini. Berikutan daripada kemajuan masyarakat dan negara, semakin meningkatnya tekanan hidup, tekanan kerja dan kegagalan perniagaan, ramai orang mengalami sakit jiwa dan membunuh diri untuk menyelesaikan masalah peribadi. Ini adalah masalah negara industri maju yang terpaksa dihadapi. Pesakit jiwa bukan sahaja mengancam keselamatan jiwa dan nyawa keluarga sendiri, malah juga orang awam. Di bahagian Sibu juga terdapat pesakit jiwa yang mengancam keselamatan orang awam. Maka usaha mencari tanah lain untuk membina hospital sakit jiwa adalah sangat penting pada masa kini, biar pun Hospital Sibu mempunyai wad pesakit jiwa. Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan terbanyak iaitu RM18.6 bilion kepada sektor pendidikan adalah langkah yang bijak. Ini disebabkan taraf pendidikan rakyat menentukan kekayaan dan kemakmuran negara. Ada negara yang tidak kaya tetapi mengamalkan polisi pendidikan seluruh rakyat, telah mengayakan dan menguatkan negara mereka. Negara kita kaya dengan sumber alam semula jadi, maka pendidikan tentu memainkan peranan utama.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan negara kita semakin terbuka berikutan daripada universiti atau institusi pengajian tinggi negara asing yang mendirikan cawangan di negara kita. Ini memberi peluang yang baik kepada anak-anak kita untuk menerima pendidikan yang lebih tinggi. Beban para ibu bapa juga dikurangkan dengan yuran dan perbelanjaan yang jauh lebih rendah jika belajar di universiti atau institusi pengajian tinggi tempatan.

Universiti Malaya merupakan institusi kerajaan yang menunjukkan pencapaian terbaik dan bersejarah paling lama di negara kita. Mengikut laporan media massa, prestasi akademik Universiti Malaya semakin merosot. Sekiranya laporan ini adalah benar, kerajaan mesti menumpukan lebih perhatian terutamanya prestasi Fakulti Perubatan merosot berbanding dengan tahun-tahun lepas, dan senarai nama pada peringkat antarabangsa juga merosot. Ini adalah masalah serius dan kerajaan perlu menjalankan penilaian semula.

Ini mungkin berikutan daripada penerimaan dan pemilihan penuntut-penuntut masuk ke universiti bukan mengikut keputusan yang terbaik, atau kemudahan dan kelengkapan universiti yang tidak begitu moden dan lengkap atau pensyarah universiti yang tidak mencukupi.

Di negara lain, penerimaan penuntut-penuntut adalah mengikut keputusan yang terbaik. Demi menjaga nama baik negara dan universiti, saya mencadangkan universiti tempatan harus menerima penuntut-penuntut yang terbaik supaya masalah kemerosotan pencapaian di kalangan penuntut boleh diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru di sekolah rendah Cina kini berada pada tahap yang agak kritikal. Di dapati bahawa guru dari lepasan maktab perguruan tidak dapat menampung permintaan guru-guru sekolah rendah Cina. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pentadbiran sekolah dan para guru, khasnya

dari segi beban kerja yang harus ditanggung oleh mereka. Maka, kerajaan telah mengambil langkah menerima semula guru bersara. Tetapi ada banyak aduan mengenai permohonan mereka tidak diberi jawapan walaupun sudah dikemukakan selama dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ingin saya tujukan kepada Menteri Pendidikan adalah. Yang pertama, bilangan guru yang bersara dari sekolah rendah Cina pada tiga tahun yang lepas dan berapa orang antara mereka yang mengemukakan permohonan untuk melanjutkan perkhidmatan mereka dan berapa permohonan yang telah diluluskan.

Yang kedua, secara umum, pemprosesan permohonan ini mengambil tempoh berapa lama? Saya mencadangkan dalam tempoh yang pendek seperti satu atau dua minggu, mesti memberi jawapan kepada pemohon atau memberi kuasa kepada bahagian pendidikan tempatan untuk meluluskan permohonan.

Yang ketiga, langkah mengambil guru bersara untuk meneruskan perkhidmatan adalah satu langkah jangka pendek. Justeru itu, saya berharap pihak berkenaan akan mengkaji semula sistem pendidikan di negara kita agar masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mewajibkan pertubuhan PIBG di semua sekolah rendah Cina telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan komuniti Cina di bahagian Sarawak khasnya pihak Lembaga Sekolah Rendah Cina kerana tidak dapat menerima konsep PIBG.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Lembaga Sekolah Rendah Cina di negeri Sarawak ini telah banyak memberi sumbangan dari segi kewangan, kemudahan infrastruktur serta tanah demi pembangunan dan kesejahteraan generasi muda. Selama ini mereka sentiasa bekerjasama dan memberikan sokongan penuh kepada Kementerian Pendidikan atas segala sistem, akta serta peraturan yang diperkenalkan. Pada pendapat saya, pihak yang berkenaan harus menimbang semula langkah mewajibkan pengenalan konsep PIBG di semua sekolah rendah Cina ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM94 juta dalam membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat, terutamanya masalah penyalahgunaan dadah seperti heroin, morfin, kokain, ganja dan pengambilan pil

ecstasy. Kerajaan kita menghadapi masalah besar dalam menangani gejala sosial ini. Memandangkan ramai generasi muda yang terjebak dengan masalah penagihan dadah, ini membawa kerugian yang besar kepada negara. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas untuk menangani masalah ini.

Masalah penyalahgunaan dadah bukan sahaja dihadapi oleh negara kita sahaja, tetapi termasuk negara maju dan negara membangun di seluruh dunia. Ini disebabkan peniaga yang tidak bermoral, bertujuan mengaut keuntungan besar tanpa mempertimbangkan kesan yang timbul. Penedaran dadah adalah sesuatu perniagaan, yang tidak peduli kepentingan orang lain, tetapi mementingkan diri sendiri. Walaupun hukuman gantung mandatori dijatuhkan atas pesalah yang disabit kesalahan, tetapi masih tidak begitu berkesan untuk mengawal masalah penedaran dan penjualan dadah. Mengikut statistik, bilangan penagih dadah semakin bertambah setiap tahun. Kerajaan harus menjalankan kajian supaya hukuman yang lebih berat dijatuhkan untuk menuju ke arah mewujudkan satu masyarakat yang bebas dadah pada tahun 2023. Kita boleh berpandukan negara jiran dan maju dalam merangkakan hukuman yang lebih berkesan untuk mengawal penyalahgunaan dadah.

Kebelakangan ini jabatan berkenaan sedang menjalankan kajian supaya individu yang dikesan positif dalam ujian kencing sebanyak tiga kali akan terus dihantar ke pusat pemulihan tanpa pembicaraan mahkamah. Ini adalah langkah yang baik. Saya menyokong langkah ini dilancarkan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, selepas diswastakan Jabatan Telekom lebih mengutamakan keuntungan sehingga mengabaikan tanggungjawab yang harus ditanggung. Sememangnya perkhidmatan yang disediakan olehnya boleh diperluaskan.

Saya pernah menerima aduan tentang permohonan talian telefon di kawasan perumahan bandar berlarutan selama satu tahun tetapi masih belum diberi pertimbangan. Ini disebabkan talian di jalan atau kawasan perumahan tersebut sudah penuh, permohonan talian hanya dipertimbangkan sehingga Telekom menambahkan talian di kawasan tersebut. Perkhidmatan Telekom yang disediakan kurang memuaskan memandangkan kemudahan telefon adalah sangat penting dalam zaman moden ini.

Saya bercadang sekiranya terdapat permohonan talian, talian mesti ditambah dan bukan membiarkan permohonan berlarutan sehingga Telekom menambahkan talian. Selain itu Telekom juga mesti memberi perhatian tentang kemajuan di kawasan perumahan baru supaya kemudahan telefon boleh disediakan sebaik sahaja permohonan diterima. Talian telefon bukan disediakan setelah menerima kuantiti permohonan yang tertentu. Sebaliknya talian di sesuatu jalan atau kawasan perumahan mesti ditambah sekiranya terdapat kekurangan. Jabatan Telekom mesti memperkuat perkhidmatannya dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) diswastakan dengan tujuan menyediakan perkhidmatan yang baik dan mendapat keuntungan. Selain itu berkembang menjadi syarikat penerbangan yang baik, selesa dan selamat. Lain kata perkhidmatan dan layanan yang lebih baik dapat disediakan dalam persaingan hebat di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selepas krisis kewangan pada tahun 1997 kerajaan menyedari MAS tidak dapat mengatasi rintangan krisis kewangan. MAS masih tidak begitu mantap dari segi pengurusan, pimpinan, pertubuhan dan strategi perniagaan. Kegawatan ekonomi membuktikan MAS mengalami kerugian yang besar. Mengikut laporan setiap tahun bergantung kepada menjual pesawat bagi mencantikkan perolehan perniagaan. Malaysia mempunyai KLIA, lapangan terbang yang unggul, maka sewajarnya juga mesti memiliki syarikat penerbangan yang unggul tetapi pencapaian MAS yang lepas telah memalukan imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai syarikat penerbangan tunggal negara MAS memainkan peranan penting dalam industri pelancongan. MAS mesti berkemampuan menarik lebih banyak pelancong asing untuk melawat negara kita. Demi membantu pertumbuhan ekonomi negara MAS perlu membeli lebih banyak lagi pesawat bagi mengeratkan hubungan dengan destinasi pelancongan terkenal negara lain.

Pada masa kini MAS sangat memerlukan seorang pemimpin yang berkebolehan, berpengalaman dan profesional untuk memperbaiki pengurusan yang sedia ada. Jika negara kita tidak mempunyai pemimpin profesional dalam bidang ini, kita boleh mencari profesional dari negara lain untuk mengendalikan MAS. Semasa kemerdekaan Malaysia dan Singapore memiliki syarikat penerbangan yang sama.

Setelah berpisah pencapaian Singapore Airline (SIA) telah mengatasi pencapaian MAS. Mereka memiliki pesawat-pesawat yang berusia paling pendek. MAS harus meneladani SIA dalam bidang ini dan berusaha mengejar SIA dalam jangka pendek supaya membawa kebanggaan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2001 dengan sepenuhnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu.

12.59 tgh.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Tengah Hari. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 ini walaupun Belanjawan 2001 digelar oleh Perdana Menteri kita sendiri sebagai 'Belanjawan Rakyat' akan tetapi ia mengandungi banyak perkara yang kita kira mengecewakan rakyat yang teramai.

Sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pembangkang di dalam Parlimen, ia menguntungkan sesetengah golongan sahaja tetapi tidak semua. Memang benar ada elaun, ada rebat dan penggalak untuk golongan terendah dan pertengahan, akan tetapi ia tidak mencukupi. Bahkan golongan terkaya akan lebih beruntung Menteri Kewangan menggariskan lima strategi untuk belanjawan ini dan beliau mengutamakan tiga daripadanya. Walaupun kebanyakan sasaran tertumpu kepada ekonomi akan tetapi di sebaliknya tersembunyi agenda politik yang tidak beretika.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan ini Menteri Kewangan juga ada menyebut visi negara kecil dengan jumlah penduduk 22 juta orang untuk menyediakan negara ke arah apa yang disebut sebagai Wawasan 2020, di mana Malaysia akan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 sama tarafnya dengan negara Eropah dan Amerika Syarikat .

Persoalan yang ada di hadapan kita, kita pernah memperkenalkan konsep 'Pandang Ke Timur' untuk menerapkan semua nilai dan cara bekerja yang membawa kejayaan dalam bidang industri, sama seperti Jepun, Korea dan Taiwan. Tetapi konsep 'Pandang Ke Timur' ini hanya tinggal impian malahan ianya menjadi suatu impian yang ngeri.

Pemimpin negara juga memperkatakan tentang impian nilai-nilai negara Asia, Asian values dan melaksanakannya dan memperjelasannya bahawa apa yang baik bagi Barat tidak semestinya baik untuk Timur

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuaratditempokkan pada pukul 1.02 tengah hari.

Mesyuaratdisambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi sila sambung.

2.32 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pemimpin negara juga begitu asyik dengan impian nilai-nilai Asia dan melaksanakannya dengan menjelaskan bahawa apa yang baik bagi Barat tidak semestinya baik untuk Timur. Demokrasi serta hak asasi ala-Barat tidak semestinya baik dan menyatakan juga bahawa di Timur kami menjalankannya dengan cara kami sendiri. Demokrasi dan hak asasi di Malaysia adalah acuan kami sendiri yang mempunyai nilai-nilai Asia.

Tuan Yang di-Pertua, namun realitinya di bawah pimpinan yang ada sekarang Malaysia sebenarnya berada jauh dari tahap yang memperakui hak-hak kebebasan masyarakat. Sebagai sebahagian dari rancak politik rakyat Malaysia, ia turut ketinggalan jauh terkebelakang dalam soal konsep berpolitik di mana yang dilakukan adalah siapa yang menang akan mengambil kesemuanya dan yang kalah akan terus dihukum. Yang menyayatkan lagi, politik balas dendam diamalkan serta tidak mahu menerima realiti bahawa sebahagian besar rakyat kini telah menolak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas sebaik sahaja pembentangan Belanjawan ini dibuat kelihatan di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur mereka menerima pembentangan Belanjawan ini dengan jatuhnya indeks saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pada hari Isnin sahaja ianya jatuh sebanyak 16 mata. Semalam ia jatuh sebanyak 21.9 mata dan menjadikan komposit indeks di Bursa Saham Kuala Lumpur kepada paras 752. Apakah ini tanda-tanda ketidakyakinan pelabur-pelabur terhadap Belanjawan yang telah dibentang.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini juga turut menyentuh persoalan wang royalti minyak yang telah dirampas oleh Terengganu dan dijadikan wang ihsan yang ditadbir oleh Kerajaan Pusat. Bagi saya adalah amat menghairankan apabila wang ihsan ini juga turut dibentangkan sebagai sebahagian daripada Belanjawan negara. Di bawah peruntukan mana serta di bawah butiran mana ianya dibentangkan? Apakah Menteri Kewangan bercadang untuk membentangkan wang ihsan ini kepada negeri Terengganu setiap tahun di dalam pembentangan Belanjawan beliau? Wang ihsan yang kononnya untuk membantu golongan miskin seperti nelayan, petani, penarik beca dan mereka yang perlu dibantu.

Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional selepas selama lebih 40 tahun mereka memerintah negeri Terengganu. Mereka menerima royalti minyak secara langsung dengan tunai bernilai tidak kurang daripada RM7 bilion

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Berapa banyakkah telaga minyak di perairan Terengganu yang diperolehi sejauh dalam kawasan dari pantai sejauh 3 batu nautika dan berapa banyak pula telaga minyak yang diperolehi sejauh 200 batu nautika daripada pantai di pesisiran Terengganu. Terima kasih.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma ingin menjawab sebagaimana yang telah disebut oleh bekas Perdana

Menteri kita, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dalam Dewan yang mulia ini pada 12 November 1975, beliau menyatakan antara lain,

“Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di Malaysia, melainkan Sabah dan Selangor telah menandatangani perjanjian dengan Petronas sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Kemajuan Petroleum 1974”. Saya diberitahu Kerajaan Negeri Selangor pun telah bersetuju menandatangani perjanjian ini. Mengikut perjanjian itu, “Tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperolehi di dalam negeri masing-masing, sama ada yang diperolehi itu dalam perairan ataupun di luar perairan negeri tersebut yang dijual oleh Petronas ataupun agensi-agensi ataupun kontraktor-kontraktornya.”

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu menerima royalti minyak secara langsung

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Biar saya habiskan sedikit. Kerajaan Negeri Terengganu menerima royalti minyak secara langsung dengan tunai bernilai hampir RM7 bilion selama 22 tahun seperti mana yang terkandung dalam perjanjian yang ditandatangani antara Petronas dan Kerajaan Negeri Terengganu. Persoalan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat bagi Dungun, mengapakah rakyat Terengganu mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi – 17.3%, rakyatnya kebanyakannya hidup merempat, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, walaupun pendapatan per kapita Terengganu adalah yang kedua tertinggi di seluruh negara.

Di kawasan saya sendiri, saya dapat melihat dan merasakan keperitan hidup rakyat yang berpuluh-puluh tahun di bawah UMNO dan Barisan Nasional. Walaupun negeri Terengganu mendapat kekayaan yang besar tetapi rakyat hidup dalam keadaan yang merempat. Adakah pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini menganggap rakyat Terengganu tunggul kayu, pak turut, bodoh dan bahlul sehinggakan mereka di perkotak-katikkan secara tidak bermaruah. Tetapi ini cara yang dilakukan yang

berbentuk, *daylight robbery*, yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO telah cuba menafikan hak yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat Terengganu. Malahan, ada menteri yang dahulunya telah *burned the bridge* terhadap UMNO berani menyatakan ianya hanya MoU. Apakah mereka mahu memejamkan mata dan menolak hak yang telah termeterai dalam perjanjian yang dilaksanakan sejak 25 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan satu tindakan, Kerajaan Pusat telah memaksa sebuah negeri yang merupakan sebahagian daripada negara Malaysia bertukar dari sebuah negeri yang berdaulat dan bebas iaitu yang menyertai Persekutuan Malaysia secara sukarela dan terhormat kepada sebuah negeri peminta sedekah yang hanya layak diberikan ihsan bukannya hak.

Dengan perkataan lain, dengan tindakan ini Kerajaan Pusat secara terbuka memaklumkan kepada dunia bahawa ia bersedia untuk menjajah mana-mana negeri dalam Persekutuan Malaysia yang diinginiya biarpun tindakan tersebut berlawanan dengan Perlembagaan Negara dan kehendak rakyat. Ini adalah kezaliman dan keterlanjuran yang amat jelik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dilakukan ini sebagai ihsan? Bagi saya ini sebenarnya adalah kezaliman yang dikenakan kepada sebuah Kerajaan Negeri yang mendapat mandat yang sah daripada rakyat. Ini bukan bayaran ihsan tetapi bayaran nazi ataupun bayaran zalim, bayaran yang menyiksa rakyat Terengganu yang telah memberi mandat kepada kerajaan PAS dan Barisan Alternatif.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Mana dulu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Mana -manalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Terengganu. Kita mempunyai agaknya

pandangan yang berlawanan, yang berbeza. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat, kalau ikut tafsiran saya, merujuk kepada Yang Berhormat Gua Musang punya kenyataan semalam, yang pernah menjadi Presiden Petronas yang pertama, yang terlibat secara langsung dengan Petronas dan hari ini ada dia punya kenyataan [*sambil memegang akhbar Utusan Malaysia*] di akhbar ini, *Utusan Malaysia*, “*Terengganu tidak boleh pertikai wang ihsan.*”

Pertanyaan saya, bagi saya, minyak yang ditemui di tengah-tengah lautan lebih daripada 3 nautika daripada pantai ialah bukan kepunyaan mana-mana negeri kerana dia di luar daripada 3 batu nautika. Maknanya, bukan keluar daripada negeri Terengganu, bukan keluar daripada perut negeri Terengganu Darul Iman, ia keluar di luar kawasan negeri Terengganu. Jadi, soal sama ada wang itu dikatakan royalti ataupun ihsan ataupun sedekah itu soal hanya bahasa sahaja. Jadi, alangkah bertuahnya orang-orang di negeri Terengganu walaupun bukan kepunyaan mereka, mereka diberikan wang ini, pembangunan bukankah lebih baik pergi ke Johor. Apa salahnya, Johor juga boleh menuntut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa soalnya? Sila teruskan dengan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya tidak mahu benda ini dipertikaikan mengikut tafsiran dan kehendak Terengganu semata-mata. Ikutlah kehendak apa yang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang yang telah menjadi Presiden. Saya minta penjelasan

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan menjawab soalan ini di akhir ucapan saya dan saya akan buat *quotation* apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini sanggup menghina dan menghukum seorang insan yang dahulunya mereka sanjung, puja, ke mana sahaja dia pergi, mereka bersama-sama dengan dia, tetapi kini mereka menghina dan menghukum 1.2 juta rakyat Terengganu yang 95% nya adalah berbangsa Melayu. Ya, kita akan menyeret UMNO dan Barisan Nasional ke mahkamah, tetapi bukan mahkamah yang ada ini, kita akan bawa mereka ke

mahkamah rakyat. Biarlah rakyat yang akan menjadi hakim [*Disampuk*] dan biarlah rakyat yang akan membuat perhukuman terhadap kezaliman-kezaliman pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini.

Tuan Moktar bin Radin: Silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Besar sangatkah PAS?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang

....

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya tumpang tanya, untuk dapat penjelasan.

Yang pertama, bila wang royalti digantikan dengan ihsan, adakah bermakna bahawa wang itu adalah daripada duit Petronas sebab tidak dijelaskan oleh Menteri Kewangan kita ataupun wang ini daripada duit Kerajaan Pusat.

Yang kedua, kalau duit itu daripada Petronas, adakah Kerajaan Pusat dari segi legal dan undang-undang, berhak mengambil bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu.

Yang ketiga, kalau duit itu Kerajaan Pusat punya, bawah item mana dalam buku Belanjawan kita ini yang menyatakan dengan terang wang ihsan itu. Buku ini tebal, dulu dia bagi dua, sekarang dia cantum sekali, lagi berat. Bawah item mana? Kalau cakap saja tidak ada item, ini kedai kopi

Yang keempat saya hendak tahu ialah bila wang ini diberi kepada rakyat secara langsung oleh Kerajaan Pusat, ini dikatakan sebagai menghormati rakyat. Pada fahaman saya, apabila kita mengamalkan satu sistem demokrasi berparlimen dengan adanya pilihan raya, pada fahaman saya, penghormatan kepada rakyat, bukan sahaja kita bagi wang kepada dia tetapi kita menghormati dia memilih sebuah kerajaan negeri untuk menguruskan sumber kewangan, mengikut caranya sendiri. Boleh Yang Berhormat tolong jelaskan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya telah bertanya tadi di bawah butiran mana apa yang disebut sebagai wang ihsan ini dibentangkan di dalam Belanjawan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku adalah pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini bukan sahaja menghukum rakyat Terengganu, malahan keseluruhan rakyat Malaysia. Ini dapat dilihat apabila pelabur-pelabur asing juga mula menarik dan menjauhi pelaburan mereka di mana dalam masa yang sama ekonomi serantau mula menunjukkan kemakmuran.

Begitu juga dengan peranan Parlimen, apakah kita mahu membuang ke dalam longkang semua *Hansard* Parlimen yang memperakui hak sesebuah negeri yang nyata.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya habiskan sedikit. Bagaimana pula halnya dengan Parlimen yang sebagai badan tertinggi dalam perundangan di negara kita. Seperti kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang kini terpaksa menjilat kembali kata-katanya demi survival politiknya. Beliau pernah berkata pada tahun 1992, "Parlimen sudah diperalatkan oleh eksekutif politik, Parlimen dikudakan untuk meluluskan undang-undang zalim." Ya, memang betul apa yang disebut oleh Ahli Parlimen yang dahulunya 'burn the bridge'. Ini adalah realiti yang sedang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat, beri saya jalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada apa Yang Berhormat sebutkan tadi adakah kita menolak semua *Hansard* Parlimen sebelum ini? Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, sebelum saya menjadi Ahli Dewan Rakyat, saya menjadi Ahli Dewan Negara daripada tahun 1994 sehingga pilihan raya yang lalu pada tahun 1999, dan dalam Dewan Negara sebenarnya soal mengenai royalti minyak ini telah pun dibangkitkan oleh ahli-ahli Barisan Nasional walaupun pada waktu itu Terengganu adalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, jangan menuduh kata soal royalti ini dibangkitkan kerana Terengganu telah pun diperintah oleh PAS. Soal ini telah pun dibangkitkan.

Beberapa orang ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara membangkitkan soal ini kerana kita mengetahui royalti yang patut diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri adalah di dalam kawasan tiga batu nautika sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Jadi, tuduhan yang mengatakan bahawa kerana Terengganu diperintah oleh PAS.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, untuk makluman, sepatutnya keluarkan soalan untuk penjelasan. Hujah-hujah saya ingat tak payahlah, masa akan diberikan kepada Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya hendak mendapat penjelasan. Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat penjelasan Yang Berhormat, apabila merujuk semua *Hansard* Parlimen adakah dirujuk juga pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Dewan Negara supaya meminta kerajaan mengkaji semula pemberian royalti. Pada waktu itu disebut 'royalti' walaupun sebenarnya adalah 'ihsan' kepada Terengganu. Terima kasih.
[Tepuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi saya merujuk kepada apa yang diungkap ataupun yang diucap oleh bekas Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri kita sekarang juga dengan jelas kalau dirujuk *Hansard* 1982, *Hansard* 1983 dan sebagainya dengan jelas menyebut apa yang diperkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini tidak cukup dengan pembentangan yang disebut sebagai belanjawan rakyat. Ianya juga dibuat di tengah-tengah amalan rasuah dan salah guna kuasa yang berleluasa berlaku di negara kita. Indeks rasuah negara berada di tahap yang amat membimbangkan. Dari isu lesen terbang hinggalah kepada kekayaan luar biasa, anak-anak menteri sehingga ada anak menteri yang baru berusia 27 tahun dikatakan mempunyai kekayaan mencecah RM1.2 bilion. Ada anak menteri yang menduduki board of directors lebih daripada 200 syarikat di seluruh Malaysia. Kesemua kes ini telah pun dibawa ataupun telah dilaporkan kepada polis untuk siasatan lanjut. Inilah yang dikatakan negara 'clabtocracy' di mana negara dikuasai oleh mereka yang dikuasai atau mereka yang rasuah. Kekayaan negara dikaut untuk

kepentingan diri dan kroni. Adakah amalan yang jijik ini sudah menjadi satu budaya biasa di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab pemimpin-pemimpin UMNO begitu paranoid dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang ini. Kita perlu mengembali ataupun melihat apa yang berlaku selepas pilihan raya yang kesepuluh baru-baru ini. Ya, Barisan Nasional berkuasa serta mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen, namun kita perlu ingat, dengan izin, *the biggest loser* dalam pilihan raya yang lepas adalah U-M-N-O. Rata-rata undi yang diperolehi oleh UMNO merosot. Ramai pimpinan mereka yang kecundang. Mereka bukan sahaja kehilangan Kelantan, malah Terengganu yang merupakan dua negeri majoriti Melayu terbesar di Malaysia. Malahan secara purata di Semenanjung Malaysia lebih daripada 55% pengundi Melayu telah memberi undi kepada PAS dan Barisan Alternatif.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya ingat masa terlalu terhad. Saya hendak minta tambah sedikit sebab terlalu banyak gangguan. Saya akan bagi bila ada masa-masa kecederaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambahan masa tidak akan diberi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Malah cara purata di Semenanjung Malaysia 55% pengundi telah memberi undi kepada PAS dan Barisan Alternatif. UMNO kehilangan tapak di kalangan masyarakat Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kebanyakan kerusi UMNO dimenangi rata-rata dengan ihsan pengundi-pengundi bukan Melayu khususnya pengundi-pengundi Cina dan India. Itu pun dengan cara *politics of fear*, dengan izin, yang mereka.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Beri laluan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Apakah kita lupa akan gambaran yang diberikan kepada masyarakat Cina.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: sekiranya mereka memilih PAS dan Barisan Alternatif....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak. Sila Yang Berhormat bagi Sri Gading duduk.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:seolah-olah akan berlaku semula peristiwa berdarah 13 Mei, seolah-olah akan berlaku kekacauan, *blood bathe*, dengan izin, serta huru-hara di negara ini. Poster-poster yang menakutkan ditampal di kawasan-kawasan majoriti masyarakat Cina. Malahan akhbar-akhbar perdana turut memberi gambaran yang menggerunkan kepada masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, undi popular UMNO Barisan Nasional merosot daripada 66.8% pada tahun 1995 kepada hanya 55% pada tahun 1999. Pembangkang telah meningkat daripada 33% kepada 44% undi popular di seluruh Malaysia. Lebih 2.27 juta pengundi telah memberi undi kepada PAS dan Barisan Alternatif. Ramai pemimpin UMNO tidak dapat menerima realiti ini. Rakyat telah memberi satu mandat yang sah melalui sistem demokrasi, melalui sistem 'satu orang satu undi' kepada PAS dan Barisan Alternatif di negeri Kelantan dan Terengganu. Malahan kerusi Parlimen UMNO hanya tinggal 74 berbanding 94 dalam pilihan raya yang lepas. Mereka kehilangan banyak kerusi sama ada di Pahang, Kedah, Perak, Selangor dan Perlis. Kerusi Parlimen Kuala Terengganu yang saya tandingi dalam pilihan raya 1995 UMNO menang dengan majoriti lebih 4,000, namun dalam pilihan raya yang lepas saya menang dengan majoriti lebih 14,000 undi. *[Tepuk] [Disampuk]* Apakah hantu yang memberi undi kepada saya ataupun mandat rakyat yang mahukan perubahan di negeri Terengganu.

UMNO perlu menerima realiti bahawa kini mereka bukan lagi mewakili majoriti Melayu di Malaysia. Mereka kini ditolak secara terbuka oleh sebahagian besar masyarakat. Mereka hanya layak dipanggil pemimpin minoriti Melayu yang menang dengan ihsan bukan Melayu di Malaysia. *[Tepuk]* Generasi muda yang berpendidikan terutamanya kini telah muak dan mual dengan gelagat pemimpin UMNO yang terus menerus mahu mempersandiwara dengan rakyat serta angkuh dan

gelojoh memegang tampuk pemerintahan. Golongan kelas pertengahan Melayu kini secara terbuka menolak UMNO.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:dan kini berpayung di bawah PAS dan Barisan Alternatif. Masa hendak habis, sebab Tuan Yang di-Pertua.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagilah sedikit!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, inilah realiti yang sehingga sekarang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh, saya hendak jelaskan di Johor.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:pemimpin UMNO tidak bersedia untuk mereka terima. Malahan mereka cuba mencari isu, mereka cuba membakar semangat orang-orang Melayu dengan ketuanan Melayu kononnya. Mereka cuba mengaitkan isu gangguan kuasa asing dengan pembangkang kononnya. Mereka cuba meniupkan kembali isu perpecahan bangsa Melayu. Malahan dalam banyak hal PASlah yang menjadi sasaran mereka. PAS cuba dikambinghitamkan dengan isu-isu perpecahan, memperalatkan agama. Malahan isu AlMa'unah juga dikaitkan dengan PAS. Inilah UMNO sekarang 'kokok berderai-derai tetapi ekor penuh dengan tahi'. [Disampuk] Realitinya UMNO dan pemerintahan sekarang sedang tenat menghadapi krisis keyakinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Rakyat sudah tidak percaya dengan propaganda UMNO walaupun mereka memiliki media perdana. Ini semua dianggap hanya lah sebagai sandiwara pemimpin yang sedang nazak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya ingin menarik perhatian Dewan ini akan satu resolusi yang telah dikeluarkan oleh International Parliamentary Union (IPU) di Jakarta minggu lepas. Persidangan IPU yang dihadiri oleh 505 ahli Parlimen daripada seluruh dunia termasuk wakil-wakil Barisan Nasional telah meluluskan satu resolusi yang mengecam Kerajaan Malaysia terutamanya dalam kes korupsi serta

liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang antara lain menyatakan bahawa kes ini not of legal nature and they will be on the presumption of guilt.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Malahan kes ini dianggap sebagai there were reliable allegation concerning the use of core odds statement of the weakness. Resolusi yang diluluskan oleh IPU ini juga menggesa kerajaan supaya membebaskan segera Dato' Seri Anwar Ibrahim *pending appeal*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Masa sudah tidak ada, saya hendak tutup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang masa sudah cukup untuk Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya hendak gulung, gangguan terlalu banyak. Kita masih ingat bahawa Jeffry Sach dari Harvard Universiti yang merupakan seorang novel lord pernah menyatakan bahawa reputasi negara di peringkat antarabangsa telah tercemar kerana *authoritarian political crackdown* serta menggunakan *useless capital control*. Malahan beliau menambah lagi *a lack of political freedom will hold Malaysia back.....*

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak beri laluan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak gangguan ini, macam mana saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Yalah, tetapi terlalu banyak gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup masa.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *A lack of political freedom will hold Malaysia back from attractive industry at the link between democracy and information rich society is important.*

Sebagai akhirnya, semua pemimpin perlu memperakui bahawa kepimpinan yang ada sekarang sudah kehilangan kredibiliti. Perdana Menteri sendiri sedang menghadapi krisis keyakinan yang amat parah terutamanya di kalangan masyarakat Melayu. Kalau dahulu beliau dikatakan dibenci oleh kebanyakan masyarakat Cina dan disayangi oleh orang Melayu, namun kini beliau terpaksa menerima hakikat bahawa masyarakat Melayu sudah tidak lagi menyokong beliau dan beliau bergantung sokongan di atas ihsan masyarakat Cina.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, point of order, Peraturan apa?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(10)(c) "Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Ini cuba hendak menyakitkan hati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat masa sudah cukup.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat tak sakit.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya sebut apa yang disebut oleh Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya, saya teringat ucapan yang pernah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang pada tahun 1992. Yang Berhormat bagi Gua Musang menyatakan, *"negara kita akan diperintah oleh golongan seperti Mafia. Mereka ini kaya raya dan berkuasa. Mereka akan mempengaruhi polis, pegawai kerajaan, peguam negara, mahkamah dan sesiapa sahaja untuk berpihak kepada mereka. Dengan wang yang banyak mereka boleh membeli apa sahaja dan*

melakukan apa sahaja yang mereka mahu. Tidak siapa boleh mempertikaikan perbuatan mereka."

Ini ucapan Yang Berhormat bagi Gua Musang. Bagi saya ini adalah sudah menjadi suatu realiti, mafia yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gua Musang.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:sedang bermaharajalela di negara kita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(6), sangkaan jahat kepada seorang ahli tidak boleh. Sebut 'Mafia' apa ini, tak ada perkataan lainkah?
[Disampuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya membaca quotation.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36(6) sangkaan jahat, sebut mafia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tenang.
[Ketawa]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia sebut mafia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebut mafia!
[Disampuk]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sebagai akhirnya...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebut mafia apa ni! *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Apa salahnya. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Gua Musang, ahli Dewan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya, usahlah bercakap soal penyatuan Melayu atau majlis Melayu kalau terus menerus menghina dan menghukum 2.26 juta masyarakat Melayu di Terengganu dan

Kelantan. Usahlah bercakap soal Islam kalau terus menerus menghina Islam dengan tindakan dangkal terhadap....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Usahlah bercakap soal globalisasi dan mengecam ketidakadilan kuasa-kuasa besar Barat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:kalau diri sendiri terus menerus mengamalkan kediktatoran serta politik Machiavellian.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kuala Terengganu, penjelasan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Realitinya, masyarakat Melayu tidak mungkin akan kembali berpayung untuk bersatu di bawah UMNO. Rakyat sudah tidak bodoh dan tidak boleh diperbodohkan lagi. [*Tepuk*] Kembalilah berpijak di bumi yang nyata. Tolaklah politik perkauman yang jijik. Binalah Malaysia di alaf baru dengan kepimpinan serta pemerintahan yang telus, bersih serta saling hormat-menghormati. Masa untuk berubah sudah sampai dan masa untuk UMNO sudah habis. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

3.00 ptg.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan pada 27 Oktober 2000 yang lalu. Belanjawan ini mencerminkan bahawa negara ini diurus serta ditadbirkan dengan cemerlang oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia. Hari ini negara telah berjaya membolos diri daripada krisis kegawatan dengan jayanya. Yang lebih cantik dan cemerlang, membanggakan. Ia adalah hasil acuan cita rasa tersendiri tanpa campur tangan dan tunjuk ajar sebarang kuasa asing. Kita berjaya mengatasi halangan ini berbanding dengan sebahagian negara-negara jiran yang terpaksa akur dan tunduk terhadap kuasa-kuasa asing dan juga dalang-dalang yang lain.

Saya ingin bertanya kepada wakil rakyat pembangkang di Dewan ini, apakah mereka ingin melihat negara Malaysia menjadi seperti negara-negara jiran yang lain ekonominya bukan lagi merudum bahkan terlalu parah, rakyat kucar kacir, mayat bergelimpangan seperti di Indonesia dan di Filipina. Apakah ini yang saudara-saudara mahukan, Yang Berhormat-Yang Berhormat mahu. Saya ingin tanya wakil rakyat pembangkang. Kalau ini yang mereka mahu maka kamilah panglima-panglima yang akan mempertahankan kemungkaran yang dicetuskan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di atas kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional yang saya kira tidak boleh dimatikan oleh mana-mana pihak termasuk PAS, DAP ataupun KeADILan. Waima sebahagian penganalisis ekonomi dunia mengakui langkah bijak kerajaan dalam memastikan ekonomi negara mampu dipulihkan. Syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan [*Ketawa*] Saya rasa segar bugar, ceria dan merasakan bahawa hari esok begitu baik bagi rakyat Malaysia apabila mendengar ucapan pembukaan daripada sahabat saya panglima Barisan Nasional tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya ungkapan Yang Berhormat sahabat saya ini adalah ungkapan mewakili majoriti rakyat Malaysia berbilang kaum. Tetapi apabila kita mendengar ucapan-ucapan ini yang hendak saya nyatakan kepada Yang Berhormat, kita mendengar ucapan-ucapan, ungkapan-ungkapan yang dilahirkan, yang diluahkan oleh parti pembangkang seolah-olah masa depan negara ini sudah tidak ada. Seolah-olah sudah bobrok negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan gunakan masa kawan untuk berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya Kerajaan UMNO Barisan Nasional ini adalah kerajaan yang benar-benar telah pun mampu memberikan kebahagiaan dan pembangunan kepada rakyat dan negara. [*Tepuk*]

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya. Sebetulnya cuma segelintir orang Melayu yang diadu domba, diperbodoh-bodohkan oleh pemimpin pembangkang yang menyokong parti BA kononnya. Sebahagian besar majoriti orang Melayu mengundi UMNO dan Barisan Nasional, sebab itu Barisan Nasional memerintah negara ini dan rakyat hidup aman, damai dan tenteram. Jadi inilah jawapan dia jelas. Yang orang boleh diperkotak-katikkan oleh PAS, memang bisa ikut cakap PAS tetapi yang enggak mahu ikut pastinya Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya belanjawan ini telah dibentang berkenaan adalah selaras dengan perkembangan aliran masa kini dalam memastikan Malaysia mampu untuk bersaing dalam era globalisasi. Corak persaingan dunia yang memerlukan pengetahuan luas terutamanya di bidang teknologi maklumat menjadi teras. Ya, seorang lagi.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya daripada Kinabatangan. Saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya kerana saya yakin kepada sahabat saya lebih daripada penipu, berkenaan dengan persidangan IPU, adakah saudara bersetuju dengan kata-kata bahawa dalam persidangan tersebut mereka tidak mengiktiraf kebebasan bersuara di Malaysia ini, sedangkan apabila lepas bersidang beberapa ramai dan saya sendiri sebagai wakil persidangan melihat mereka menghormati Kerajaan Malaysia, apa pandangan saudara.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Moktar bin Radin: Ya inilah putar belit parti pembangkang. Ini putar belit tidak ada dicakap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sila tunggu sekejap.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sebelum teruskan saya mendengar daripada Yang Berhormat bagi Lipis menggunakan istilah bahawa kita ini adalah penipu. Ini mengikut 36(6) adalah tidak sesuai dan saya pohon supaya istilah itu tidak digunakan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat sahabat saya bagi Kinabatangan semangat begitu pun

bahasa dia masih baik sesuai dengan dia sebagai bekas penuntut saya di Universiti Kebangsaan yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis, apa perkataan yang digunakan.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya tidak spesifik Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan siapa-siapa yang bercakap sesuatu itu yang tidak benar adalah penipu tetapi saya tidak spesifik kepada sesiapa.

Seorang Ahli: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gunakan perkataan yang sesuai apabila berucap. Silakan.

Tuan Moktar bin Radin: Banyak gangguan Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Lipis. Sebetulnya itu adalah putar belit tidak ada keputusan semasa di IPU, di Jakarta kerana tadi Yang Berhormat bagi Lipis mewakili Barisan Nasional. Tidak ada resolusi dibuat bahawa tidak ada pengiktirafan terhadap penghakiman dan kebebasan bersuara di Malaysia, tidak ada. Ini putar belit parti pembangkang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi teras kepada pedoman negara ini penting bagi mengelak negara kita mencapai tahap yang diperlukan oleh masyarakat dunia terutamanya dalam bidang perniagaan tanpa mengenal batasan. Di samping itu tanggungjawab sosial terhadap rakyat terus dititikberatkan terutama dalam memastikan penggunaan prasarana dan kerohanian mampu dilaksanakan. Namun dalam kita ghairah merencanakan ekonomi, langkah-langkah waspada dan berhati-hati seharusnya tidak luput daripada penglihatan kerajaan. Ini penting, pihak-pihak musuh akan sentiasa menantikan ruang bagi mereka menjalankan jarum-jarum yang tajam serta hasutan demi untuk melihat kehancuran negara ini. Akhirnya apabila ini terjadi rakyat akan hidup dalam kesusahan, porak-peranda tanpa sebarang haluan dan hala tuju.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, sabar Yang Berhormat. Kita orang-orang barisan adalah orang yang beriman dan bersabar. *[Ketawa]* Sentiasa bersabar mengeluarkan hujah-hujah yang baik-baik.

Saya tertarik dengan apa yang telah diujahkan oleh Yang Berhormat tentang gambaran keadaan negara kita yang maju, selesa segala-galanya dengan kestabilan. Tetapi agak malang ada di kalangan rakyat kita terutama yang bersubahat dengan pembangkanglah dikatakan cuba mencari jalan untuk menggagalkan usaha-usaha pembangunan. Selain daripada itu memutar belitkan keadaan, isu-isu, mahu supaya pemimpin barisan menunjukkan satu perangai yang baik tetapi pihak PAS sendiri telah menunjukkan kelakuan yang kadang kala sungguh mendukacitakan kita. Dalam belanjawan sewaktu dibentangkan dan juga keadaan-keadaan yang telah dilakukan oleh kalangan pemimpin PAS.

Jadi Yang Berhormat saya ingin bertanya, adakah rakyat yang telah melakukan kesilapan dengan memberi mandat kepada PAS mungkin akan berubah dalam pilihan raya akan datang. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Yang Berhormat inilah dia keadaan sebetulnya bukan sahaja masyarakat di seluruh Malaysia, bahkan pemimpin-pemimpin PAS sendiri pun merasa dukacita terhadap kejadian baru-baru ini di mana wakil rakyat Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tanpa segan silu, tidak ada adab, kehilangan pedoman mencelah, mencerca pemimpin dalam keadaan yang tidak boleh. Sayang menjadi seorang bijak pandai tetapi tidak tahu menggunakan kepandaian yang ada. Sudah tidak ada pedoman semata-mata.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit. Yang Berhormat saya tambah sedikit lagi. Jadi kita berharap dengan Belanjawan yang dibentangkan dengan masyarakat penyayang kita hendak melihat perkembangan negara kita ini dengan ICT dan sebagainya, kita berharaplah supaya generasi akan datang menjadikan iktibar dengan kelakuan-kelakuan di kalangan setengah rakyat kita yang telah berpeluang melanjutkan pelajaran hasil titik peluh UMNO tetapi tidak tahu bersyukur. Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Sama-sama kita berdoa mudah-mudah Allah S.W.T. membuka minda mereka dan juga hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan selanjutnya bahawa sikap menghasut, memfitnah dan mengadu domba serta membakar semangat rakyat dengan perasaan kebencian terhadap kerajaan adalah tindakan yang cela dan tidak

bertanggungjawab, serta akan mengakibatkan negara ini akan menghadapi zaman kehancuran. Janganlah kita hendaknya ibarat kata pepatah Melayu, kerana marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Saya ingin menyatakan kepada wakil rakyat bagi Dungun bahawa kami wakil rakyat Barisan Nasional bukan burung kakak tua. Kami adalah halilintar yang akan sentiasa memantau dan memastikan fitnah dan adu domba daripada parti pembangkang akan terus ditepis dan disimpan jauh-jauh, kerana mereka adalah merupakan penabur fitnah dan bala semata-mata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Satu minit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bahawa kita bukan burung kakak tua tetapi saya baru membaca surat khabar hari ini di Utusan Malaysia di muka surat 3 mengatakan Setiausaha Kerajaan Terengganu telah memberi amaran kepada kerajaan supaya jangan membocorkan rahsia Kerajaan Negeri Terengganu dan menganggap bahawa siapa yang membocorkan itu seumpama agen CIA. Sebenarnya siapa kah burung kakak tua ini?. Apakah Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu ini burung kakak tua yang menyampaikan arahan daripada Menteri Besar ataupun orang-orang politik Terengganu ataupun apakah begitu banyak rahsia oleh Kerajaan Terengganu ini sehingga kakitangan kerajaan diberi amaran begitu keras supaya tidak membocorkan rahsia ini dan apakah yang dilindungi ataupun yang ingin disorokkan oleh Kerajaan Terengganu. Minta pendapat Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Sekali pepatah Melayu ada menyatakan. Sekilas ikan di laut sudah tahu jantan betina. Yang menuding jari kepada kita dengan satu jari, jari-jari yang lain menuding diri mereka sendiri. Mereka berkata tetapi tidak dikota. Mereka memfitnah sedangkan mereka tukang fitnah. Jadi inilah yang berlaku kepada kerajaan PAS. Mereka menuduh kita itu dan ini tetapi mereka tidak mahu sama sekali memperbetulkan diri dan tabiat mereka. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini Kemaman bangun.

Tuan Moktar bin Radin: Saya ingat waktu dia berhujah pun dia tidak bagi. Bukan kita dendam tetapi adillah. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, sebelum negara kita ini menjadi padang jarak padang tekukur, sebelum bumi bertuah ini porak-peranda, sebelum rakyat dan masyarakatnya dimusnahkan kerajaan harus bertindak memberhentikan sekali gus mengajar dan memberi pengajaran kepada petualang-petualang dan pengkhianat-pengkhianat negara ini. Kita boleh berkompromi dalam banyak masalah tetapi tidak dengan memburuk-burukkan negara kita Malaysia. Kita tidak ada bumi lain bumi inilah tumpah darah kita. Kalau berlaku apa-apa kita semua akan menerima akibatnya. Itu ekoran dari perbuatan khianat segelintir masyarakat yang tidak tahu bersyukur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kuat sangat nanti mic pecah. *[Ketawa]*

Tuan Moktar bin Radin: Suara sudah ini macam. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, dalam kerancangan negara menghadapi status negara maju menjelang tahun 2020, tidak boleh dinafikan di samping peranan kepimpinan negara para pentadbir yang berdiri daripada kakitangan kerajaan juga turut mencorakkan masa hadapan negara. Kecekapan serta ketelusan mereka mampu mengangkat martabat negara ini sejajar dengan hasrat kerajaan menjelang Wawasan 2020. Dalam kata lain mereka berperanan penting dalam mencerminkan keterampilan dasar kerajaan, rakyat mahupun masyarakat luar bandar.

Melalui belanjawan 2001 yang telah dibentangkan pada baru-baru ini kerajaan mengakui peranan serta kenyataan yang telah saya sebutkan tadi. Berbagai insentif telah dikenakan serta diperbaharui sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan kakitangan awam di negara ini. Ini termasuklah golongan pendidik, para perajurit, anggota keselamatan, pasukan bomba dan pasukan sukarelawan. Sesungguhnya pengiktirafan ini wajar diperolehi oleh mereka bersesuaian dengan kecemerlangan dalam menyumbang khidmat kepada masyarakat. Namun kebelakangan ini seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Tun Menteri Kewangan sering terbongkarnya gejala negatif seperti amalan rasuah, pecah amanah, khianat dan lain-lain yang

terbukti menjejaskan imej kakitangan kerajaan mahupun nama baik sesebuah jabatan kerajaan. Sebagai contoh, perbandingan baru-baru ini terbongkarnya isu lesen terbang ekor an amalan tidak bertanggungjawab – segelintir, bukan semua, kalau satu ratus dua tiga orang – kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan, kakitangan kerajaan dan jabatan-jabatan lain yang dikira tidak bertanggungjawab telah mencetuskan perkara-perkara negatif sedemikian. Demikian juga di beberapa jabatan kerajaan seperti polis, Jabatan Kastam, Imigresen dan berkemungkinan juga agensi BPR itu sendiri. Oleh kerana itu perhatian khususnya demi untuk menjaga nama baik serta menanamkan nilai murni kehormatan di kalangan masyarakat maka pendekatan yang baru harus didekatkan.

Justeru itu saya selalu berkata bahawa kita wakil rakyat Barisan Nasional adalah wakil rakyat yang relevan yang selalu positif. Mana-mana tidak kena yang dianjurkan oleh kerajaan akan kita suarakan. Yang betul kita perbetulkan. Bukan seperti PAS pemimpin dia *corrupt* pun dia kata tidak, pemimpin dia fitnah dia kata tidak, pemimpin dia mengeluarkan perkataan-perkataan negatif dia kata akhbar putar belit. Ini yang berlaku.

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah.

Tuan Moktar bin Radin: Ha, ini saya punya kawan. Saya bagi. [*Ketawa*]

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tadi saya amat tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai dengan lesen terbang. Seperti yang kita maklumkan telah dianggarkan lebih daripada 100,000 lesen terbang. Jika kerajaan Barisan Nasional pemimpinnya memang bertanggungjawab dan ingin menjaga nama baik negara dan masyarakat, tadi Yang Berhormat berkata mesti mengambil pendekatan yang baru bagi mengatasi masalah ini. Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa Menteri Pengangkutan sepatutnya meletak jawatan untuk menunjukkan yang dia bertanggungjawab ke atas masalah ini. Setuju atau tidak? [*Tepuk*]

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Jangan marah. [*Ketawa*]. Keputusan untuk menteri letak jawatan tidak akan menyelesaikan masalah. Mana

yang bersalah itu yang kita hukum. Sehingga hari ini pihak BPR dan Kementerian Pengangkutan akan terus masih menyelidik punca mana perkara ini bermula. Banyak lagi perkara-perkara yang akan mungkin kita ketahui pada masa-masa akan datang. Kita tidak berhenti di sini. Jadi saya ingin bukan lagi kalau boleh untuk minta menteri berhenti kalau boleh sambung lagi kerana dia berani membongkar perkara-perkara yang tidak baik dalam kementerian dia. Tahniah.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cukuplah itu.

Tuan Moktar bin Radin: Cukuplah satu. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri laluanakah?

Tuan Moktar bin Radin: Satu kali cakap sudah cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Ada lagi ini. Ada sepuluh lagi. *[Ketawa]*.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Kinabatangan tidak baca surat khabarkah? Bukan Menteri Pengangkutan sendiri yang bongkarkan lesen terbang. Dia kena hantar Badan Pencegah Rasuah yang bongkarkannya. Perkara ini adalah berlaku bukan pada masa kini. Pada masa saya sebelum belajar memandu sudah ada bagi kopi license. Lesen terbang sudah ada kes macam ini. Telah berlaku. Jadi mengatakan bahawa keputusan untuk meletak jawatan itu tidak akan mengatasi masalah tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa ekor dari kegagalan menteri tersebut untuk menjaga kementeriannya agar bersih daripada rasuah itu menunjukkan ia telah gagal menjalankan tanggungjawabnya. Dan jika Yang Berhormat ada baca surat khabar hari ini seorang menteri di New Zealand telah meletak jawatan ekor dari kegagalannya dalam ujian alkohol. Dia baru disaman di mahkamah kerana memandu dengan mempunyai alkohol. Dia telah meletak jawatan - seorang menteri. Mengapa perkara sedemikian 100,000 lesen terbang Yang Berhormat boleh galakkan dia teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah sudah gunakan masa satu minit.

Puan Fong Po Kuan: Dia bagi saya minta penjelasan. Mengapakah 100,000 lesen terbang. Yang Berhormat masih galakkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tinggal di kabinet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan hendak jawabkah?

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih. Inilah pembangkang kita bagi satu kali hendak dua kali. *[Ketawa]*. Bagi dua kali mahu kali-kali. Ini budaya negara luar kita tidak perlu ikut. Kalau menteri dia ada hal sedikit dia meletak jawatan dia punya suka. Yang kita ini negara kita, kita dibentuk melalui acuan dan cara kita ala Malaysia bukan ala New Zealand, ala Amerika, ala Eropah. Ini ala Malaysia. Jadi kita ikut cara Malaysia. Saya mahu tanya Yang Berhormat dia punya lesen betulkah lesen terbang? *[Ketawa]*. Saya mahu teruskan.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Shahziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tampin bangun.

Tuan Shahziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Yang Berhormat minum pagi, sarapan pagi Yang Berhormat hendak nasi lemak atau spaghetti. Kalau kita ikut Itali kita makan spaghetti. Kalau kita ikut Malaysia kita suka nasi lemak. Yang mana satu yang Yang Berhormat hendak ikut.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, kita ikut ala Malaysia. Kita punya kulit pun kulit orang Malaysia. Jadi tidak perlulah ikut acuan orang luar. Sudah cukup kita dijajah oleh negara-negara luar. Kita merdeka ala Malaysia juga. Saya ingin teruskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan lesen terbang tadi Yang Berhormat adakah Yang Berhormat maklum bahawa JPJ dan juga pihak BPR ada MoU sebelum ia dibongkar. Maknanya ada tindakan yang diambil. Saya rasa Yang Berhormat pun tentu maklum dalam keadaan ini. Bukan sebagaimana Yang Berhormat bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...Batu Gajah tadi menyebutkan BPR sahaja membongkar. Dan saya dapat maklumat daripada pihak BPR bahawa rasuah berlaku di kalangan kumpulan yang agak rendah. Pengarah-pengarah pun susah hendak mengawal keadaan ini. Ini diakui oleh BPR sendiri. Dan adakah perkara ini berlaku kerana percakapan soal rasuah ini dibawa dengan begitu hebat oleh pihak pembangkang seolah-olah banyak orang rasuah sehingga mengakibatkan orang-orang yang merasakan bahawa kalau dia tidak rasuah dia rugi mengakibatkan gejala rasuah itu begitu berleluasa di negara kita. Kerana tuduhan rasuah ini berlaku dengan begitu berleluasa di negara kita Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Jawapannya ada dalam ucapan saya cuma terputus di tengah-tengah banyak yang bertanya. Insya-Allah sempat saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, di sebalik fakta pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan kakitangan awam kita juga tidak mampu bertolak ansur dengan kegiatan negatif seumpama ini. Kerajaan hendaklah tegas dan menangani masalah ini dan sewajarnya tidak bertolak ansur bagi memastikan institusi perkhidmatan di negara ini mendapat penghormatan di mata rakyat jelata. Kerajaan wajar tidak menetapkan seseorang kakitangan yang bertugas di sebuah tempat dalam jangka masa yang agak panjang akan memberi ruang dan peluang kepada kakitangan yang berkenaan untuk bercampur gaul dan selanjutnya memulakan amalan negatif yang akhirnya akan merosakkan imej kakitangan kerajaan itu sendiri.

Adalah dicadangkan agar jangka masa dua hingga tiga tahun memada i bagi seorang untuk bertugas dan wajar dipindah ke tempat yang lain di samping tidak memberikan ruang yang luas kepada kakitangan yang berkenaan, mereka juga mampu membantu menunaikan hasrat kerajaan dalam mempraktikkan integrasi nasional. Saya juga amat tertarik hati dengan langkah Kementerian Kerja Raya yang telah mengadakan persefahaman dengan Badan Pencegah Rasuah. Jadi itu pertanyaan daripada Arau terjawab. Sesungguhnya langkah berkenaan wajar diperluas ke setiap kementerian bagi menjamin amalan rasuah dapat dibanteras dengan lebih berkesan kerana Badan Pencegah Rasuah atau BPR amat penting dan saya amat bersetuju

seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Badan ini diperuntukkan sejumlah kewangan yang besar lagi bagi membiayai aktiviti dan prestasinya. Di samping itu langkah berkenaan dilihat mampu mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap kakitangan dan agensi-agensi kerajaan di mata telinga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bertuah kerana seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, agenda pembangunan luar bandar tidak dilupakan dan sebaliknya diberikan keutamaan. Langkah ini mencerminkan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional terhadap tanggungjawab membela rakyat terutamanya mereka yang berada di luar bandar. Kita amat berbangga kerana kerajaan telah dan akan meneruskan agenda pembangunan luar bandar terutamanya yang melibatkan kemudahan asas. Bagi kita terutamanya di negeri Sabah khasnya ruang besar masih diperlukan dengan lebih banyak, kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, kemudahan air bersih, bekalan tenaga elektrik, pusat kesihatan dan sekolah yang lebih selesa dan sempurna. Adalah diharapkan agar..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Moktar bin Radin: Ya, saya gulung ini. *[Ketawa]*. Adalah diharapkan agar kerajaan melalui peruntukan belanjawan yang baru dibentangkan akan lebih menumpukan sudut prasarana masyarakat luar bandar yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah negara ingin melihat keamanan ekonomi berjalan seiring dengan apa yang kita inginkan, satu perkara yang tidak perlu kita lupa iaitu gejala sosial telah melanda negara kita. Ini adalah berpunca daripada ketagihan dadah yang dilakukan oleh belia-belia kita pada hari ini. Gejala seumpama ini telah dilihat dapat merosakkan imej negara dan bangsa kita.

Saya sebetulnya sudah tidak ada masa yang panjang. Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan kepada kerajaan, di samping ketelusan kita untuk melihat keamanan ekonomi, pendidikan dan sebagainya, gejala sosial harus diberi penekanan yang begitu jelas dan dipertimbangkan dengan sewajar-wajarnya kerana tidak ada gunanya negara yang penuh dengan limpahan ekonomi dan sebagainya tetapi pengisian masa depan negara menanti kehancuran.

Kementerian Belia dan Sukan harus memainkan peranan yang penting. Jangan hanya tertumpu kepada aktiviti Rakan Muda semata-mata tetapi hendaklah menumpukan kepada komitmen, kepada kesungguhan dan keinginan kerana sebuah negara kalau anak-anak mudanya terjerumus ke dalam keadaan yang tidak menentu, negara itu akan menanti kehancuran. Oleh yang demikian, saya menyokong Belanjawan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sandakan.

3.32 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang untuk saya berucap dalam Belanjawan Tahun 2001 di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin selaku Menteri Kewangan kerana mengemukakan satu perancangan yang merangkumi langkah-langkah spesifik untuk memperkukuhkan asas-asas ekonomi menuju ke arah perkembangan sosioekonomi negara yang lebih mantap dan stabil.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Sabah tidak boleh bergantung kepada industri kayu balak sebagai sumber pendapatan utama negeri. Ini disebabkan oleh kekurangan sumber kayu yang permintaannya lembap untuk produk-produk kayu akibat daripada kemelesetan ekonomi di negara-negara pengimport. Sabah mestilah cepat-cepat menubuhkan satu sumber alternatif untuk memperolehi pendapatan bagi menggantikan kemerosotan peranan kayu-kayan. Pengenalan cukai jualan ke atas industri kelapa sawit tidak boleh diharapkan sangat untuk jangka masa panjang sebagai jalan penyelesaian sumber kewangan negeri Sabah. Ini adalah berikutan dari harga CPO yang tidak menentu di pasaran antarabangsa yang mengakibatkan para pengusaha menghadapi tekanan harga yang menurun.

Sebenarnya, Sabah mempunyai potensi pelancongan yang boleh dimajukan dan melalui sektor ini juga, Sabah boleh memperolehi sumber pendapatan yang amat menggalakkan bagi menggantikan sumber-sumber pendapatan lain yang kian merosot. Aset utama pelancongan Sabah adalah alam semula jadinya, di mana Sabah

mempunyai banyak tempat tarikan pelancongan seperti Gunung Kinabatangan, [Ketawa] minta maaf, Gunung Kinabalu banyak kali Kinabatangan yang cakap tadi di sini [Ketawa] yang tertinggi di selatan Timur Asia, Pulau Selingan tempat penyu bertelur dan Sepilok yang mempunyai spesis orang utan dan Probosis Monyet di Sukau, Kinabatangan.

Selain itu, Kerajaan Sabah juga mewartakan beberapa kawasan sebagai kawasan konservasi, simpanan dan taman seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Lembangan Maliau dan yang terbaru ialah tanah lembap di Hilir Kinabatangan. Selain itu, terdapat juga beberapa buah pulau seperti Pulau Sipadan atau gugusan kepulauan dan perairan yang turut diwartakan sebagai kawasan konservasi dan taman untuk mengekalkan keaslian flora dan fauna yang semakin terancam.

Di Sandakan, masih lagi terdapat ciri-ciri keaslian alam semula jadi dan spesis hidupan tertentu yang wujud, contohnya seperti *flight of the hornbills*, yang boleh diketengahkan sebagai daya tarikan pelancongan. Sandakan juga mempunyai hutan bakau simpan yang luas, pesisir laut panjang yang belum dimajukan dan hutan hujan tropika yang masih asli. Sumber-sumber ini boleh dieksploitasikan sebagai kawasan eko-lancong yang bersifat mesra alam. Makanan lautnya juga amat terkenal dan boleh dimajukan sebagai destinasi makanan laut. Para pengusaha dan penduduk setempat perlu bijak mengambil peluang yang ada ini dengan menjadikan destinasi makanan laut ini sebagai tambahan kepada sumber pendapatan mereka.

Selain daripada mengharapkan kedatangan pelancong-pelancong asing, kerajaan juga amat menggalakkan pelancongan domestik. Ini adalah kerana ianya bukan sahaja bermakna integrasi yang dapat mewujudkan tahap keharmonian dan perpaduan di antara kaum, malah ianya dapat mengelakkan pengaliran keluar mata wang negara. Kita telah mensasarkan seramai 512,000 orang pelancong asing akan berkunjung ke Sabah pada tahun 2000 ini.

Mengikut statistik, kedatangan pelancong sehingga bulan Ogos 2000, terdapat 470,222 orang pelancong telah melawat negeri Sabah. Daripada jumlah ini, 254,805 orang atau 54.19% adalah pelancong luar negara, manakala selebihnya pelancong domestik. Pelancong Indonesia merupakan bilangan yang paling tertinggi datang ke Sabah iaitu seramai 82,222 orang atau 17.49%, diikuti Taiwan seramai 77,265 orang

atau 16.43%, Filipina 33,068 orang atau 7.03%, United Kingdom 10,147 orang atau 2.16% dan pelancong dari Hong Kong seramai 8,313 oran atau 1.77%.

Terdapat peningkatan sebanyak 16.2% kedatangan pelancong asing antara bulan Januari hingga Ogos tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1999. Ini bermakna, sasaran kerajaan sehingga akhir tahun 2000 ini terhadap bilangan pelancong asing yang datang ke Sabah berkemungkinan akan tercapai. Ini menunjukkan suatu perkembangan yang amat menggalakkan terhadap pelancongan di Sabah.

Oleh itu, para pengusaha pelancongan negeri perlulah bijak mengambil peluang-peluang yang ada dalam mempertingkatkan lagi produk-produk pelancongan yang sedia ada untuk memenuhi keperluan pelancong. Kualiti produk juga perlu diambil kira supaya ianya dapat diselenggarakan dengan baik untuk memastikan para pelancong bukan sahaja akan berkunjung malah akan berhasrat ingin kembali lagi menikmati keindahan semula jadi yang terdapat di Sabah.

Dalam usaha kita mempelbagaikan dan menghasilkan produk-produk baru pelancongan, para pengusaha juga harus mementingkan aspek keselamatan para pelancong adalah terjamin, bukan sahaja daripada serangan dan gangguan daripada anasir-anasir luar seperti yang berlaku di Pulau Sipadan dan Pandanan, Semporna baru-baru ini. Saya begitu menghargai dengan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan lagi ciri-ciri keselamatan negara dengan menambah anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) serta penempatan anggota-anggota tentera (ATM) bagi mempertingkatkan kawalan di pantai-pantai dan pulau-pulau negeri Sabah.

Saya berharap sebaik-baiknya tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memperkukuhkan keselamatan negara bukanlah cuma bersifat sementara sahaja. Apa yang penting, tindakan-tindakan ini perlulah dikekalkan agar para pelancong lebih berkeyakinan terhadap keselamatan mereka semasa berada di negara kita.

Selain itu, para pengusaha juga perlu menjaga keselamatan para pelancong apabila menggunakan atau menikmati produk-produk yang telah ditawarkan kepada mereka. Misalnya dalam aktiviti meredah hutan dan berkayak. Sebaik-baiknya juga, para pengusaha perlu ada pengetahuan dan kemahiran ketika menghadapi kecemasan

dalam memberikan bantuan kecemasan supaya para pelancong lebih berkeyakinan terhadap jaminan perkhidmatan yg ditawarkan kepada mereka. Sikap kemesraan dan etika perniagaan yang baik, jujur dan bertanggungjawab juga perlu ada dalam diri setiap pengusaha dan orang ramai terhadap setiap pelancong yang datang ke negara kita bagi menjaga imej negara yang bersih.

Peruntukan yang besar adalah diperlukan untuk membiayai segala projek-projek dan promosi pelancongan. Oleh itu, kerajaan haruslah membantu dan memperuntukkan kewangan yang besar terhadap pembangunan sektor pelancongan di Sabah, memandangkan sambutan daripada pelancong yang begitu menggalakkan dan mendatangkan pulangan yang besar kepada negara. Akhirnya, saya berharap Sabah akan menjadi sebuah pusat pelancongan yang amat terkenal dan diminati di rantau ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas keprihatinan dan komitmen yang diberikan untuk membangunkan sistem lalu lintas di bandar Sandakan. Rakyat sepatutnya berterima kasih dan menghargai setiap perubahan dan kemajuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional terhadap pembangunan di Sandakan. Jalan raya Southern Ring di Batu 4 dan Coastal Road di Jalan Pantai Leila telah disiapkan. Begitu juga dengan pelaksanaan pembinaan jalan raya Sibuga Bypass yang sedang dijalankan ketika ini.

Walaupun beberapa batang jalan raya telah dibina dan diperbaharui, tetapi ianya masih tidak dapat mengatasi masalah kesesakan di Jalan Labuk Indah Jaya sering berlaku. Ini adalah kerana di sini hanya terdapat satu jalan sahaja yang menghubungkannya sama ada dari bandar atau Jalan Leila terus ke Jalan Labuk.

Oleh itu, saya cadangkan satu lagi pembinaan jalan raya dari jalan utara *North Road Bypass* yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8, haruslah didahulukan pelaksanaannya. Kerajaan haruslah memasukkan pelaksanaan pembinaan jalan utara daripada Lebuhraya Sim-Sim menghubungkan Jalan ke *Airport*, dengan izin. Sekiranya rancangan ini dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8, segala masalah kesesakan jalan raya di seluruh bandar Sandakan akan dapat diatasi. Oleh itu, saya berharap agar kerajaan dapat memberi perhatian serius

terhadap masalah yang sedia ada ini dan meluluskan perancangan pembinaan *North Road Bypass* bagi memastikan perjalanan trafik yang lebih efisien dan cekap di bandar Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan sumber kewangan negeri terhadap Kerajaan Pusat telah memperuntukkan dana untuk perbelanjaan awam. Lebih banyak projek pembangunan komuniti seperti sekolah-sekolah, hospital-hospital dan jalan-jalan raya telah pun berjaya dilaksanakan. Di daerah Sandakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 hospital-hospital seperti pakar poliklinik telah dibina di Hospital Duchess of Kent dan begitu juga dengan daerah Kinabatangan, telah ada hospital Kinabatangan yang didirikan. Sehubungan dengan kemajuan yang telah dilaksanakan itu, kita juga sangat berbangga dengan Kerajaan Barisan Nasional, di mana di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, beberapa buah hospital baru telah pun siap dibina dan tahap kemudahan kesihatan juga telah dipertingkatkan di Sandakan, manakala masalah-masalah bekalan elektrik semakin dapat diatasi selepas adanya penubuhan 2 buah projek IPP di Sandakan. Selain daripada itu, pada masa akan datang 2 buah lagi “*Aero Bridge*” akan dibina di Lapangan Terbang Sandakan dan sebuah lagi rumah mayat. Di samping itu, sebuah taman yang bernama “*Sandakan Rain Forest Park*” yang akan dibina di belakang Kompleks Sukan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mencapai tahap perkembangan pendidikan yang boleh kita banggakan di mata dunia. Terdapat ramai pakar-pakar dan graduan-graduan muda yang pintar dan berkaliber telah dilahirkan untuk membangunkan negara kita. Ini adalah atas usaha sama kerajaan yang telah banyak membantu meningkatkan taraf pendidikan negara. Terdapat banyak pusat-pusat universiti dan cawangan kampus pengajian tinggi yang boleh didapati di negara kita yang setaraf dengan pendidikan di negara luar.

Dengan adanya pusat-pusat pengajian tinggi yang sedia ada ini, para pelajar tidak perlu lagi melanjutkan pengajian mereka ke negara luar. Sabah juga turut sama merasa arus perkembangan dan kemajuan dalam bidang pendidikan ini dengan adanya penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang satu-satunya ditubuhkan di Kota Kinabalu, Sabah dan beberapa buah institusi pengajian tinggi swasta yang lain.

Walau bagaimanapun, di sesetengah kawasan pedalaman dan daerah-daerah yang jauh dari bandar, pelajar-pelajarnya menghadapi masalah dari segi kos pembiayaan pelajaran dan jarak yang jauh. Sebagai contoh di Sandakan, oleh kerana Sandakan tidak mempunyai cawangan kampus universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi buat masa ini, maka pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM yang ingin melanjutkan pelajaran terpaksa keluar belajar sama ada ke Kota Kinabalu, Sarawak atau ke Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 1999, seramai 3,500 orang pelajar dari sekitar Sandakan, Beluran, Bukit Garam dan Telupid telah menduduki peperiksaan SPM dan STPM. Daripada bilangan itu, terdapat ramai pelajar yang telah lulus dengan cemerlang tetapi tidak berpeluang meneruskan cita-cita mereka disebabkan ibu bapa mereka tidak mampu membiayai kos pembelajaran yang sangat tinggi di bandaraya. Oleh sebab itu, terdapat ramai pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM mengambil keputusan untuk bekerja sahaja selepas mendapat keputusan peperiksaan mereka. Dalam konteks ini, secara tidak langsung negara akan mengalami kerugian dan kehilangan banyak sumber tenaga mahir yang diperlukan untuk pembangunan negara di masa hadapan.

Sebenarnya, Sandakan memerlukan sebuah cawangan kampus universiti atau institusi pengajian tinggi yang membolehkan pelajar-pelajar tempatan lepasan SPM dan STPM melanjutkan pelajaran mereka di tempat sendiri. Ini adalah berdasarkan oleh beberapa faktor yang dapat menyokong kuat kenyataan ini. Pertama sekali, Sandakan mempunyai penduduk yang ramai dan keluasan tanah yang besar untuk dijadikan lokasi kampus. Selain itu, di Sandakan juga mempunyai ibu pejabat bagi sektor pertanian, perhutanan dan perikanan yang besar. Ini dapat memudahkan pelajar-pelajar universiti membuat kajian, latihan dan penyelidikan terhadap bahan-bahan kajian yang sedia ada berbanding di Kota Kinabalu kemudahan seperti ini tidak wujud. Kedudukan lokasi juga adalah berdekatan dengan pusat perindustrian. Selain itu, taraf hidup di Sandakan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ini akan lebih menjimatkan kos pembiayaan pelajaran dan kos keperluan harian mereka. Oleh itu sekiranya kampus ini dibina, maka bukan sahaja pelajar-pelajar tempatan berpeluang untuk belajar di tempat sendiri, malah pelajar-pelajar dari Sarawak ataupun Semenanjung Malaysia juga turut berpeluang

belajar di kampus berkenaan. Secara tidak langsung kedatangan dan pertambahan pelajar-pelajar ini akan mendorong memberangsangkan dan meningkatkan ekonomi Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh penduduk di Sandakan kini sedang menghadapi masalah yang serius mengenai kekurangan mendapat bekalan air. Mengikut sumber, terdapat kekurangan sebanyak 21.5 juta liter air sehari. Bagi mereka yang tinggal di tempat-tempat yang tinggi adalah paling sedikit menerima bekalan air dalam seminggu. Jika keputusan air berlaku buat seketika ianya akan memakan masa beberapa hari untuk pulih seperti sediakala dan perkara ini seringkali terjadi di sekitar Sandakan dan beberapa kawasan yang lain.

Ramai pengguna air yang telah merungut di atas masalah ini. Memandangkan masalah ini semakin serius, maka adalah perlu bagi kerajaan negeri dapat mempertimbangkan dan meluluskan Skim Perluasan Bekalan Air di Sandakan Peringkat Ke-2 dalam Rancangan Malaysia Ke-8, maka segala masalah akan dapat diatasi dan para pengguna akan mendapat bekalan air yang lebih teratur.

Oleh itu, saya sebagai Ahli Parlimen di Sandakan amat berharap kepada kerajaan agar dapat meluluskan dan melaksanakan Skim Perluasan Bekalan Air Peringkat Ke-2 dalam Rancangan Malaysia Ke-8 ini dan mengatasinya secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hari ini adalah merupakan sebuah negara yang berkembang maju. Ekoran daripada arus kemajuan dan pembangunan yang semakin pesat ini, semakin meningkatnya juga kadar kegiatan-kegiatan jenayah dan gejala sosial yang melibatkan remaja yang dilaporkan pada setiap tahun.

Menurut kajian, Agensi Dadah Kebangsaan Sabah, bahawa dalam masalah pengambilan dadah jenis ecstasy tidaklah begitu serius jika dibandingkan dengan Syabu. Pemeriksaan terhadap penagih dadah di Sabah setakat ini tidak menunjukkan mereka menagih ecstasy.

Kerajaan telah memperuntukkan RM2 juta dalam Belanjawan 2001 untuk mengadakan program-program kesedaran terhadap bahayanya penggunaan pil ecstasy kepada remaja dan satu lagi peruntukan yang besar sebanyak RM94 juta telah diperuntukkan bagi tujuan membanteras gejala sosial. Oleh itu, kasih sayang yang

secukupnya serta didikan agama bagi melengkapkan penjagaan yang sempurna haruslah dilaksanakan.

Di Wilayah Asia-Pasific jangkitan HIV/AIDS telah meningkat 70% di antara tahun 1996-1999 dan ini membuatkan wabak ini berkembang dengan lebih cepat di benua Asia. Wabak jangkitan HIV/AIDS ini bukan sahaja membawa kesan buruk kepada pembangunan ekonomi negara malah turut memberi kesan kepada kaum wanita dan seluruh masyarakat. Mengikut statistik di seluruh dunia terdapat 24,000 juta orang yang telah dijangkiti oleh virus HIV/AIDS. Manakala di Malaysia pula terdapat 33,233 orang yang menghidap HIV/AIDS dan 4,000 orang yang positif. Tindakan melalui kempen-kempen kesedaran bahayanya HIV/AIDS perlu dipertingkatkan agar bilangan pesakit-pesakit tersebut tidak akan bertambah pada jangka masa yang panjang.

Oleh itu, saya memohon kepada kerajaan negeri dan pusat agar dapat memberi peruntukan terhadap pembiayaan kempen-kempen dan langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi masalah ini demi kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia dari dijangkiti HIV/AIDS. Ini adalah penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang sihat dan stabil di negara kita. Sekiranya lebih ramai lagi rakyat kita yang disahkan menghidap penyakit ini, tentunya negara akan mengalamai kemerosotan ekonomi kerana kekurangan tenaga kerja yang cekap dan mahir untuk mengendalikan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ke-7, kerajaan telah memberi banyak sumbangan untuk perkembangan kemudahan infrastruktur di Sabah dan tambahan peruntukan yang masih tidak mencukupi itu. Ini membuktikan kerajaan begitu mengambil berat terhadap kemajuan dan pembangunan ekonomi di Sabah. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana mengambil berat dalam pembangunan di Sabah.

Oleh itu, saya berharap seluruh penduduk di Sabah seharusnya bersatu hati dan berganding bahu dan seterusnya menyokong penuh Kerajaan Barisan Nasional bagi menjamin kemajuan ekonomi di Sabah agar terus berkembang maju. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi kesempatan pada saya untuk turut membahaskan perbekalan bagi Belanjawan 2001. Pertama sekali saya ingin melahirkan rasa yang sangat kesal dan dukacita di atas sikap Yang Berhormat Menteri Kewangan yang melakukan pendustaan di Dewan yang mulia ini semata-mata untuk kepentingan politik sempit UMNO dan Barisan Nasional dalam isu rompak royalti minyak baru-baru ini. Ini merupakan satu kemalangan yang sangat besar dalam sistem demokrasi di negara ini. Sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional selalu memperalatkan media massa untuk mencipta dan menaburkan isu-isu fitnah dan pembohongan sehingga sampai pada satu tahap rakyat tidak lagi percaya kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional apabila teretusnya tragedi Sauk Julai yang lalu.

Sikap Kerajaan Barisan Nasional yang sanggup melakukan pembohongan terhadap rakyat termasuklah mendakwa perjanjian royalti minyak antara kerajaan Terengganu dengan Petronas sebagai persefahaman atau MoU untuk pembayaran wang ihsan sahaja sangatlah dikesali. Kita boleh merujuk kepada kenyataan Allahyarham Tun Razak dalam *Hansard* Parlimen 1975 dan kenyataan Perdana Menteri hari ini ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Pasir Puteh tentang royalti minyak pada tahun 1982. Ini membuktikan bahawa semangat asal perjanjian itu adalah untuk memberikan royalti sebanyak 5% kepada mana-mana kerajaan negeri yang terdapat minyak di negeri tersebut. Kini perjanjian tersebut dicabuli secara rakus dan tidak bertamadun oleh Kerajaan Barisan Nasional. Rasullullah S.A.W. bersabda, antara lain maksudnya;

"Tanda-tanda orang munafik itu tiga. Apabila dia bercakap dia berbohong, apabila diberi amanah dia khianat, apabila dia berjanji dia mungkir janji tersebut".

Kesan daripada sikap pemungkiran janji Kerajaan Barisan Nasional, maka kini timbullah satu budaya baru di kalangan anak-anak muda untuk mengelaskan orang-orang yang tidak pernah mematuhi janji itu dengan satu simpulan bahasa yang baru bahawa janji-janji seperti itu adalah 'janji-janji UMNO'. Kalau dahulu kita pernah mendengar orang-orang yang lewat meeting, yang tidak menepati janjinya dianggap

sebagai 'janji Melayu' kini janji tersebut telah berubah daripada 'janji Melayu' kepada 'janji UMNO' yang hendak menggambarkan pembohongan dan pencabulan terhadap janji-janji dan ikrar yang dibuat itu. Ini semua berlaku adalah kerana kekalahan yang tidak dapat diterima oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menarik balik kenyataan yang mengeliru dan mengarut di Dewan yang mulia pada Jumaat lepas dan menjelaskan semula tentang pembayaran royalti minyak kepada kerajaan negeri Terengganu. Saya juga mendesak supaya semua peruntukan berkaitan apa yang diistilah sebagai wang ihsan itu disalurkan semula kepada Kerajaan Negeri Terengganu sebagai tradisinya berasaskan kepada perjanjian yang dibuat bersama antara kerajaan negeri dan Petronas. Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedang menghidap penyakit kuku dan mulut sehingga sanggup melakukan pendustaan di Dewan yang mulia ini. Sanga t malang bagi sebuah negara.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkataan 'pendustaan' berkenaan dengan 'pembohongan' itu tidak boleh ditujukan kepada seseorang ahli dalam Dewan ini ya. Minta tarik balik perkataan 'pendustaan' itu Yang Berhormat, ya, mintalah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengingatkan saya, tetapi walau bagaimanapun bagi saya, saya menganggap bahawa perkataan itu tidaklah sebagai satu perbuatan yang tidak bersopan malah sebaliknya orang yang melakukan pembohongan itulah yang tidak bersopan. Tetapi oleh kerana menghormati kehendak Tuan Yang di-Pertua, saya menarik balik walaupun hakikatnya itulah pembohongan yang dilakukan di Dewan ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan, penjelasan sahaja.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta maaf, saya hendak habiskan. Masa 30 minit sahaja. Saya gentleman, kalau Tuan Yang di-Pertua gentleman hendak tambah masa saya, saya boleh gentleman dengan Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak adalah, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak beri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Perkataan royalti ini Tuan Yang di-Pertua,
.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sangat malang bagi sebuah negara seperti Malaysia yang selalu digembar-gemburkan oleh Perdana Menteri dan pemimpin kerajaan tentang campur tangan asing, pencerobohan, penyeludupan, jenayah berlaku secara berleluasa tetapi pasukan keselamatan dan pertahanan terutama pasukan polis tidak memiliki keupayaan yang mencukupi. Imej polis pula tercemar teruk akibat pencabulan kerajaan secara terbuka terhadap tugas polis yang sebenar. Pasukan polis sepatutnya menerima peruntukan yang besar untuk mempertingkatkan keupayaan termasuk dari segi kemudahan dan juga ganjaran kepada anggotanya. Sebab itu kenaikan elaun kepada pasukan polis terutamanya Special Branch dan mereka yang terlibat dalam penyiasatan tepat pada waktunya. Cuma saya bimbang kalau-kalau kenaikan ini akan diputar belit oleh kerajaan sebagai elaun Barisan Nasional dan pasukan polis terutamanya Special Branch akan bekerja keras untuk menjaga kepentingan politik Barisan Nasional untuk menyekat perkembangan pengaruh PAS dan Barisan Alternatif yang sedang berkembang di seluruh negara. Sebab itu kenyataan yang pernah dibuat oleh bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Sa'id Awang pernah mendedahkan bahawa pihak mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk berbohong jika mendapat arahan daripada orang yang lebih atas daripada kuasa mereka.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang keupayaan pasukan polis yang pernah dilaporkan oleh media massa bahawa pasukan polis terutama di Selangor tidak cukup anggotanya. Kemudahan-kemudahan untuk penyiasatan juga tidak mencukupi, ini sangat memalukan imej polis yang sudah terjejas teruk terlibat sebelum daripada ini apabila mengganas pada tahun 1998 mengikut kehendak politik Barisan Nasional. Gelang Patah pun pernah mempersoalkan mengapa polis tidak tahu tentang operasi judi haram, sedangkan semua rakyat termasuk kanak-kanak, pegawai kerajaan dan

sebagainya tahu kewujudan pusat judi haram. Kuala Kedah pernah menyebut tentang pencerobohan nelayan Thai dan lanun-lanun di Kedah dan Perlis tetapi polis tidak pernah berbuat apa-apa kerana tidak mempunyai kecukupan kelengkapan termasuk persenjataan dan sebagainya. Saya hairan mengapa polis tidak tahu tentang pusat perjudian dan tidak boleh mencegah pencerobohan di perairan tetapi polis begitu cekap untuk mengintip pergerakan pembangkang walaupun kami tidak pernah berbahaya kepada negara.

Tahun hadapan PAS sudah mencapai umur usia 50 tahun dan tidak ada rekod menunjukkan PAS mencetuskan ketegangan di negara ini, tetapi hakikatnya mengapa kami harus terus diekori seperti mana penjenayah dalam negara kita. Seingat saya bahawa UMNO dan Barisan Nasional sudah beberapa kali mencetuskan ketegangan-ketegangan termasuklah pada tahun 1969, 1987 dan yang terbaru pada tahun 1998 di mana mereka cuba mencetuskan sentimen perkauman dengan orang-orang Cina. Perdana Menteri dalam ucapan sempena Hari Kemerdekaan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap, sekejap Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak beri, tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: tidak beri jalan ya, lepas ini siapa pun bangun tidak beri jalan ya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak beri jalan. Perdana Menteri dalam ucapan Hari Kemerdekaan mendakwa orang-orang Cina seperti mana Komunis. Inilah kenyataan yang berbentuk sentimen perkauman. Saya harap pengagihan anggota polis dibuat dengan betul dan sekata terutama untuk pencegahan jenayah, pencerobohan, vandalisme dan sebagainya. Bukannya untuk tujuan politik sempit Barisan Nasional. Penekanan juga perlu diberikan untuk mempertingkatkan kecekapan menangani jenayah komputer dan cyber kerana itu saya mencadangkan supaya kenaikan gaji dan elaun yang lebih besar diberikan kepada semua anggota polis, semua cabang bukan hanya di peringkat cawangan khas ataupun mereka yang terlibat dengan penyiasatan sahaja kerana di dalam Belanjawan baru-baru ini, hanya mereka yang terlibat dalam penyiasatan sahaja yang dinaikkan elaun, sedangkan

anggota-anggota yang lain umpamanya polis trafik dan anggota-anggota yang lain tidak diberikan apa-apa insentif galakan melalui penambahan elaun dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya mencadangkan untuk polis trafik supaya diberikan elaun asap untuk mereka kerana akibat daripada mereka terdedah kepada pencemaran alam sekitar yang menyebabkan kesan kepada kesihatan mereka. Begitu juga kepada anggota-anggota pasukan polis yang lain, apabila kastam diberikan elaun insentif galakan untuk mereka yang bekerja 24 jam, begitulah juga sepatutnya diberikan kepada pihak polis dan juga pasukan tentera yang telah berkhidmat sepanjang masa 24 jam walaupun dalam bercuti mereka boleh dipanggil bila-bila untuk berkhidmat bagi kepentingan negara kita. Sebab itu saya mencadangkan supaya satu semakan gaji untuk tentera dan polis perlu dibuat ke atas gaji dan semua elaun yang sedang diperolehi oleh mereka selama ini. Sebab itu saya mencadangkan juga bahawa pensen angkatan tentera dibayar 70% daripada gaji akhir mereka bukannya seperti mana yang berlaku hari ini kerana anggota tentera merupakan anggota yang telah bersedia mengambil risiko yang sangat besar demi untuk mempertahankan negara kita walaupun terpaksa mengorbankan nyawa mereka demi untuk pertahankan negara ini. Sebab itu saya mencadangkan juga supaya beberapa perkara yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan tentera yang sedang berkhidmat juga mesti dikaji semula dan 40 jenis elaun yang dikatakan dibuat kajian oleh Kementerian Pertahanan, saya minta penjelasan daripada Kementerian Pertahanan. Apa sudah jadi kepada kajian yang telah dibuat terhadap 40 jenis elaun untuk angkatan tentera.

Peruntukan sebanyak RM285.04 juta untuk mempertingkatkan kecekapan badan kehakiman dan BPR mesti diberi perhatian yang serius. Peruntukan yang besar ini sepatutnya akan melahirkan ketelusan yang tinggi dalam badan kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang tetapi dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan mempunyai undang-undang amat malang apabila pencabulan terhadap sistem kehakiman berlaku secara berterusan. Saya tahu Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa semua ini adalah dakwaan kosong dan tidak berlaku tetapi hakikatnya rakyat tahu apa yang sedang berlaku, umpamanya burung Kasawari yang menyembunyikan kepalanya dalam lubang tetapi buntutnya tertonggeng ke atas. Inilah denial syndrome pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya tidak akan

mengulang sebut apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tentang perlakuan Ketua Hakim Negara di New Zealand atau mengulangi ketidakpercayaan Allahyarham Tun Suffian, bekas Ketua Hakim Negara tentang proses pengadilan di negara ini, anak Perdana Menteri yang mempertikaikan dalam tulisannya di Singapura dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengkritik dalam tesis Ph.D.nya

Sebenarnya, para pelabur asing sudah mulai bimbang terhadap ketelusan undang-undang di negara ini semenjak akhir 1980-an lagi dan kejadian malang rompakan royalti minyak sudah pasti memberikan kesan yang serius terhadap keyakinan pelabur asing di negara ini. Kerajaan sepatutnya mengambil tindakan ke atas laporan IBA misalnya yang menyebut tentang pencabulan undang-undang, masalah-masalah seperti kes tertunggak, bangunan mahkamah yang tidak mencukupi, bilangan hakim yang sedikit juga program Latihan Kehakiman (ILKAP) masih beroperasi di Wisma Sime Darby sepatutnya mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan.

Kerajaan juga perlu mengemukakan program pemulihan tersusun untuk sistem kehakiman bagi membina semula keyakinan Kerakusan pemimpin UMNO mesti dihentikan. Sebuah jawatankuasa hisbah yang bebas perlu diwujudkan untuk membendung kerakusan ini. Sebuah tribunal mesti dibentuk untuk mengadili Ketua Hakim Negara yang dituduh terlibat dalam komplot dengan Vincent Tan dan dengan adanya pemulihan ini, saya percaya keyakinan rakyat dan pelabur terhadap sistem keadilan negara akan kembali kepada asal dan memberikan kesan positif kepada pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut sedikit tentang isu rasuah yang makin berleluasa dalam negara kita. Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan lesen terbang yang melayan dibongkarkan oleh BPR. Tahniah dan terima kasih kepada BPR. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah mengapa rakyat begitu rakus terhadap duit-duit haram seperti ini. Sebenarnya telah menjadi *mindset* bagi rakyat Malaysia termasuk sebahagian pegawai-pegawai awam bahawa kalau pemimpin negara boleh mengambil rasuah dan menyalahgunakan kuasa mengapa mereka tidak boleh mengambil sedikit wang haram ini untuk kepentingan mereka.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: UMNO dan Barisan Nasional juga mengamalkan politik wang secara berleluasa dalam pilihan raya dan pemilihan parti. Presiden UMNO sendiri mengaku bahawa parti mereka adalah parti politik wang, saya pun tidak tahu daripada 78 orang ahli-ahli Parlimen UMNO siapakah di antara mereka yang benar-benar bersih daripada politik wang sebelum menjadi pemimpin UMNO. Dulu di Selangor tidak ada seorang pun yang bersih untuk menjadi Menteri Besar bagi menggantikan Tan Sri Mohd. Taib, tetapi yang paling bersih sehingga mendapat gelaran 'Mr. Clean' akhirnya terbongkar juga. Bukan hanya pemimpin Barisan Nasional terlibat dalam gejala rasuah, politik wang dan salah guna kuasa tetapi mereka juga terlibat dalam campur tangan untuk menghalang siasatan ke atas kroni-kroni dan keluarga mereka. Amat malang bagi negara ini apabila seorang menteri terlepas begitu sahaja selepas menggunakan kuasanya untuk mengagihkan saham kepada anak menantunya. Pada masa yang sama, Perdana Menteri sendiri didakwa menyalahgunakan kedudukan untuk menghalang siasatan Ketua Pengarah BPR pada waktu itu ke atas kroninya.

Saya mencabar apabila kerajaan mengatakan bahawa tidak ada kes terhadap Perdana Menteri dan juga ke atas bekas Gabenor Bank Negara, ini bermakna bahawa dakwaan yang pernah dibuat oleh Datuk Shafie Yahya di dalam mahkamah adalah dakwaan palsu dan fitnah serta pembohongan. Oleh sebab itu, saya mencabar kerajaan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Datuk Shafie Yahya.

Yang terbaru, yang sedang diperkatakan di negeri Johor iaitu yang berkaitan dengan dakwaan yang dibuat oleh seorang ahli UMNO bernama Azmi Mustapha dalam surat terbukanya. Seorang ahli UMNO di negeri Johor di kawasan Labis yang mengatakan bahawa bagaimana penglibatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar negeri Johor dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya bersama dengan Richard Azlan CAYPJ terlibat dalam melenyapkan wang RM25 juta hasil kayu balak di Bekok, Labis. Begitu juga Menteri Besar Johor dikatakan telah membuat kenyataan bohong kepada BPR bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya menyimpan wang sebanyak RM1.5 juta sebagai pemegang amanah bagi UMNO Johor, sedangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dikatakan memiliki sebuah

rumah mewah yang berharga RM1.5 juta di Taman Suria dan beberapa kereta mewah yang tidak setimpal dengan pendapatan beliau sebagai Menteri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, cakap lidah lembut, cakap sedap tetapi menyakitkan hati orang. Yang Berhormat, ini satu tuduhan yang tidak betul

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, point of order yang ke berapa? Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: 36 – Sangkaan jahat kepada seseorang, ini jahat Yang Berhormat, berdosa besar, tidak minta maaf kepada yang nama disebut itu, awak parti PAS, parti Islam, cakap baik-baik, jangan tuduh suara macam itu, saya bukan marahlah, tetapi tak baik Yang Berhormat, Yang Berhormat parti Islam, lembut, berhujah. Ini dengar cerita, burukkan nama orang ambil rasuah, kalau orang itu tak ambil, Yang Berhormat berdosa. Ini orang alim yang di belakang itu, tolong nasihatkan, tak baik. Saya telah lama dalam ini, tetapi saya tak pernah sentuh peribadi orang macam itu rupa bentuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, baik. Sila teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut perkara ini bukan sebagai tuduhan, tetapi saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak polis dan juga daripada pihak BPR apakah siasatan yang telah dibuat terhadap satu report polis yang telah dibuat di Balai Polis Kluang pada 5 Oktober. Oleh sebab itu saya minta pihak polis, pihak kementerian, sama ada Kementerian Dalam Negeri bagi mewakili pihak polis ataupun BPR seharusnya memberikan penjelasan terhadap report polis yang melibatkan apa yang saya sebutkan tadi.

Kita bimbang kalau-kalau kes ini akan lenyap begitu sahaja tanpa sebarang siasatan. Dahulu BPR pernah menghentikan siasatan ke atas kes filem Tamil di Angkasapuri apabila mendapati kes tersebut melibatkan salah laku orang-orang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ada yang bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 44(1). Ini berulang kali dok bangkit perkara yang serupa Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada makna. Ini bukan hujah lagi dah. Ini telah melemparkan tohmah, fitnah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau masih berulang, minta Tuan Yang di-Pertua gunakan 44(1) ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak berulang, baru sekali sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua Ya, 44(1) boleh gunakan di atas berkenaan dengan apa pembayaran kepada negeri Terengganu itu, kerana tiga, empat orang sudah berucap. Tetapi apa yang dia berucap tadi ialah perkara yang baru berkenaan dengan report polis. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun kasihan pemimpin UMNO ini, macam karipap tak cukup inti. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Itu pun sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya kata karipap tak cukup inti. Tuan Yang di-Pertua, karipap tak cukup inti ini, dia karipap, bila kita koyak dia macam kita pergi di kantin, dia sepatut ada ubi dan daging tetapi ubi tak banyak, tetapi tepung sahaja banyak

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini sangkaan jahat, ini style pemimpin PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat kedua-dua. Cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Maksud karipap tak cukup inti ini, macam kepala tak cukup akal. Ha, begitu lebih kurang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sangkaan jahat!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu tak boleh Yang Berhormat, yang itu tidak boleh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ha, tak apa, saya tarik balik. Tetapi kari pap tak cukup inti yang lebih kuranglah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah, ya, ya. Dia tarik baliklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tarik baliklah. Saya tarik balik. Tetapi itulah kari pap tak cukup inti. Tetapi tok saya dok buat kari pap dahulu alhamdulillah, cukup inti.

Saya ingin mencadangkan supaya BPR dinaikkan taraf sebagai Suruhanjaya Bebas yang berkhidmat terus di bawah Yang di-Pertuan Agong ataupun di bawah Parlimen.

Pengarah BPR hendaklah mempunyai kedudukan setaraf dengan pengerusi suruhanjaya, ini penting kerana ia akan memberikan ketelusan kepada BPR.

Sebelum ini Ketua Pengarah BPR tidak berani bertindak kerana bimbang akan ditukar atau diturun pangkat dan sebagainya. Kedudukan Ketua Pengarah BPR sebagai pegawai awam yang berkhidmat di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam mungkin akan mengalami nasib seperti guru-guru yang menyokong PAS dan Barisan Alternatif, mereka akan ditukar ke Sabah dan Gua Musang kerana Barisan Nasional memang zalim dalam bab ini. Kerana itu Pengarah BPR pun takut untuk bertindak. Sebelum ini bekas Mufti Selangor dan juga bekas Pengarah Pusat Dialog Peradaban telah menjadi mangsa dalam hal yang sedemikian rupa.

Lebih dahsyat lagi apabila demokrasi di negara ini telah tercabul dan dinodai serakusnya oleh Kerajaan Barisan Nasional tanpa rasa malu dan jijik. Bukan hanya undang-undang diguna untuk menyekat kebebasan demokrasi rakyat, tetapi juga pencabulan cuba dilakukan secara rasmi oleh kerajaan. Kes rompakan royalti cukup memperlihatkan bagaimana Barisan Nasional menghina sistem demokrasi sehingga perjanjian pun sanggup diingkari.

Kerajaan Pusat cuba menjustifikasikan pencerobohannya dengan cara memasukkan pencabulan tersebut sebahagian daripada ucapan Belanjawan supaya digazet sebagai keputusan Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu pencabulan demokrasi melalui sebuah institusi demokrasi yang tertinggi iaitulah Dewan Rakyat.

Demokrasi versi apakah ini? Yang Berhormat Menteri Kewangan kononnya mahu kami mendakwa, membawa kes ini ke mahkamah tetapi dua hari yang lepas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri wakil Jelebu sudah pun membuat keputusan bahawa perjanjian tersebut tidak lagi terpakai.

Ini adalah satu keputusan yang mendahului mahkamah yang menyebabkan hilang kepercayaan rakyat kepada mahkamah dan meletakkan mahkamah ini sebagai 'mahkamah A.R. Tompel' ataupun 'Anak Bapak'.

BN sepatutnya malu apabila mewujudkan kerajaan dalam kerajaan di Kelantan dan Terengganu melalui JPP. Saya tahu bahawa JPP, JKK dan sebagainya di Kelantan dan di Terengganu adalah institusi yang ditubuh secara haram dan melanggar prinsip demokrasi. Bukan itu sahaja, UMNO pun pernah menabalkan sultan baru di Kelantan lapan tahun dahulu untuk menodai kerajaan negeri. Tindakan BN memang tidak demokratik, umpama samseng di jalanan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Ya, ya. Yang Berhormat,

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh sebut hakim, sultan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, betul!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Cakaplah perkara-perkara yang lain. Tunjuk mana yang kita tahu sedikit sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat, masyarakat, baru dapat markah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sentuh sultan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak apa. Saya bukan menyebut soal sultan, tetapi saya menceritakan peristiwa yang pernah dilakukan oleh UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Betul-betul, tidak boleh sentuh. Di dalam peristiwa

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bukan saya menyentuh soal peribadi sultan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dalam peristiwa itu ada usul persendirian.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ya. Tetapi itu dilakukan oleh UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, yang ini bukan usul persendirian Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkembangan hak asasi manusia di negara ini masih berada di tahap yang sangat memalukan. Saya menuntut penjelasan dari menteri berkenaan mengapakah perkara-perkara asas dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia PBB 1948 terutama berkaitan dengan hak politik tidak dipraktikkan secara bersungguh-sungguh di negara ini. Adakah Kerajaan Malaysia tidak mengiktirafkan covenant antarabangsa tentang hak politik dan sivil 1996. Daripada lebih 80 deklarasi konvensyen dan covenant antarabangsa tentang hak asasi manusia yang digubal oleh PBB, berapakah yang telah diiktiraf di Malaysia dan bakinya mengapa ditolak.

Penubuhan SUHAKAM sangatsangat disambut baik dan dialu-alukan. Walau bagaimanapun, saya sangat kesal dengan kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi SUHAKAM tentang hak berhimpun secara aman dikritik dan dipertikai oleh para menteri. Inilah sikap menteri terhadap hak-hak rakyat, jangan bercakap soalimbangan tanggungjawab sekiranya pemimpin Barisan Nasional sendiri tidak memperlihatkan sikapbertanggungjawab kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan kebimbangan terhadap status SUHAKAM yang mungkin akan terpaksa berhadapan dengan karenah birokrasi Barisan Nasional sekiranya mereka berjaya mengembalikan hak kepada rakyat. Saya bimbang kalau-kalau ahli-ahli Suruhanjaya termasuk Pengerusinya tidak lagi dilantik selepas dua tahun kerana kelantangan mereka membela dan mempertahankan hak rakyat.

Kita bimbang jika report tentang pencabulan hak berhimpun, hak mengadakan ceramah, hak mendapat permit penerbitan dan lain-lain tidak lagi ditangani selepas ini. Yang paling saya bimbang ialah penubuhan SUHAKAM ini hanyalah untuk

menutup mulut antarabangsa ataupun mulut rakyat dalam negara daripada mengkritik negara ini yang mengabaikan hak asasi manusia.

Pengumuman Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa Kabinet akan menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan adalah amat jelas mencabul demokrasi, perlembagaan dan hak rakyat negeri Selangor ke atas tanah mereka. Sepatutnya perkara ini dibawa dahulu ke Dewan Undangan Negeri dan kemudian diangkat kepada Majlis Raja-raja Melayu seperti mana peruntukan Artikel 2 Perlembagaan Persekutuan yang memperjelaskan perkara ini.

Kemudian barulah kerajaan boleh sama ada semua institusi ini bersetuju ataupun tidak. Ternyata tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat, pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ini meletakkan Menteri Besar Negeri Selangor berada dalam keadaan yang sangat gusar dan sudah pasti bahawa mereka akan terus tertekan dan menyebabkan mereka akan dipaksa untuk berlakunya sekali lagi rampasan dan rompakan yang kedua selepas daripada rompakan royalti minyak ke atas Kerajaan Negeri Terengganu.

Saya bimbang bahawa sekiranya Putrajaya menjadi Wilayah Persekutuan, ia akan memberikan kesan-kesan yang buruk kepada masa depan Islam dan bangsa Melayu di Kuala Lumpur yang ditadbirkan oleh Persekutuan, kawasan milik orang-orang Melayu kini hanya tinggal tidak sampai 10%, orang-orang Melayu hanya kelihatan di Kampung Baru, Keramat, Pantai Dalam dan Chubadak. Kawasan-kawasan lain orang-orang Melayu tidak lagi kelihatan dalam peta Wilayah Persekutuan.

Oleh sebab itu, saya mencabar Kerajaan Negeri Selangor untuk mengadakan pungutan suara referendum di kalangan rakyat negeri Selangor sama ada rakyat negeri Selangor bersetuju ataupun tidak, Putrajaya diserahkan kepada untuk ditadbirkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Jika tidak, insya-Allah kita yakin bahawa Selangor akan menjadi milik Barisan Alternatif pada tahun 2004. Sebab itu saya yakin bahawa usaha untuk memastikan Putrajaya diletakkan di bawah pentadbiran Persekutuan kerana saya percaya pemimpin-pemimpin UMNO sudah pun mengambil kira hasil kajian menunjukkan perkembangan Selangor akan mendapat ditawan oleh BA pada tahun 2004 nanti, insya -Allah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Moktar bin Radin: Mimpi di siang hari.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Peruntukan besar yang telah disalurkan untuk membangun belia terutama membentuk kepimpinan belia masa hadapan yang bersemangat waja sangatlah dialu-alukan. Peruntukan yang besar ini tidak sepatutnya bertujuan untuk menjadikan belia dan mahasiswa sebagai pak angguk ataupun pok'ka ataupun burung kakak tua kepada Kerajaan Barisan Nasional seperti mana Ahli-ali Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Belia sepatutnya diberikan kebebasan bersuara, berpolitik dan sama mengambil bahagian dalam pembangunan negara, belia tidak boleh dipaksa untuk menganut fahaman Barisan Nasional yang sudah lama merosak masa depan negara.

Dengan ini belia yang lebih matang dan terbuka dapat dilahirkan dan pasti menjanjikan masa depan yang cemerlang untuk negara. Kecemerlangan belia sewajarnya akan menghentikan suara-suara yang disinonimkan belia dengan masalah sosial. Di negara kita hari ini masalah sosial adalah ditaja dengan hebat oleh golongan tua yang meluluskan segala lesen dan permit untuk menghalalkan maksiat dalam negara kita.

Mereka juga merupakan golongan yang mengharamkan majlis-majlis ilmu, mengunci masjid, menyekat permit-permit ceramah politik, menutup penerbitan-penerbitan yang membina minda belia, sedangkan semua itu sangat mempengaruhi hala cara dan hala tuju kehidupan belia pada masa yang akan datang.

Ketika belia terumbang-ambing akibat terjerat dalam budaya kehidupan yang sesat, akhirnya kita melihat bahawa pembangunan sukan juga umpama hidup segan mati tidak mahu.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyentuh tentang kekecewaan kerajaan terhadap pencapaian atlet negara di Sukan Olimpik baru-baru ini walaupun sebelum ini Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menyatakan rasa puas hati terhadap pencapaian tersebut. Kekecewaan ini adalah berpunca daripada kerajaan tidak mendapat apa-apa, walaupun telah memperuntukkan belanja yang besar untuk pembangunan sukan.

Saya telah memperhatikan bahawa Dasar Sukan Negara yang tidak begitu jelas dan tidak terarah, adakah sukan ingin dijadikan budaya hidup rakyat secara holistik ataupun atlet-atlet tertentu yang mewakili negara sahaja atau kita hanya bercita-cita untuk menjadi penganjur temasya sukan yang paling berjaya dalam negara kita.

Sehingga hari ini sukan masih berkisar di kalangan atlet sukan sahaja. Pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, mahasiswa, golongan belia tidak dibangunkan secara berkesan untuk melahirkan mereka sebagai ahli-ahli sukan yang berjaya di dalam negara kita. Mereka hanya diletakkan sebagai penyokong dan penonton yang setia sahaja kepada setiap pertandingan yang diadakan.

Kita perlu mengkaji semula perbelanjaan yang besar untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan Asia 2006 sekiranya kita hanya berhasrat untuk menjadi penganjur cemerlang sahaja. Saya mencadangkan supaya satu program untuk merangka pelan strategi pembangunan sukan negara segera dibentuk supaya hasrat melihat pencapaian sukan di negara ini akan lebih maju.

Yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sistem legislative yang ada di negara kita yang semakin hari tidak bermaya. Saya ingin menyatakan kekesalan terhadap proses perbahasan yang dibuat di Parlimen terlalu ringkas, sehingga kadang-kadang ada rang undang-undang yang dibahaskan, yang melibatkan kepentingan 23 juta rakyat hanya diluluskan setelah dibahaskan dalam waktu yang sangat terbatas. Sepatutnya hari persidangan lebih lama untuk membolehkan perbahasan yang panjang terhadap satu-satu perkara yang berbangkit.

Saya mencadangkan supaya Peraturan Mesyuarat yang sudah lapuk ini dikaji semula untuk mempertingkatkan keberkesanan Dewan yang mulia ini. Sebab itu kita mengharapkan Speaker sepatutnya lebih bebas dan tidak terikat dengan rentak Kerajaan Barisan Nasional supaya mereka tidak bertindak seperti mana backbencher, kadang-kadang perbahasan menjadi tidak telus, ramai penyokong kerajaan yang ada maklumat, yang ada pendirian tetapi takut untuk bersuara. Lebih malang lagi apabila para menteri dan timbalan menteri selalu tidak dapat hadir ke dalam persidangan. Ramai juga Ahli-ahli Parlimen daripada semua pihak mengambil mudah soal

perbahasan Parlimen, mereka tidak mengambil bahagian, tidak datang atau hanya datang untuk mengambil kehadiran.

Sindrom 5D ‘Datang, Duduk, Dengar, Diam dan Duit’ menghantui sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen. Lebih dahsyat apabila setengah daripada Ahli-ahli Parlimen datang ke Parlimen untuk membuat satu lagi ‘D’ iaitu ‘Dengkur’. Saya hairan mengapa menteri tidak boleh spend masa untuk Parlimen. Perdana Menteri sendiri sepanjang penggal ini tidak sampai lima hari hadir ke Parlimen untuk menjawab soalan-soalan. Hampir semua sesi yang dihadiri oleh Perdana Menteri hanyalah sesi yang dibuat siaran secara langsung oleh TV seperti Perasmian, Titah Diraja, Angkat Sumpah dan Belanjawan. Kerana itu, saya mencadangkan supaya satu rombakan terhadap peraturan mesyuarat ini dibuat dengan memasukkan satu peruntukan untuk membolehkan Perdana Menteri dalam waktu-waktu tertentu untuk hadir ke Dewan untuk diberikan masa bagi menjawab segala persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen semua.

Sebab itu, saya cadangkan masa bersoal jawab dengan Perdana Menteri (Prime Minister’s Question Time), dengan izin, untuk membolehkan Perdana Menteri menjawab masalah-masalah rakyat hendaklah diperuntukkan di dalam peraturan mesyuarat akan menjadikan sidang ini lebih telus dan sebagainya. Kalau boleh setiap hari persidangan disiarkan secara langsung supaya semua Ahli Parlimen dapat mengambil bahagian dalam perbahasan dan lebih bertanggungjawab.

Perlantikan Pengerusi PAC juga perlu dikaji semula supaya tidak berlaku lagi seperti mana yang berlaku hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada hari ini sama ada secara sedar ataupun tidak, bahawa Pengerusi PAC adalah Pengerusi Tenaga Nasional Berhad. Walaupun Tenaga Nasional Berhad tidak melibatkan dengan PAC tetapi bagi saya bahawa agak sukar bagi Pengerusi PAC yang juga Pengerusi Tenaga Nasional Berhad untuk check atau memantau akaun Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di mana Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia punya kepentingan dengan TNB dan TNB punya kepentingan dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya perlantikan Pengerusi PAC ini dirujuk semula di Dewan yang mulia ini, agar ianya dapat menjamin satu ketelusan pemeriksaan akaun kerajaan dibawa selepas ini. Dan saya mencadangkan supaya Pengerusi PAC hendaklah dilantik daripada pembangkang dan diperuntukkan khusus di dalam rombongan yang perlu dibuat terhadap peraturan mesyuarat Dewan ini.

Untuk memberikan kecekapan kepada sistem perundangan ini, saya juga mahu mencadangkan supaya Dewan ini mulai hari ini membincangkan keperluan untuk melantik Ahli-ahli Dewan Negara melalui pemilihan, bukannya melalui perlantikan seperti yang berlaku hari ini.

Tuduhan mengatakan Dewan Negara sebagai *rubber stamp* dapat kita hapuskan melalui perlantikan Ahli Dewan Negara, melalui sistem pemilihan ataupun pilihan raya. Persidangan Dewan Negeri juga perlu lebih serius, bukan sekadar memenuhi tuntutan Undang-undang Tubuh negeri. Amat malang apabila berlaku di sesetengah negeri termasuklah di negeri Kedah persidangannya hanya dibuat dalam satu jam ataupun dua jam dalam satu-satu sesi sidang. Mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Pendang boleh jelaskan apa yang berlaku dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kedah.

Demi kepentingan rakyat juga, pilihan raya peringkat kerajaan tempatan perlu diadakan semula, nasib rakyat bawahan akan lebih terbela dengan cara begini. Majlis kerajaan tempatan bukannya bagi medan untuk pemimpin-pemimpin kecil dan pertengahan UMNO untuk cari makan.

Saya juga ingin melahirkan kekesalan yang tinggi terhadap sikap beberapa orang Menteri yang tidak menjawab soalan mulut yang tidak sempat dijawab dalam persidangan dan juga soalan-soalan bertulis yang mengalami nasib yang sama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Sepatutnya semua soalan yang tidak sempat dijawab di Dewan yang mulia ini hendaklah dijawab secara yang bertulis, inilah tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan oleh para menteri dan juga pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya juga rasa sudah tiba masanya untuk sistem demokrasi dan pentadbiran negara ini berfungsi dengan lebih accountable dan berkesan dengan memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang untuk mendapat maklumat terus daripada pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan juga agensi dan jabatan kerajaan.

Ketua Pembangkang sepatutnya dibolehkan untuk melawat ke kementerian-kementerian dan mendapat taklimat tentang jabatan dan juga agensi kerajaan. Saya menuntut penjelasan daripada Menteri berkenaan, adakah kerajaan akan membenarkan lawatan seumpama ini dibuat oleh Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang untuk mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan jabatan kerajaan.

Saya sangat kesal dengan tindakan kerajaan yang hanya menyalurkan peruntukan tahunan pembangunan kawasan hanya kepada MP Barisan Nasional sahaja sedangkan seluruh rakyat membayar cukai. Saya tidak tahu peruntukan ini wang ihsan ataupun tidak tetapi saya mencabar Barisan Nasional supaya mempraktiskan seperti mana yang dibuat di negeri Terengganu bahawa ADUN Barisan Nasional juga mendapat peruntukan yang sama.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya, mudah-mudahan ianya akan dapat memberikan manfaat kepada usaha kita untuk membangunkan pelaksanaan pembangunan negara kita pada tahun yang akan datang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mambong.

4.31 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang bagi membahaskan Belanjawan Tahun 2001.

Saya ingin menambah lagi fakta-fakta yang telah pun diketarakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tentang globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Globalisasi dan liberalisasi perdagangan adalah satu proses perkembangan ekonomi di mana

ekonomi-ekonomi semua negara di dunia ini dipersepadukan bagi membentuk perdagangan bebas tanpa sebarang sekatan dan tarif bagi kemasukan barangan dan perkhidmatan ke tiap-tiap negara.

Proses ini bergerak pantas dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara. The World Trade Organization (WTO), dengan izin, adalah badan dunia utama yang menjana globalisasi dan dengan izin, WTO is a primary rule making regime of globalization process dan disokong dan dibiayai oleh Amerika Syarikat. Tetapi apa yang menyedihkan ialah bahawa globalisasi melemaskan usaha dan keupayaan kerajaan sesebuah negara bagi mengawal aktiviti-aktiviti perdagangannya.

Seorang pegawai WTO yang tidak mahu namanya diketahui umum baru-baru ini dilaporkan dalam akhbar *Financial Times* berkata, dengan izin, “*WTO is where national governments collude in private against their domestic pressure groups*”. Selain daripada WTO, badan-badan dunia lain yang menyokong dan menggiatkan proses globalisasi ialah World Bank dan International Monetary Fund (IMF) tetapi prinsip-prinsip operasi badan-badan dunia tersebut adalah dengan izin, narrow and served the few at the expense of the many and the environment. Kaedah-kaedah perdagangan dan pelaburan adalah dibentuk agar dapat memberi manfaat kepada Trans National Corporation (TNC) yang dimiliki oleh negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain.

Justeru, corporate-led globalization, dengan izin, telah melemaskan alam sekitar, ekuiti, kemantapan pelaburan, food safety dan sekuriti dan kepelbagaian kebudayaan di dunia ini. Oleh kerana globalisasi memang tidak dapat dielakkan dan bagi menangani kesan-kesan buruk yang telah saya sebut tadi, saya menyarankan agar kerajaan kita mengambil langkah berjaga-jaga seperti berikut:

- (i) kerajaan harus berwaspada agar jangan terlalu memberi kebebasan beroperasi kepada TNC;
- (ii) oleh kerana prinsip-prinsip globalisasi menekankan, dengan izin, the empowerment of local companies adalah lebih baik sekiranya kerajaan mewujudkan legislation dan peraturan-peraturan bersepadu bagi mengawalkan aktiviti-aktiviti TNC yang beroperasi di negara ini;

- (iii) oleh kerana proses globalisasi akan memberi kesan buruk ke atas alam sekitar disebabkan pembuangan sisa-sisa toksik dan lain-lain bahan yang boleh mencemarkan alam sekitar, maka kerajaan haruslah menekankan prinsip-prinsip ecological sustainability, dengan izin;
- (iv) kerajaan haruslah memastikan bahawa hak asasi warganegara dipelihara;
- (v) barangan yang tidak sesuai kepada pemeliharaan kebudayaan masyarakat-masyarakat kita haruslah tidak dibenar masuk ke negara ini;
- (vi) oleh kerana reka bentuk globalisasi setakat ini mungkin menyebabkan, dengan izin, the widening gap between the rich and the poor countries, kerajaan haruslah mewujudkan satu instrument bagi menentukan bahawa ekuiti yang saksama dipelihara bagi semua peringkat perdagangan; dan
- (vii) kerajaan mesti mengukuhkan dan mempromosikan k-ekonomi, dengan demikian saya mengalu-alukan usaha kerajaan bagi memperlengkapkan warganegara dengan kemahiran baru dan menyusun semula keutamaan dalam menerapkan kebudayaan teknologi tinggi dan keusahawanan yang dinamik untuk menentukan kejayaan k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya globalisasi yang dikawal dan diselidikan oleh WTO adalah satu alat Amerika Syarikat bagi menjajahkan negara-negara sedang membangun di dunia ini.

Jelas tindak-tanduk Amerika Syarikat yang enggan membayar peruntukannya kepada United Nations berjumlah dianggarkan USD1.021 bilion jumlah terkini adalah bagi melemahkan United Nations kerana tidak dapat dikawal dan digunakan bagi manfaatnya. Sebaliknya WTO, IMF dan World Bank boleh dikawal bagi membawa keuntungan kepadanya.

Saya ingin menyentuh perkara yang kedua iaitu berkaitan dengan perladangan hutan di negara kita. Perladangan hutan atau forest plantation haruslah digalakkan di

negara kita, memandangkan bahawa industri perkayuan selama ini telah pun bergantung kepada sumber hutan asli ataupun natural forest.

Sektor industri perhutanan telah pun menyumbangkan hampir 5% kepada GDP negara. Pada tahun 1999, nilai revenue earnings, dengan izin, akibat eksport produk-produk hutan dan barangan-barangan berasaskan perkayuan ialah RM16.5 bilion. Justeru, projek-projek perladangan hutan adalah penting bagi perkembangan sosioekonomi. Tetapi projek-projek perladangan hutan membawa risiko yang tinggi dari segi pelaburannya kerana gestation period, dengan izin, sangat panjang biasanya 15 hingga 45 tahun bergantung kepada jenis-jenis pokok yang ditanam.

Risiko-risiko yang dimaksudkan ialah:

- (i) pelaburan capital dan recurrent maintenance costs, dengan izin, adalah amat tinggi;
- (ii) gestation period agak panjang 15 hingga 45 tahun dan tidak ada pendapatan interim;
- (iii) sukar bagi pelabur-pelabur mendapatkan kemudahan-kemudahan kredit daripada institusi-institusi kewangan; dan
- (iv) risiko fizikal seperti serangga-serangga perosak dan penyakit dan juga bencana alam seperti banjir dan kebakaran.

Insentif-insentif yang sedia ada sekarang bagi mendorong pelabur-pelabur di negara kita adalah seperti berikut:

- (i) pioneer status yang diberi kepada pelabur-pelabur hingga production day atau pengeluaran kayu bermula;
- (ii) investment tax allowance yang diberi hingga lima tahun daripada permulaan projek-projek perladangan; dan
- (iii) agriculture and capital allowances yang hanya dapat dituntut dalam jangka masa pioneer status.

Memandangkan bahawa ketiga-tiga insentif tersebut tidak berapa menggalakkan, saya mengesyorkan agar kerajaan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan berikut:

- (i) tempoh pioneer status haruslah dilanjutkan lagi 10 tahun daripada production day;

- (ii) 100% of the adjusted income should be exempted from tax, dengan izin;,
- (iii) any unabsorbed allowances such as agriculture and capital allowances on qualifying expenditure from the pre-pioneer status period should be carried forward for utilization into the post pioneer status period

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit: ...indefinitely until utilized, dengan izin,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang minta penjelasan Yang Berhormat. Sri Aman.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, boleh-boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, sila.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong.

Saya nampak selama ini apabila kita menanam semula hutan, kayu-kayu yang digunakan adalah kayu yang 'licak' yang lembut, yang akan tumbuhan dalam jangka masa yang tidak begitu lama. Tetapi saya nampak di Sarawak kita banyak mempunyai jenis-jenis kayu yang harganya lumayan seperti belian, seperti ramin, seperti tekam, seperti dalam bahasa tempatan 'empenit' tetapi kayu yang berharga ini yang tidak ditanam. Apakah pendapat Yang Berhormat di sini?

Dr. James Dawos Mamit: *[Mengetuk pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Sri Aman, selama ini tanaman semula di Sarawak adalah menggunakan spesis yang dinamakan 'acacia'. Spesis ini adalah diperlukan untuk penggunaan pulpa dan kertas, memandangkan sekarang bahawa ada satu syarikat transnasional akan beroperasi untuk manufacture pulpa dan kertas di negeri Sarawak, maka menanam 'acacia' adalah baik juga.

Spesis-spesis yang lain seperti belian dan empenit mengambil jangka masa agak lama, belian umpamanya mengambil masa lebih 100 tahun untuk membesar dan baru boleh ditebang menjadi kayu-kayan. Biarkan saya teruskan

- (iv) investment tax allowances haruslah merangkumi semua kos yang berkaitan dengan meluaskan dan menyediakan tapak-tapak untuk ditanam. Kos-kos menyewa tanah, kos-kos menyedia dan mengurus benih, kos-kos pemantauan dan penyelenggaraan termasuk weeding, fertilising, thinning, enrichment planting, pest control and fire management, dengan izin. Cadangan baru investment tax allowances haruslah dikenakan kesemua perbelanjaan capital dalam tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun iaitu the gestation period, dengan izin.

Di negeri Sarawak, kerajaan negeri yang dipimpinkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak telah pun berjaya mengatur strategi yang berna s bagi menggalakkan perladangan hutan. Dari segi Perlembagaan Malaysia , negeri hanya boleh mengatur strategi penggalakan berkaitan dengan tanah.

Justeru itu, kerajaan negeri telah pun membenarkan pelabur-pelabur menggunakan 20% daripada luas kawasan yang dilulus dan diperuntukkan oleh kerajaan bagi mewujudkan ladang kelapa sawit agar pelabur-pelabur dapat memperoleh pendapatan dalam jangka masa yang lebih pendek daripada tanaman kelapa sawit.

Dengan demikian, pelabur-pelabur boleh mendapat pendapatan lebih awal dalam tempoh tiga tahun agar mereka dapat meneruskan projek-projek perladangan hutan mereka. Setakat ini di Sarawak 1.4 juta hektar tanah telah pun diluluskan oleh kerajaan negeri di mana lesen-lesen bagi perladangan hutan telah pun diberi kepada 14 buah syarikat tempatan dan tiga daripada bilangan tersebut sedang giat beroperasi.

Apa yang belum dilaksanakan sekarang adalah tax allowances baru yang dipohon oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Pusat termasuk ubahsuaian insentif-insentif yang telah saya sebutkan tadi.

Perkara yang ketiga yang saya ingin bangkitkan pada hari ini ialah tenaga menggunakan *biomass*. Tenaga *biomass* ataupun *bio-energy*, dengan izin, adalah pengeluaran tenaga menggunakan teknologi berasaskan bahan-bahan tumbuhan

seperti sisa-sisa kayu, jelapang padi, kertas buangan dan lain-lain *biomass*. Di beberapa negara Barat, tenaga daripada *biomass* digunakan sebagai tenaga untuk kenderaan-kenderaan pengangkutan dan pengeluaran elektrik. *Bio energy* haruslah digalakkan di negara kita kerana

- (i) *bio energy* tidak mencemarkan kualiti alam sekitar;
- (ii) *bio energy* boleh membawa keuntungan kepada penduduk di luar bandar kerana *biomass supply*, dengan izin, adalah terdapat di luar bandar. Bahan-bahan tumbuhan yang ada di tanah-tanah di luar bandar bolehlah dijual kepada syarikat-syarikat penjana kuasa; dan
- (iii) *bio energy* adalah *sustainable* kerana selagi ada tanah, tumbuh-tumbuhan akan tumbuh dan menjadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ada lagi ... okay. Batang Lumar boleh. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bercakap dengan soahn *biomass* dan *bio energy*. Saya minat. Soalnya, biasa kalau hendak menggunakan *biomass*, *bio energy*, kita ambilkan bahan-bahan daripada umpamanya di luar bandar yang Yang Berhormat sebut itu, *peat soil*, tetapi kalau *peat soil* itu diambil untuk ditukar menjadi *energy* dan tempat itu akan terpendam macam itu sahaja. Macam mana, kawasan kita menjadi laut, tinggal bukit sahaja. Bagaimana Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Itu memang betul. Kerana kalau kita menggunakan *peat* untuk menjana kuasa elektrik, *peat* ataupun kawasan-kawasan tanah gambut adalah suatu kawasan yang *environmentally sensitive*, kita tidak boleh kacau. Biar saya teruskan lagi.

Usaha kerajaan bagi mengecualikan cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun supaya syarikat tersebut diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 60% dan juga pengecualian duti import dan cukai jualan haruslah dialu-alukan. Umpamanya, kerajaan Amerika Syarikat telah pun mewujudkan tabung *Biomass Power Program*

berjumlah USD46.16 juta bagi menjalankan R&D dan jumlah ini sentiasa ditambah dari masa ke semasa. Kerajaan Amerika Syarikat juga mengecualikan 100% cukai pendapatan kepada syarikat-syarikat jana kuasa dalam bentuk *Production Tax Credit for Biomass*, dengan izin, tanpa mengira tempoh.

Menyedari hakikat ini, saya menyarankan agar kerajaan mengecualikan cukai sebanyak 100% bagi cukai pendapatan untuk menggalakkan banyak lagi syarikat tempatan menyertai perniagaan ini. Bahan-bahan *biomass* bukannya kurang di negara kita. Sisa kayu yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pengilangan kayu-kayan sahaja adalah dianggarkan 7,200,000 *cubic meter* setahun. Bayangkan jika sisa-sisa tersebut dibuang ke dalam sungai yang boleh menyekat pengaliran air sungai. Itulah di antara sebab-sebab yang menimbulkan banjir kilat di negara kita.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan pada hari ini isu tentang biopolitik. Biopolitik ada kaitan langsung dengan globalisasi. Corak politik global ini timbul daripada *patents, intellectual property and politics of knowledge*, dengan izin. Kita di negara ini harus meneliti biopolitik daripada keuntungan atau kerugian yang timbul hasil daripada industri berasaskan bioteknologi. Petani-petani kita yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman sendiri dalam aktiviti tanam-menanam dan bijih benih tidak dapat keuntungan jikalau genetik bijih benih kepunyaan mereka sudah diubahsuai walaupun sedikit melalui proses bioteknologi.

Apabila ubahsuaian genetik sudah dipatenkan, yang mendapat keuntungan ialah TNC yang memegang paten. Petani kita terpaksa membayar royalti jika ingin menanam biji-biji yang dimaksudkan. Isu pengawalan paten bagi *modified 'life forms'*, dengan izin, adalah persoalan biopolitik antarabangsa yang harus diteliti. Masalahnya ialah ubahsuaian *'life forms'* bermula daripada *'life form'* yang lain kepunyaan orang lain juga. Apa saja *'life form'* terdapat di negara kita kepunyaan rakyat Malaysia. Kalau ubahsuaian genetik dibuat oleh negara lain, mereka harus memberi faedah dan manfaat kepada negara rakyat di negara kita mengikut perjanjian *Convention on Biological Diversity*. Tetapi, negara-negara maju tidak mahu mengambil kira bahawa mereka mencuri *'life form'* daripada negara-negara yang sedang membangun dan tidak mahu membahagikan faedah-faedah yang saksama kepada kita.

Menyedari masalah sebegini, saya menyarankan agar kerajaan, mewujudkan perundangan yang sesuai bagi mengawal ketat '*germ plasm*' di negara kita agar tidak dibawa keluar dan diubah suai di negara-negara lain. Dalam perkara ini Kerajaan Negeri Sarawak sekali lagi merintis jalan bagi memperkembangkan industri bioteknologi dengan mewujudkan *legislation* yang dinamakan, *The Sarawak Biodiversity Ordinance* pada tahun 1997.

Kerajaan haruslah berjaga-jaga dan menyedari keburukan biopolitik dunia Barat ini, sebab industri bioteknologi kini sedang berkembang maju dan membawa keuntungan kepada TNC dengan *value* nya berbilion-bilion Dolar Amerika Syarikat.

Untuk mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Jimmy Donald: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Aman berdiri.

Dr. James Dawos Mamit: Sri Aman lagi, sudah dua kali.

Tuan Jimmy Donald: Satu kali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kali ketiga tidak boleh.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan kawan dari Mambong, bukan sahaja '*life form*' tetapi saya nampak hasil hutan kita kayu ataupun bunga yang kita nampak biasa di Sarawak dan di Malaysia pun juga ditiru dan dibuat, saya nampak di Amerika, Kanada dan di dunia luar. Macam-macam ada dicuri dan di sana dibuat daripada plastik dan diletakkan di belakang Speaker. Kita yang terpaksa beli semula. Jadi, apakah pendirian Yang Berhormat kalau orang mencuri, bukan sahaja idea, reka bentuk tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga kita di Malaysia ini dan dieksport semula ke negara kita.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Sri Aman, itulah sebabnya kita sebut tadi negara haruslah mewujudkan *legislation* dan perundangan-perundangan yang ketat bagi mengawalkan '*bio piracy*' seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, seperti kawan saya dari Tambun, saya juga mengesyorkan agar bonus diberi kepada kakitangan-kakitangan kerajaan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan.

4.55 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan sekali lagi mengemukakan satu Belanjawan defisit untuk tahun depan. Hasil negara diramalkan mencapai RM69.6 bilion dan perbelanjaan adalah lebih kurang RM91 bilion iaitu mengalami defisit lebih kurang RM21.4 bilion. Dan, dalam jumlah ini 68% perbelanjaan adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan hanya 30% untuk Perbelanjaan Pembangunan. Reaksi kalangan rakyat boleh dicerminkan dari prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur da lam dua, tiga hari ini.

Pada hari Isnin, iaitu dua hari selepas pengumuman Belanjawan tahun 2001, Bursa Saham Kuala Lumpur terus terjunam lebih kurang 16 *point*. Dan, kelmarin iaitu Selasa, 22 *point* dan pagi ini ada *adjust* sedikit iaitu ada naik sedikit. Ada orang kata *Budget* ini adalah *painless* iaitu tidak ada sakit tetapi mana lagi ada sakit, darah pun sudah kering. Kalau dikata batu diperah tidak akan keluar air, tengoklah pendapatan rakyat kita, bayangkan sekiranya seseorang rakyat kita dapat RM1000 hingga RM1500 sebulan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa yang diperah tadi Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh!.

Tuan Lim Hock Seng: Batu kalau diperah tidak akan keluar air lagi. *[Disampuk]* Bayangkan kalau seseorang awam mendapat lebih kurang RM1000 hingga RM1500 sebulan tolak perbelanjaan untuk anak, isteri, pendidikan, sewa rumah, bil elektrik/air dan kemungkinan besar bil elektrik akan naik pula, gas sudah naik dua kali, barang-barang makanan harganya melambung dan barang-barang guna pakai pun terus naik harga. Apa ada tinggal lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Kalau perlu bayar cukai secara wajib iaitu seperti apa yang termaktub dalam perundangan, saya pasti rakyat kita tidak mampu lagi menanggungnya. Kakitangan-kakitangan kerajaan harapkan ada bonus untuk akhir tahun ini untuk merayakan Hari Raya, harapan mereka pun telah lesap. Kini berlakulah ada kesatuan-kesatuan sekerja hendak piket atau demonstrasi untuk menuntut kenaikan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, MTUC, menganjurkan..., tetapi telah dibatalkan, hendak menganjurkan satu piket untuk 15,000 orang ahlinya iaitu terdiri daripada pertubuhan PERKESO, Bank Simpanan Nasional, 'Yayasan Pasukan Kebajikan Angkatan' dan juga Yayasan Tabung Haji. Mereka menuntut 10% kenaikan gaji tetapi dalam *Budget* yang diumumkan baru-baru ini sama ada 10% kenaikan gaji dan elaun-elaun yang berkaitan termasuk dalam golongan kakitangan-kakitangan yang saya sebut iaitu empat pertubuhan agensi kerajaan ini. Jikalau ia tidak dirangkumi dalam *Budget* ini, apa cara hendak menyelesaikan petisyen mereka ini. Bukankah Barisan Nasional selalu kata dengan slogannya, Barisan Nasional pembela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun depan iaitu 2001, kerajaan sekali lagi perlu memberi pampasan sebanyak RM88 juta kepada konsesi lebuhraya di negara kita ini. Antaranya ada empat konsesi lebuhraya di mana kerajaan perlu membenarkan mereka menaikkan kadar tol. Jikalau tidak membenarkan mereka naik kadar tol maka kerajaan perlu membayar RM88 juta untuk mereka.

Ini adalah satu kelemahan perjanjian di mana kerajaan tidak cukup teliti dalam perjanjian itu, iaitu mengakibatkan kerajaan pada setiap tahun perlu membenarkan mereka menaikkan kadar tol.

Menteri dalam satu jawapan bertulis kepada saya kata kerajaan sedang berunding dengan konsesi-konsesi lebuhraya ini supaya meng'*adjust*'kan, dengan izin, kenaikan tol itu. Apa yang kita fikir akhirnya rakyat juga perlu menanggung beban ini. Mereka lebih-lebih untuk memanjangkan tempoh pajakan kepada konsesi ini. Ini bermakna bukan generasi kita sekarang ini kena memikul beban ini tetapi anak cucu kita pun kena menanggung beban ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan beberapa perkara dalam Budget seperti apa yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan. Antaranya, kerajaan kita kerana hendak menggalakkan pakar-pakar atau

profesional-profesional yang sedang berada di luar negara untuk balik ke negara kita berkhidmat dalam negara kita ini. Antaranya mereka memberi galakan seperti membawa balik dua buah kereta yang mereka daftar di luar negara, memberi taraf kerakyatan atau PR kepada isteri atau suami mereka dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada kerajaan mengapa dalam negara kita yang sedia ada berpuluh ribu graduan dari Taiwan iaitu rakyat Malaysia yang menuntut di Taiwan selepas mendapat ijazah atau diploma di Taiwan mereka tidak diakui atau diiktirafkan oleh kerajaan kita. Penuntut-penuntut atau graduan-graduan Taiwan ini mereka ada prestasi yang tinggi di bidang pertanian, kejuruteraan dan lain-lain bidang juga. Saya mendapati bahawa di kebanyakan ladang pertanian seperti haiwan, pertanian dan lain-lain, semua ada graduan-graduan Taiwan. Mereka berkhidmat dengan cemerlang dengan mereka. Tetapi mengapa kerajaan kita masih tidak mahu mengiktirafkan kelulusan mereka ini. Lagipun jikalau hendak memberi PR atau kerakyatan kepada suami atau isteri dari luar negara, tetapi dalam negara kita ini.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng:masih banyak.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng : Sedikit boleh.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperbetulkan PR itu bukan kerakyatan, tetapi ialah penduduk tetap. Bezanya amat jauh kalau dikatakan PR itu kerakyatan. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Baik. Terima kasih. PR itu *permanent resident*. Jadi, di negara kita ada beribu-ribu orang iaitu isteri-isteri warganegara kita baik dari Indonesiakah, Thailandkah atau dari mana-mana, mereka memohon untuk mendapat PR atau mendapat kerakyatan di negara kita ini, tetapi berpuluh-puluh tahun mereka tidak boleh dapat. Di kawasan saya ada sepasang suami-isteri. Isterinya dari Thailand, anaknya pun sudah 15-16 tahun, tetapi isterinya masih tidak menjadi PR. Tiap-tiap tahun beliau kena balik ke Thailand dan selepas itu masuk balik baru boleh cop satu

tahun lagi. Tiap-tiap tahun perlu buat demikian. Bukankah ini satu penganiayaan kepada orang-orang biasa. Kerajaan cuma mementingkan orang-orang yang profesional dan ada kepakaran tetapi orang biasa tidak dipentingkan. Bukankah negara kita ini juga memerlukan tenaga dan pengorbanan dari orang-orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu tafsiran profesional atau pakar. Apakah tafsirannya, sama ada kelulusan universiti atau kolej di mana-mana beliau dikatakan profesional atau pakar. Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu jawatankuasa untuk meneliti permohonan seperti ini. Tetapi saya perlu berkata bahawa jawatankuasa ini mungkin berfungsi dengan tidak bertelus, tidak *transparent*, dengan izin. Bukankah baik kerajaan boleh mentafsirkan dengan terus terang iaitu siapakah kategori-kategori orang ini yang ditafsirkan sebagai layak untuk memohon balik ke negara kita ini.

Antaranya satu perkara lagi ialah doktor-doktor, iaitu tidak kira mereka berkecualan beberapa tahun pengalaman di luar negara. Apabila mereka hendak balik ke negara kita mereka diwajibkan untuk berkhidmat di hospital kerajaan dua atau hingga tiga tahun. Inilah satu rintangan atau satu-satu sebabnya doktor-doktor dari negara kita yang berkhidmat di luar negara walaupun pakar atau doktor biasa mereka enggan balik ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan ke atas semua kelas rumah awam dan rumah bir. Minuman keras kini dikenakan 5% cukai perkhidmatan. Dalam lampiran 32, iaitu rumah awam kelas satu dan rumah bir kelas satu yang menyediakan perkhidmatan minuman keras dan bir kini dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 5%, manakala rumah awam dan rumah bir kelas lain yang menyediakan perkhidmatan yang sama tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Kini kerajaan mencadangkan bahawa bagi tujuan menyelaraskan dan memudahkan pentadbiran Jabatan Kastam, adalah dicadangkan semua kelas rumah awam dan rumah bir dikenakan cukai perkhidmatan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri atau sesiapa yang bertanggungjawab untuk menjawab memberitahu tafsiran 'rumah awam' dan 'rumah bir' semua kelas. Sama ada ini melingkungi kedai kopi sebab kedai kopi pun ada jual bir, sama ada ini melingkungi kedai-kedai runcit sebab kedai runcit pun ada jual bir. Mereka perlu membayar

5%kah, dan dalam hal ini jikalau tidak diterangkan secara terus terang, maka saya yakin dan saya pun juga kawatir kedai-kedai seperti kedai kopi, kedai runcit dan lain-lain tempat yang ada jual bir atau minuman keras ini nanti akan disita oleh pasukan penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa kecewa kerajaan tidak mengambil langkah-langkah untuk membantu pekebun-pekebun kelapa sawit. Pada satu masa apabila harga minyak kelapa sawit meningkat sehingga RM2,500 satu tan kerajaan mengenakan ses RM50 satu tan pada masa itu. Tetapi kini minyak kelapa sawit telah turun kepada RM800 satu tan pada masa sekarang, adakah kerajaan hendak memberi subsidi atau apa-apa bantuan kepada pekebun-pekebun kelapa sawit ini kerana pekebun-pekebun kelapa sawit di negara kita ini ramai bilangannya khasnya mereka pekebun-pekebun kecil. Saya difahamkan bahawa pada hari ini buah kelapa sawit hanya RM108 satu tan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini ramai pekebun-pekebun kecil mereka pendapatan mereka sudah pasti terjejas, sebab itulah saya katakan rakyat mana ada wang lagi, ada sumber lagi untuk dicukaikan pada masa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan sekolah-sekolah wawasan seperti yang sangat panas dibahaskan dalam masyarakat Tionghua ini atau masyarakat Cina sekarang. Sekolah-sekolah wawasan ini di kalangan rakyat Cina sangat kawatir tentang pelaksanaannya, kerana mereka kawatir ini akan menjejaskan identiti pendidikan Cina yang unggul seperti pada masa sekarang dan perlulah identiti pendidikan Cina yang unggul ini dipelihara. Rakyat di kalangan orang Cina tidak mempertikaikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi, sebagai Bahasa Kebangsaan negara kita. Sesungguhnya ramai anak-anak Cina sekarang sangat mahir, sangat pandai dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan. Mereka langsung tidak mengabaikan pendidikan ataupun mempelajari Bahasa Kebangsaan ini.

Tetapi di kalangan Cina mereka hendak memelihara pendidikan Cina kerana di kalangan Cina menganggap pendidikan Cina adalah akar sesuatu bangsa dan ini boleh dibayangkan oleh semua persatuan dan khasnya Dong Jiao Zhong. Dong Jiao

Zhong sebenarnya ia adalah gabungan jemaah pengurus dan guru-guru Cina. Mereka adalah tembok untuk mempertahankan pendidikan-pendidikan Cina di negara kita ini. Mereka kkuatir sekiranya penguatkuasaan sekolah-sekolah wawasan ini, ciri-ciri atau identiti-identiti pendidikan Cina akan dihakis.

Juga bimbang bahawa peristiwa sekolah menengah Cina seperti berlaku di tahun 60-an boleh berlaku di mana sekolah menengah Cina selepas menerima bantuan penuh dari kerajaan maka sekarang ia dijadikan lebih kurang sebuah sekolah menengah kebangsaan sahaja dan menghilangkan identiti atau pembelajaran pendidikan Cina. Dalam hal ini, Menteri Pendidikan iaitu Tan Sri Musa Mohamad, pendirian beliau sangat keras dan beliau tidak mahu berunding lagi dengan persatuan-persatuan Cina iaitu khususnya Dong Jiao Zhong. Kami berpendapat bahawa kerajaan apabila hendak melaksanakan satu-satu konsep atau satu-satu polisinya pendapat awam juga perlu di ambil kira. Dong Jiao Zhong sebagai satu pertubuhan mewakili semua gabungan jemaah-jemaah pengurus dan guru-guru sekolah Cina ini, pandangan mereka perlu diambil kira dan mereka sedia berunding dengan Menteri Pendidikan.

Jikalau Menteri Pendidikan boleh meyakinkan atau boleh membuat satu undang-undang di mana ia ditulis dengan terang bahawa ciri-ciri atau identiti-identiti pendidikan Cina tidak akan dihakiskan mungkin Dong Jiao Zhong boleh menerima hakikat ini dan menerima cadangan seperti yang dicadangkan itu. Tetapi sekiranya Menteri Pendidikan langsung tidak mahu peduli kepada pandangan atau cadangan-cadangan daripada kaum atau persatuan Cina ini maka saya ingat ini adalah satu kerajaan yang tidak mahu mengambil kira pandangan-pandangan orang ramai khususnya dari kalangan Cina ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh berkenaan Suhakam. Ada tiga majalah atau surat khabar iaitu *Eksklusif*, *Al-Wasilah* dan *Detik* telah diharamkan oleh kerajaan baru-baru ini. Dalam satu jawapan kepada saya, Suhakam ada menerima 268 kes-kes pengaduan berkenaan dengan pencerobohan hak-hak asasi manusia dan lain-lain perkara. Menteri yang berkenaan menjawab Suhakam hanya akan membentangkan laporan atau prestasi mereka kepada Parlimen yang mulia ini pada tahun hadapan.

Bukankah ini bermakna hanya satu kali sahaja Suhakam akan membentangkan prestasi mereka ataupun kegiatan mereka atau apa-apa hasil mereka kepada Parlimen yang mulia ini, satu tahun satu kali sahaja. Langsung tidak ada orang boleh menyoal tentang peranan mereka atau prestasi mereka ini, kerana menteri yang berkenaan apabila dalam sesi soal jawab, beliau berkata beliau tidak boleh menjawab bagi pihak Suhakam. Saya mendapati prinsip atau Suhakam ini dia perlu boleh disoal kerana ini adalah satu pertubuhan suruhanjaya yang ditubuhkan untuk memberikan kepentingan rakyat. Kadang-kadang kes-kes ia memerlukan disegerakan kerana ia menyentuh kepentingan rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Suqiu yang banyak dibincangkan di kalangan rakyat kita juga. Semua perkara yang saya sentuh ini adalah perkara yang sangat hebat atau sangat panas dibincangkan dalam kalangan kita sekarang ini. Suqiu adalah rayuan sebelum pilihan raya tahun 1999. Ia dikemukakan oleh lebih kurang 230 lebih pertubuhan-pertubuhan Cina. Antara Suqiu ini hanya hendak menuntut satu masyarakat yang adil, saksama dan juga memansuhkan beberapa undang-undang yang zalim seperti yang dimaktubkan. Sebelum pilihan raya iaitu pada 17 Ogos 1999, Presiden MCA, Presiden Gerakan dan Presiden SUPP telah mengadakan satu 'joint media conference' iaitu satu sidang akhbar bersama di mana mereka kata mereka menerima 17 perkara daripada Suqiu.

Selepas itu pada 22 September 1999, Presiden MCA iaitu Yang Berhormat bagi Labis telah mengumumkan bahawa Kabinet iaitu Jemaah Menteri telah menerima Suqiu ini dan pada 23 September iaitu satu hari selepas Ling Liong Sik mengumumkan perkara ini, *Berita Harian* telah dengan tajuk utamanya memaparkan 'Kabinet Terima Petisyen Kaum Cina'. Ini menunjukkan sebelum pilihan raya yang lepas Kabinet khasnya MCA, Gerakan dan SUPP telah menerima petisyen ini tetapi selepas Barisan Nasional memenangi dengan majoritinya pada pilihan raya yang lepas dengan sokongan hebat dari kalangan Cina, mereka kini telah melupakan dan menggadaikan kaum Cina ini. Mereka seperti apa yang dikatakan 'habis manis sepah dibuang', pun boleh dikatakan 'kacang lupakan kulit'.

Jadi mereka sekarang ini anggap apa-apa yang dihadapi oleh kaum Cina ini tidak penting lagi. Tetapi apabila masa pilihan raya hendak sampai itu sudah penting

lagi. Jadi sebab itulah dalam perutusan kemerdekaan negara kita ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menyifatkan bahawa Jawatankuasa Suqiu ini, tindak tanduk mereka ini seperti tindak-tanduk komunis dan Al-Ma'unah. Ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak boleh beri tuduhan komunis, ini satu tuduhan yang agak berat.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan saya yang tuduh. Ini satu fakta. Ini satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini telah mengakibatkan kemarahan kaum Cina ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh bagi sedikit laluan.

Tuan Lim Hock Seng: Kemarahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading.

Puan Chong Eng: Eh, biarlah. Ini DAP bukan PAS.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Bagan kita hidup dalam masyarakat majmuk. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah riuh, duduk diam, duduk diam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum. Jadi tidak semua kemahuan sesuatu kaum itu akan dapat seratus peratus. Jadi kita bersama-sama dalam negara ini ada yang kita dapat, ada yang kita tidak dapat. Yang penting kita hidup dalam keadaan harmoni dan kita bela atau kita berikan sumbangan kepada negara ini. Jadi, janganlah kita bangkitkan sangat rasa perkauman. Biar kita berpada-pada dan kita hidup dalam keadaan negara yang berbilang kaum ini secara harmoni, damai dan bersama-sama menikmati kemakmuran.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya kata tadi Suqiu ini bukan satu isu perkauman. Ia hendak membinakan satu masyarakat saksama dan adil dan berterusan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh, Bukit Mertajam jangan banyak ...diam..

Tuan Lim Hock Seng: Sebab itu di antaranya ada rayuan untuk memansuhkan undang-undang yang zalim seperti ISA, seperti *Printing and Publication Act* itu. Semua itu yang dikata. Masyarakat Cina tidak menuntut terlampau sangat

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada minta penjelasan lagi. Bagikah?

Tuan Lim Hock Seng: Tidak berapa ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh dia minta penjasankah?

Tuan Lim Hock Seng: Okaylah, okay satu ucapan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Pertamanya sama ada beliau iktiraf satu konsep yang diberi ungkapan dengan izin, *collective wisdom*. Yang kedua saya ingin bertanya bahawa memandangkan kaum Cina adalah satu bangsa yang bertamadun, berkesinambungan lebih 5000 tahun maka paling layak membuat *collective wisdom*. Dan yang ketiga kalau *collective wisdom* ini membuatkan mereka memilih Barisan Nasional tertu sekali itulah yang bijak. Terima kasih. [*Tepuk*].

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kaum Cina memang satu kaum di mana mereka boleh bertolak ansur, boleh menerima cadangan-cadangan yang munasabah, tidak pernah menuntut melampau. Jadi dalam Suqiu itu dalam tujuh belas perkara itu hanya menuntut keadilan sahaja tidak menuntut apa-apa yang lebih dari itu. Apa yang diminta oleh semua kaum Cina itu menerima seperti apa-apa yang telah diminta oleh kaum Melayu. Semua diterima. Tidak ada apa-apa masalah. Dan sekarang kami menuntut bukan hanya untuk masyarakat Cina sahaja, untuk semua rakyat. Semua, kita kata Malaysian. Rakyat Malaysia semua sekali. Jadi sebab itulah Kabinet pun sudah terima 23 September, *Berita Harian* dengan tajuk utamanya

“Kabinet Terima Petisyen Kaum Cina”. Ini bermakna prinsip atau apa yang dituntut itu adalah munasabah dan tetapi Yang Amat Berhormat kita ini.. ...[Disampuk]...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah. Sila masa sudah cukup Yang Berhormat ya, gulung-gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Dia membatashlah, lampaunya. Jadi dia kata begitu. Sebab itulah pada 18 Ogos, pemuda-pemuda UMNO pun sudah ada satu tunjuk perasaan di Chinese Town Hall di Kuala Lumpur ini. Mereka itu terlampau, naik ke atas pagar di sana kata, bagi satu minggu untuk meminta maaf kalau tidak ada hendak bakar bangunan Chinese Town Hall. Apa kelakuan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gulung Yang Berhormat. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ya saya tahu. Jadi pihak polis pun tidak ada ambil tindakan. [Disampuk]. Sampai hari ini tidak dengar pun..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Macam orang jual ubat sahaja nampaknya. Janganlah. Gulung Yang Berhormat, gulung. Itu orang jual ubat macam itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara itu iaitu tunjuk perasaan oleh pemuda -pemuda UMNO itu boleh mencetuskan satu rusuhan. Nasib baik Barisan Alternatif [Tepuk] Dengan sefahaman dari pihak-pihak parti-parti kita di sini Pemuda PAS, Pemuda KeADILan mereka tidak ikut mereka. Kalau ikut sama, habislah negara kita ini. Kalau semua orang ikut pemuda -pemuda UMNO, masing-masing membuat satu demonstrasi, apa kata negara kita ini mesti hancur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gulunglah gulung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya dekat habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gulung Yang Berhormat saya beri satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi kami dalam Barisan Alternatif kami semua faham tentang perkara ini. Jadi pemuda-pemuda PAS, pemuda-pemuda KeADILan mereka ini semua bersabar. Bersabar mereka tidak membuat kegiatan-kegiatan yang melampau. Dan orang Cina pun mereka pun duduk diam tengok sahaja apa perkembangannya. Jadi kami semua ini cukup sabar. Tetapi hanya pemuda UMNO ini terlampau [*Tepuk*] Tetapi hari ini pun belum ada satu tindakan yang adil [*Disampuk*] Kalau sabar, berapa lama kena sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat masa sudah habis Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi saya berharaplah negara kita ini seperti apa yang telah dikatakan oleh bekas Menteri Besar Perlis, satu masyarakat yang majmuk berbilang kaum, berbilang bangsa dan berbilang agama. Kita sama-sama. Apa yang saya tuntutan kamu dengar baik-baik. Kamu yang menuntut saya sabar. Saya pun dengar baik-baik. Kami sama-sama rata. [*Ketawa*] Mewujudkan satu masyarakat yang adil, saksama ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat janganlah sebut “kamu” Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Okay, sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Gelang Patah.

5.29 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tunggu dari pagi sampai sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tarik balik nanti Yang Berhormat. Kalau saya bagi, cakaplah sahaja.

Tuan Chang See Ten: Okay terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai, orang lain ada lagi...

Tuan Chang See Ten: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ambil peluang keemasan ini untuk menyetengahkan beberapa isu semasa untuk perhatian pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya gunakan Peraturan Mesyuarat 12(3) boleh masa selama 15 minit lagi. Jadi saya boleh benarkan. Sila.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya ingin sentuh adalah tentang belia dan sukan. Baru-baru ini Kabinet telah mengambil keputusan drastik untuk mengharamkan kesemua pusat permainan video di negara ini. Keputusan ini juga membabitkan pusat-pusat permainan video yang sebelum ini mendapat lesen untuk beroperasi daripada pihak berkuasa. Pengharaman pusat-pusat permainan video ini bererti pihak kerajaan akan kehilangan satu sumber pendapatan. Walau bagaimanapun demi masa depan generasi muda, keputusan Kabinet ini adalah wajar. Sebagai sebuah kerajaan yang berwawasan, pentadbiran negara tidak boleh dilakukan seperti mengusahakan satu perniagaan yang mengutamakan keuntungan semata-mata. Kadangkala pengorbanan terpaksa dibuat demi satu agenda jangka panjang yang jauh lebih penting.

Dalam belanjawan 2001 yang dibentangkan baru-baru ini, saya mendapati perhatian yang sewajarnya juga telah diberikan kepada golongan pemuda-pemudi. Saya menyokong ke semua usaha untuk melahirkan generasi akan datang yang lebih berkualiti dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada pengharaman pusat-pusat permainan video, pihak kerajaan patut menyediakan lebih banyak kemudahan bersukan serta kemudahan untuk aktiviti lain yang boleh mengisi masa lapang golongan remaja dengan lebih bermakna. Tenaga dan masa para belia perlu disalurkan kepada aktiviti yang berfaedah. Kemudahan serta latihan sukan tidak seharusnya dikhaskan untuk ahli-ahli sukan sahaja.

Orang ramai terutamanya para belia juga harus didedahkan kepada latihan dan teknik permainan yang betul. Buat masa sekarang, kemudahan sukan yang mudah kedapatan kepada orang biasa cumalah padang bola sepak, gelanggang badminton dan gelanggang sepak takraw serta gelanggang bola keranjang. Kerajaan perlu membina

lebih banyak kolam renang, gimnasium, serta padang memanah yang dibuka kepada orang ramai dengan percuma atau dengan bayaran yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sedar bahawa citarasa golongan belia terhadap jenis permainan telah berubah. Malangnya, banyak jenis permainan sukan yang golongan belia minati termasuk menembak dan perlumbaan meneroka hutan dengan kereta pacuan empat roda kini seolah-olah keistimewaan golongan berada. Ini menyebabkan pemuda-pemudi yang tidak mampu dari segi kewangan mengunjungi pusat-pusat permainan video atau lumba motosikal secara haram untuk mengalami sensasi yang mereka dahagakan. Oleh itu, apabila kerajaan membelanjakan wang untuk membina kemudahan bersukan, pihak kerajaan perlu memastikan apakah kemudahan sukan yang para belia mahukan. Adalah satu usaha yang mensia-siakan jika kita menyediakan kemudahan untuk permainan sukan yang sudah tidak begitu diminati oleh golongan muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2001 menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk program pembangunan belia serta berhasrat memberi satu imej yang baru kepada program Rakan Muda dengan memperkenalkan aktiviti yang serasi dengan keperluan semasa. Selain daripada memainkan peranan langsung dalam mengadakan aktiviti-aktiviti yang sihat untuk para remaja, kerajaan juga boleh menggalakkan pertubuhan-pertubuhan sukarela serta keagamaan menganjurkan program-program yang menyumbang kepada cara hidup yang sihat di kalangan generasi muda. Untuk mencapai tujuan ini, Kementerian Belia dan Sukan harus merumus serta mengumumkan satu garis panduan yang mudah untuk permohonan bantuan kewangan bagi program-program seumpamanya ini. Proses permohonan bantuan kewangan yang terlalu birokratik akan mengakibatkan pertubuhan-pertubuhan yang ingin mengadakan kegiatan untuk pemuda-pemudi menetapkan rancangan masing-masing apabila berdepan dengan masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mewajibkan kesemua remaja lelaki menyertai perkhidmatan nasional atau dengan izin, *national service*, dengan menjalani latihan ketenteraan selama dua tahun terutama jika tidak boleh untuk semua belia, pelajar-pelajar yang cemerlang dari IPTA atau IPTS sebelum mereka masuk ke

IPTA atau IPTS kerana mereka adalah bakal pemimpin negara, mereka perlu diwajibkan mengadakan *national service*, dengan izin, atau perkhidmatan nasional supaya dapat mempelajari disiplin-disiplin yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan nasional ini boleh dimulakan apabila remaja lelaki mencapai umur 18 tahun atau 20 tahun. Ia juga boleh dimulakan pada satu peringkat umur yang ditetapkan oleh pihak kerajaan setelah mengambil kira perhubungan pembelajaran peringkat menengah dan pengajian peringkat tinggi mereka yang terlibat. Perkhidmatan nasional ini boleh berfungsi sebagai satu saluran untuk mendisiplinkan para belia. Pada masa yang sama, ia juga membantu proses interaksi dan integrasi di kalangan rakyat berbilang kaum. Perkhidmatan nasional ini juga membantu memupuk semangat kekitaan dan semangat cintakan negara di kalangan remaja tanpa mengira kaum dan agama.

Selain daripada itu, rancangan sedemikian juga membantu mengurangkan bilangan anggota tentera tetap dalam pasukan keselamatan negara tetapi pada masa yang sama memantapkan kekuatan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah saya ingin sentuh tentang perkara perpaduan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2001 juga menyeru semua pihak eratkan perpaduan, amalkan keikhlasan dan tingkatkan kerjasama bagi menjayakan cita-cita bersama. Kita selalu mengatakan kepada para tetamu dari negara asing bahawa rakyat berbilang kaum negara ini dapat hidup dengan harmoni dan sejahtera. Hubungan mesra di kalangan rakyat Malaysia juga sering ditonjolkan dalam risalah-
risalah yang disediakan untuk tujuan menarik kedatangan pelancong asing.

Ya, memang benar, jika dibanding dengan banyak negara lain, kita mempunyai asas untuk berbangga dengan kedamaian yang kita nikmati sekarang. Namun jika ditinjau dengan lebih terperinci, kita akan mendapati bahawa perpaduan di kalangan rakyat Malaysia masih mempunyai banyak ruang untuk kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita dapat lihat bahawa kerajaan sentiasa berusaha memperkenalkan dasar-dasar atau strategi-strategi yang bertujuan menyatupadukan rakyat jelata. Walau bagaimanapun, dari segi perlaksanaannya sering terdapat segelintir kakitangan kerajaan yang bertindak membelakangi niat

murni kerajaan. Insiden di Universiti Malaya berkaitan keengganan Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya meluluskan permohonan mahasiswa kaum Tionghua untuk mengadakan Majlis Perayaan Kueh Bulan dalam kampus adalah satu contoh yang baik. Para pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kampus Skudai di dalam kawasan Parlimen Gelang Patah juga pernah mengadu kepada saya tentang keengganan pihak pentadbir UTM meluluskan permohonan mereka untuk mengadakan sambutan Hari Perayaan Tionghua di dalam kampus tanpa alasan yang munasabah. Apabila perkara seumpama ini dilaporkan dalam akhbar, pihak universiti selalu menggunakan alasan salah faham antara pelajar dan pihak pentadbir bagi mempertahankan kesilapan penyelewengan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara sebegini boleh dikatakan terjadi di beberapa universiti tempatan setiap tahun. Saya kurang faham kenapa masih ada kakitangan universiti yang kurang peka dengan budaya dan cara hidup kaum bukan Melayu di negara ini. Perayaan Kueh Bulan di Universiti Malaya dan sambutan Hari Perayaan Tionghua di UTM merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh para pelajar Tionghua dengan tujuan merapatkan lagi hubungan persahabatan dan silaturahim di kalangan pelajar yang berbilang kaum. Kadangkala jawatankuasa penanjur juga mempunyai ahli-ahli jawatankuasa yang bukan berketurunan Tionghua. Saya tidak nampak sebarang sebab kenapa inisiatif para pelajar tersebut harus dibalas dengan layanan yang tidak munasabah. Kalau kesemua ini memang berpunca dari salah faham, saya berharap kakitangan lalai yang terbabit dikenakan tindakan disiplin yang sewajarnya. Ini adalah untuk mengelakkan budaya salah faham ini daripada terus merebak sehingga menjejaskan perpaduan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakpekaan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya sudah dengar penjelasan Yang Berhormat tadi dan dalam fikiran saya ada satu soalan yang hendak ditanyakan. Mengapa baru-baru ini menteri MCA telah mempengaruhi persatuan-persatuan ataupun pertubuhan-pertubuhan di Kota Bharu supaya jangan mengambil bahagian dalam satu pesta

kebudayaan dan kesenian Cina di Kota Bharu baru-baru ini? Bukankah ini satu tindakan yang *inconsistent* dan bercanggah dengan niat untuk perpaduan dan peluang untuk menunjukkan budaya-budaya Cina kepada penduduk-penduduk di Kota Bharu? Sekian. *[Tepuk meja]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa sudah habis. Boleh jawab besok?

Tuan Chang See Ten: Saya jawab, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab besok, boleh?

Tuan Chang See Ten: Saya akan beri jawapan besoklah, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Besok jawab, ya.

Tuan Chang See Ten: Besok jawab. Bila mula, saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita selesai dan kita sambung besok pada pukul 10.00 pagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- " Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- ” Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (L ibaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Jilid 11

Bil. 58

Rabu

1 November 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

DR.1.11.2000`

156

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan
Usul Anggaran Pembangunan 2001

(Halaman 26)